




MODEL BARU EKONOMI UNTUK MALAYSIA BAHAGIAN AKHIR



MAJLIS PENASIHAT EKONOMI NEGARA



MPEN

MAJLIS PENASIHAT EKONOMI NEGARA

MODEL BARU EKONOMI UNTUK MALAYSIA

**Bahagian Akhir: Langkah Dasar
Strategik**

3 Disember 2010



Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha
Majlis Penasihat Ekonomi Negara
Aras 5 & 11, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8888 6512/8888 6513
Faks: 03-8888 4638/8888 6715
Emel: secretariat@neac.gov.my
Laman web: www.neac.gov.my

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur
Tel. : 03-9236 6888
Faks: 03-9222 4773
Emel: cservice@printnasional.com.my

Reka bentuk dan susun atur disediakan oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Prakata

Laporan ini merupakan bahagian akhir bagi laporan yang disediakan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) mengenai Model Baru Ekonomi (MBE). Membina dari kerangka dasar keseluruhan yang ditetapkan dalam dokumen pertama, laporan ini memberikan butiran yang lebih luas mengenai langkah dasar yang tertakluk dalam 8 Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) dalam Model Baru Ekonomi untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan. Langkah-langkah dasar ini dibangunkan hasil daripada beberapa siri mesyuarat dan rundingan antara MPEN dan pihak-pihak berkepentingan dari sektor perniagaan, kerajaan, pertubuhan buruh, pendidik dan lain-lain.

Senarai langkah dasar ini bukanlah satu senarai lengkap yang meliputi setiap aspek. Ia memperlihatkan landasan penting langkah-langkah dasar yang mana MPEN percaya ia akan mendorong Malaysia ke arah matlamat menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi, mampan dan terangkum menjelang tahun 2020.

Sebagai sebuah badan penasihat bebas, MPEN telah mengemukakan set cadangan ini, yang mana apabila menerima pengendorsan, akan menjadi tugas Kerajaan untuk memulakan pelaksanaan langkah dasar yang serius dengan segera. Oleh itu, MPEN amat menyokong agar agensi dan unit-unit kerajaan yang berkaitan, yang bekerja rapat dengan sektor swasta dan lain-lain pihak berkepentingan, mesti mengambil sikap bertanggungjawab penuh dan mengambil peranan utama dalam merekabentuk rangka kerja pelaksanaan dan garis masa untuk memastikan butiran langkah dasar diterima pakai secara konsisten dan dengan penuh keteguhan. Dalam konteks ini, adalah berkemungkinan tinggi bahawa langkah-langkah tambahan dan pengubahsuaian ke atas langkah dasar yang diacadangkan dalam laporan ini akan diperlukan dan ia harus dilaksanakan selaras dengan objektif dasar dan prinsip-prinsip panduan MBE.

Lebih penting lagi, penerimaan segera langkah-langkah dasar ini disarankan kerana mereka merupakan landasan bagi kejayaan projek-projek dibawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dilancarkan oleh Kerajaan pada hujung Oktober 2010. Sementara menangani ketidakseimbangan makroekonomi jangka pendek yang berpunca dari krisis ekonomi global, pada masa yang sama, Malaysia perlu teguh dalam pelaksanaan yang berani mengenai langkah dasar IPS yang berjaln dalam MBE dibawah Program Transformasi Ekonomi.

Laporan ini telah disusun seperti berikut:

Bab 1: Komponen-komponen Program Transformasi Ekonomi (PTE) bermula dengan menetapkan konteks perubahan antarabangsa dimana Malaysia harus segera mengutamakan transformasi ekonomi. Menyedari bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia adalah bersifat pelbagai dimensi, Kerajaan telah merangka satu pelan tindakan dengan inisiatif yang pelbagai. PTE merupakan inisiatif utama dalam pelan ini yang melibatkan dua komponen berlainan yang diwakili oleh IPS dan NKEA. IPS adalah usaha untuk menghapuskan halangan-halangan struktur kepada pertumbuhan dan mengenalpasti kelemahan kronik dalam ekonomi. Hanya apabila kekurangan ini dapat diatasi maka Malaysia boleh mara ke hadapan dengan NKEA untuk mencapai objektif yang terutama iaitu berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampuan,

Bab 2: Transformasi melalui Mendaya Kembali Sektor Swasta mengenalpasti langkah-langkah dasar yang terdapat dibawah IPS1, IPS3, IPS7 dan IPS8, untuk mengaktifkan semula sektor swasta, mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing, dan meningkatkan sumber-sumber bagi pertumbuhan mampan. Dengan adanya sentimen keraguan yang agak tinggi oleh sektor swasta, yang digambarkan melalui kadar pelaburan domestik swasta yang rendah, satu pakej dasar yang menyeluruh yang melibatkan pengurangan kawal selia, liberalisasi dan pelaksanaan berkesan atas undang-undang persaingan, sejajar dengan piawaian antarabangsa, adalah diperlukan.

Bab 3: Meningkatkan Inovasi seperti digambarkan dalam IPS6 yang memperlihatkan bagaimana inovasi boleh dihidupkan dengan semangat yang baru. Menyedari bahawa keusahawanan dan inovasi tidak akan menjelma dengan begitu sahaja, MPEN membincangkan tentang peranan Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar relevan dan bekerjasama dengan kesemua pihak yang berkepentingan untuk menjana persekitaran dan ekosistem yang lebih baik bagi inovasi.

Bab 4: Transformasi Sektor Awam dinyatakan di dalam IPS4 dan mencadangkan satu pendekatan yang amat baru untuk menghidupkan semula, membentuk, membuang, dan menyusun semula struktur kerajaan dan prosedur pentadbiran yang sesuai dengan keperluan sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Hala tuju strategik Kerajaan perlu untuk mempertingkatkan interaksi bersama perniagaan dan rakyat dengan mencipta satu Kerajaan Tanpa Sempadan. Meningkatkan kualiti penjawat awam memerlukan satu perubahan drastik ke atas struktur dan saiz. Kewangan awam yang baik adalah penting bagi mengawal kestabilan makroekonomi dan meningkatkan prospek masa hadapan rakyat.

Bab 5: Memperhebatkan Pembangunan Sumber Manusia mendasari IPS2 yang menangani aduan umum tentang kekurangan bakat dan buruh mahir dan juga pasaran buruh yang gagal berfungsi dengan baik. Pendidikan dan program latihan kemahiran yang lebih baik merupakan prasyarat, sepertimana juga undang-undang buruh yang sesuai dan amalan dan sistem pengurusan sumber manusia. Bab ini juga menekankan kepentingan dalam meningkatkan jaringan keselamatan pekerja yang tertumpu kepada insurans pengangguran. MPEN menyokong satu sistem penetapan upah yang berhubung kait dengan produktiviti tetapi, dengan kegagalan mekanisme penetapan upah yang sedia ada, MPEN mengakui keperluan memperkenalkan satu dasar upah minimum bagi kepentingan keterangkuman.

Bab 6: Merapatkan Jurang Ketaksamaan menetapkan langkah dasar di bawah IPS5 dan melihat kepada isu-isu utama berkaitan tindakan afirmatif dan program-program yang memfokuskan kepada isi rumah yang tergolong dalam 40% terendah dan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC). Program yang disarankan ini tertumpu kepada pembinaan kebolehan, dan perlu dikoordinasi oleh sebuah agensi yang menggunakan pangkalan data umum penerima-penerima faedah. MPEN juga percaya bahawa program khas yang disasarkan untuk sesetengah kumpulan di luar golongan 40% terendah, terutamanya PKS di dalam kategori BCIC, perlu diteruskan tetapi haruslah dijadikan mesra pasaran, telus dan berdasarkan keperluan serta merit.

Bab 7: Pertimbangan Pelaksanaan melihat kepada strategi pelaksanaan bagi langkah dasar. Terdapat kesedaran yang tinggi akan perlunya ada koordinasi yang lebih terpusat serta proses pembuatan keputusan yang jelas dan bertanggungjawab di setiap peringkat pelaksanaan dasar. Seperti yang dicadangkan dalam RMK-10, PEMANDU akan dimandatkan sebagai agensi pusat untuk mengkoordinasikan rekabentuk dan penggubalan langkah dasar seterusnya, memantau pelaksanaannya, dan menilai keberkesanan bagi tujuan mencadangkan mana-mana langkah pembaikan.

Bab 8: Daripada Visi kepada Hasil memberi kesimpulan dengan menekankan perlunya komitmen yang menyeluruh untuk berubah. Pelan tindakan bagi transformasi ekonomi Malaysia kini sudah lengkap dan terkandung didalam inisiatif-inisiatif yang ditetapkan dalam 1Malaysia, PTE, PTK dan RMK-10, dan telah digambarkan selanjutnya di dalam Bajet 2011 yang diumumkan baru-baru ini. Dengan tujuan yang perlu disegerakan, tumpuan, tenaga dan usaha negara mestilah beralih dengan cepat kepada cabaran pelaksanaan.

Kandungan

1	KOMPONEN PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI	3
1.1	PERUBAHAN KONTEKS DALAM PERSAINGAN ANTARABANGSA	3
1.2	TRANSFORMASI NASIONAL DAN PTE	4
2	TRANSFORMASI DALAM MENDAYA SEMULA SEKTOR SWASTA	11
2.1	MENGINTEGRASI KE DALAM RANTAIAN PENAWARAN GLOBAL.....	11
2.2	MENDAYA SEMULA SEKTOR SWASTA BAGI MENYOKONG RANTAIAN BEKALAN BERSEPADU MALAYSIA YANG MEMERLUKAN PEMBAHARUAN STRUKTUR BERASAS LUAS.....	15
2.3	SATU KERANGKA SOSIO EKONOMI UNTUK PELABURAN YANG BARU	15
2.4	PEMBAHARUAN UNTUK MENGHAPUSKAN KEGIATAN MERENTIR.....	16
2.4.1	<i>Langkah Dasar: Menyemak Semula Rangka Kerja Tadbir Urus Sektor Awam</i>	<i>17</i>
2.4.2	<i>Langkah Dasar: Melaksanakan Satu Sistem Pemantauan Kepatuhan.....</i>	<i>19</i>
2.5	MERASIONALISASI PENYERTAAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN	20
2.5.1	<i>Langkah Dasar: Menubuhkan Pihak Berkuasa Kawalselia- Kawalselia Pusat</i>	<i>22</i>
2.5.2	<i>Langkah Dasar: Menjual Syarikat yang Tidak Strategik dan Perekasayaan Semula Peranan GLC yang Tinggal</i>	<i>23</i>
2.5.3	<i>Langkah Dasar: Menyalurkan Perolehan daripada Penjualan Pelaburan ke dalam Dana Kekayaan Negara</i>	<i>26</i>
2.5.4	<i>Langkah Dasar: Merekasayaan GLC Untuk Menyokong Sektor Swasta.....</i>	<i>26</i>
2.6	MENERIMA PAKAI PIAWAIAN ANTARABANGSA DAN AMALAN TERBAIK.....	27
2.6.1	<i>Langkah Dasar: Mengikut Piawaian Antarabangsa – Tadbir Urus dan Pengurusan</i>	<i>29</i>
2.6.2	<i>Langkah Dasar: Mengikut Piawaian Antarabangsa - Kemampuan ...</i>	<i>29</i>
2.6.3	<i>Langkah Dasar: Menerima pakai Piawaian Kualiti untuk Barangan dan Perkhidmatan.....</i>	<i>30</i>
2.6.4	<i>Langkah Dasar: Memindahkan Piawaian Malaysia sedia ada kepada Piawaian Antarabangsa.....</i>	<i>30</i>
2.6.5	<i>Langkah Dasar: Pematuhan kepada Piawaian</i>	<i>31</i>

2.7	MENGURANGKAN BIROKRASI DAN MENCIPTA PERSEKITARAN BERDAYA SAING	31
2.7.1	<i>Langkah Dasar: Meliberalisasikan Kemasukan, Pemilikan and Pengoperasian</i>	31
2.7.2	<i>Langkah Dasar: Pembaharuan Rangka Kerja Kemahiran</i>	34
2.7.3	<i>Langkah Dasar: Pelaksanaan Pantas dan Tegas Undang-undang Persaingan.....</i>	37
2.8	MEMPERKENALKAN INOVASI DALAM PEMBIAYAAN	38
2.8.1	<i>Langkah Dasar : Inovasi dan Kecekapan Pengagihan Modal.....</i>	38
2.9	MENINGKATKAN PERHUBUNGAN PERNIAGAAN DAN PEMBANGUNAN PKS..	41
2.9.1	<i>Langkah Dasar: Percepatkan Pelancaran Jalur Lebar</i>	42
2.10	MEMELIHARA PERSEKITARAN	43
2.10.1	<i>Langkah Dasar: Mengambil kira Eksternaliti</i>	43
2.10.2	<i>Langkah Dasar: Menggalakkan Pertumbuhan Hijau dan Kecekapan Tenaga.....</i>	44
2.10.3	<i>Langkah Dasar: Mengutamakan Pertanian Mampan</i>	44
2.10.4	<i>Langkah Dasar: Berusaha Untuk Sumber Tenaga Mampan.....</i>	44
2.10.5	<i>Langkah Dasar: Membina Perumahan Mampan.....</i>	45
2.11	MENINGKATKAN SUMBER PERTUMBUHAN - KAJIAN KES KE ATAS PENGHAPUSAN HALANGAN DI SEKTOR TERPILIH	45
3	MENINGKATKAN INOVASI.....	49
3.1	MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK MELALUI INOVASI.....	49
3.2	PERSEKITARAN UNTUK INOVASI	50
3.3	ISU DALAM INOVASI DAN PERUBAHAN TEKNOLOGI	50
3.4	HALANGAN	50
3.5	MENGATASI HALANGAN	51
3.5.1	<i>Langkah Dasar: Menggubal Dasar Perolehan Kerajaan dan GLC yang Menyokong Produk dan Perkhidmatan Tempatan yang Inovatif.....</i>	52
3.5.2	<i>Langkah Dasar: Memupuk Kerjasama P&P yang Lebih Baik dan Rapat di antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Sektor Swasta.....</i>	53
3.5.3	<i>Langkah Dasar: Mengubah HiCoE (Pusat-pusat Kecemerlangan Diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi) yang Sedia Ada kepada Rangkaian Kecemerlangan Sepenuh Masa</i>	54

3.5.4	<i>Langkah Dasar: Mendapatkan Lebih Nilai daripada Pembangunan dan Pengurusan Harta Intelek (IP)</i>	54
3.5.5	<i>Langkah Dasar: Konsolidasi dan Penggabungan Perusahaan Nasional untuk Mewujudkan Skala</i>	55
3.6	LANGKAH DASAR TAMBAHAN DAN PERTIMBANGAN	55
4	TRANSFORMASI SEKTOR AWAM	59
4.1	Kerajaan Yang Cekap Dan Fokus Pelanggan	59
4.2	PEMBAHARUAN BIROKRASI.....	61
4.2.1	<i>Langkah Dasar: Memperkukuhkan Peranan Kerajaan Sebagai Pemudahcara</i>	61
4.2.2	<i>Langkah Dasar: Mewujudkan Perkhidmatan Yang Berpusatkan Rakyat</i>	62
4.2.3	<i>Langkah Dasar: Memperluaskan Penyampaian Perkhidmatan Awam Oleh Sektor Swasta</i>	62
4.2.4	<i>Langkah Dasar: Mempertingkatkan Agensi-Agensi Sektor Awam Bagi Mengerakkan Pertumbuhan</i>	63
4.2.5	<i>Langkah Dasar: Lanjutkan Pembaharuan Pentadbiran Badan Kehakiman</i>	63
4.3	MENINGKATKAN KUALITI SUMBER MANUSIA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM	64
4.3.1	<i>Langkah Dasar: Membuat Pembaharuan Di Dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Agar Mengenalpasti Dasar Strategik Sumber Manusia Dan Proses Pengurusan Di Dalam Sektor Awam...</i>	64
4.4	MENGUKUHKAN PENGGUBALAN DASAR NASIONAL DI DALAM TADBIR URUS EKONOMI.....	65
4.4.1	<i>Langkah Dasar: Mengaktifkan Semula Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (NDPC) Sebagai Badan Utama untuk Penggubalan, Penyelarasan dan Perundingan Dasar</i>	66
4.5	DISIPLIN DAN PEMBAHARUAN FISKAL	67
4.5.1	<i>Langkah Dasar: Menerima Pakai Sistem Perakaunan Akrual untuk Pengurusan Fiskal Berhemat</i>	67
4.5.2	<i>Langkah Dasar: Melaksana Sistem Cukai yang Cekap Berasas Luas</i>	67
4.5.3	<i>Langkah Dasar: Meningkatkan Kawalan Perbelanjaan</i>	68
4.5.4	<i>Langkah Dasar: Menambah Baik Institusi dan Proses Dasar Fiskal</i>	69

5	MEMPERHEBATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN.....	73
5.1	TENAGA KERJA MAHIR DI DALAM PASARAN BURUH YANG RANCAK.....	73
5.2	TRANSFORMASI TEMPAT KERJA.....	74
5.2.1	<i>Langkah Dasar: Membaharui Undang-Undang Buruh.....</i>	74
5.2.2	<i>Langkah Dasar: Mengukuhkan Program Sumber Manusia Strategik</i>	76
5.2.3	<i>Langkah Dasar: Menubuhkan Majlis konsultansi Upah Kebangsaan (NWCC).....</i>	77
5.2.4	<i>Langkah Dasar: Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS).....</i>	77
5.2.5	<i>Langkah Dasar: Menimbang Polisi Upah Minimum</i>	78
5.2.6	<i>Langkah Dasar: Menambah Perlindungan Pekerja dengan Memperkenalkan Insurans Pengangguran</i>	78
5.3	MEMPERHEBATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN TRANSFORMASI TENAGA KERJA.....	80
5.3.1	<i>Langkah Dasar: Menjalankan Ramalan Pasaran Buruh dan Program Soal Selidik.....</i>	81
5.3.2	<i>Langkah Dasar: Fokus kepada meninggikan kemahiran dan meningkatkan tenaga kerja.....</i>	82
5.3.3	<i>Langkah dasar: Memanfaatkan Bakat Wanita untuk Meningkatkan Produktiviti</i>	83
6	MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN	87
6.1	MENCAPAI KETERANGKUMAN MELALUI TINDAKAN AFIRMATIF YANG MESRA PASARAN DAN TELUS	87
6.2	TINDAKAN AFIRMATIF DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	87
6.3	TINDAKAN AFIRMATIF YANG MESRA PASARAN.....	88
6.4	MENANGANI KUMPULAN 40% ISI RUMAH TERENDAH.....	89
6.5	MENGURANGKAN JURANG KETAKSAMAAN PENDAPATAN DAN PERBEZAAN WILAYAH.....	91
6.5.1	<i>Langkah Dasar: Mewujudkan Dasar Induk untuk Program-program Bantuan Sosial</i>	91
6.5.2	<i>Langkah Dasar: Menggunakan Pangkalan Data Seragam yang Menyeluruh yang pada mulanya diasaskan oleh e-Kasih</i>	91
6.5.3	<i>Langkah Dasar: Menangani Keperluan dalam Pengangkutan dan Perumahan</i>	92
6.5.4	<i>Langkah Dasar: Keluar Daripada Perangkap Kemiskinan melalui Pendidikan</i>	93

6.6	PROGRAM SASAR BAGI MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA (BCIC)	93
6.6.1	<i>Langkah Dasar: Mengadakan Program-Program Spesifik kepada Bumiputera PKS</i>	94
6.6.2	<i>Langkah Dasar: Tumpuan kepada Program-program Pembinaan Kemampuan</i>	94
6.7	PERHUBUNGAN ANTARA PENDAPATAN TINGGI DAN KETIDAKSAMAAN DALAM PEMILIKAN ASET	94
6.8	MENGUATKAN INSTITUSI PERTUMBUHAN KETERANGKUMAN	95
7	PERTIMBANGAN-PERTIMBANGAN UNTUK PELAKSANAAN.....	99
7.1	KEPERLUAN PERUBAHAN PERANCANGAN (GAME CHANGE) DALAM JENTERA PELAKSANAAN	99
7.2	DUA KOMPONEN : AGENSI PUSAT DAN LEMBAGA PENILAIAN BEBAS	100
7.3	PERANAN PEMANDU SEBAGAI AGENSI PUSAT PELAKSANA	101
7.3.1	<i>Menguruskan Hala Tuju Strategik</i>	103
7.3.2	<i>Pemantauan dan Laporan</i>	104
7.3.3	<i>Penggubalan dan Pembentukan Dasar</i>	104
7.3.4	<i>Hubungan Dengan Lembaga Penilaian Bebas (IEB)</i>	105
7.4	FUNGSI LEMBAGA PENILAIAN BEBAS (IEB).....	105
8	DARIPADA VISI KEPADA KEBERHASILAN.....	109

Senarai Lampiran

Lampiran A: - Dasar Bagi Sektor E&E	113
Lampiran B: - Dasar Untuk Sektor Minyak Kelapa Sawit	117

Senarai Rajah

Rajah 1.1 - Transformasi Nasional	5
Rajah 1.2 - IPS dan NKEA.....	6
Rajah 2.1 - Pertumbuhan Boleh Menjadi Konsisten Dengan Pengagihan.....	16
Rajah 2.2 - Pembaharuan Sosio-Politik Untuk Menghapuskan Amalan Merentir	17
Rajah 2.3 - Syarikat Milik Kerajaan.....	20
Rajah 2.4 - Kegagalan dalam Rantaian Penawaran GLC	21
Rajah 2.5 - Strategi Dasar untuk Merasionalisasikan GLC	22
Rajah 2.6 - Piawaian dan Rantaian Penawaran Bersepadu.....	28
Rajah 3.1 - Ekosistem Inovasi.....	49
Rajah 7.1 - Rangka Kerja Pelaksanaan	101
Rajah 7.2 - Mengoperasikan Fungsi PEMANDU	103

Senarai Jadual

Jadual 2.1 - Ringkasan Tindakan Polisi Untuk Mengaya Semula Sektor Swasta	14
Jadual 2.2 - Prinsip-prinsip Tadbir Urus Sektor Awam Yang Diterima Pakai Di Peringkat Antarabangsa	18
Jadual 2.3 - Kaedah Alternatif untuk Kawalan Strategik	23
Jadual 2.4 - Ringkasan Strategi-strategi Penjualan Pelaburan untuk GLC Tidak Strategik ..	24
Jadual 2.5 - Rangka kerja Dasar Liberalisasi yang dicadangkan untuk Malaysia.....	32
Jadual 3.1 - Ringkasan Langkah Dasar untuk Meningkatkan Inovasi.....	52
Jadual 4.1 - Ringkasan Cadangan-Cadangan Dasar Untuk Transformasi Sektor Awam.....	60
Jadual 5.1 - Ringkasan Langkah Dasar Bagi Memperhebatkan Pembangunan Modal Insan..	73
Jadual 5.2 - Pemodenan dan Pengabungan Undang-Undang Buruh yang Menyeluruh.....	75
Jadual 6.1 - Ringkasan Langkah Dasar bagi Merapatkan Jurang Ketaksamaan	90
Jadual 7.1 - Keperluan Proses Pelaksanaan.....	104

Glosari Akronim

ASEAN	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara
BCIC	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
BDS	Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan
BLESS	Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan
BNM	Bank Negara Malaysia
CCR	Pendaftaran Kredit Perniagaan
CEE	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan
CGC	Perbadanan Jaminan Kredit
CMP2	Pelan Induk Pasaran Modal Suruhanjaya Sekuriti 2
CPI	Indek Harga Pengguna
CRS	Sistem Pelaporan Kredit
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
DPN	Dasar Perumahan Negara
E&E	Elektrik and Elektronik
EIAG	Pasukan Penasihat Persekitaran Inovasi Kerajaan UK
EKUINAS	Ekuiti Nasional Bhd
EPP	Entry Point Projects
EU	Kesatuan Eropah
FCP	Perolehan Komitmen Ke Hadapan
FDI	Pelaburan Langsung Asing
FSAP	Program Penilaian Sektor Kewangan
FSMP2	Pelan Induk ke- 2 Sektor Kewangan Bank Negara
FTA	Perjanjan Perdagangan Bebas
GFC	Krisis Kewangan Global (2007-2010)
GIA	Penilaian Impak Gender
GLIC	Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan
GOA	Pihak Berkuasa Penyeliaan GLC
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
HiCoE	Pusat Kecemerlangan Akreditasi oleh Kementerian Pengajian Tinggi
HR	Sumber Manusia
HRDF	Tabung Pembangunan Sumber Manusia
HSBB	Jalur Lebar yang pantas
ICR	Hak-hak pemiutang Insolvensi

ICT	Teknologi Informasi dan Komunikasi
IDFR	Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri
IEB	Lembaga Penilaian Bebas
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IIT	Institut Teknologi India
ILKAP	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan
ILO	Organisasi Buruh Antarabangsa
IMD	Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IMO	Pejabat Migrasi Antarabangsa
INTAN	Institut Nasional Tadbiran Negara
IOM	Organisasi Antarabangsa Maritim
IP	Harta Intelek
IPO	Penawaran awam permulaan
IPS	Inisiatif Pembaharuan Strategik
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
ISIS	Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa
JAL	Syarikat Penerbangan Jepun
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KDNK	Kadar Dalam Negara Kasar
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPO	Proses penyumberan pengetahuan
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPWKM	Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LED	Diod pemancar cahaya
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera
MAMPU	Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MBE	Model Baru Ekonomi
MIDA	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
MIER	Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MNC	Syarikat Multinasional

MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
MPEN	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
NCIA	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
NDPC	Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NIC	Majlis Inovasi Nasional
NKEA	Aktiviti Ekonomi Utama Nasional
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Nasional
NWCC	Majlis Konsultasi Upah Kebangsaan
OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
OEM	Perkilangan Peralatan Asli
OKU	Orang Kurang Upaya
P&P	Penyelidikan dan Pembangunan
PATA	Persatuan Pengembara Asia Pasifik
PCG	Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian
PEMUDAH	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PLWS	Sistem Upah Berkaitan Produktiviti
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PTE	Program Transformasi Ekonomi
PTK	Program Transformasi Kerajaan
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
RIA	Analisis Impak Regulatori
RMK-10	Rancangan Malaysia Ke -10
RMK-11	Rancangan Malaysia Ke -11
RMK-7	Rancangan Malaysia Ke -7
RMK-8	Rancangan Malaysia Ke -8
RMK-9	Rancangan Malaysia Ke -9
ROSC	Laporan Pemerhatian ke atas Piawaian dan Kod
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
SMR	Getah Standard Malaysia
SOCISO	Pertubuhan Sekuriti Sosial

SOE	Perusahaan Milikan Kerajaan Negeri
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SWF	Tabung kekayaan Berdaulat
TC	Perbadanan Bakat
TFP	Produktiviti Faktor Menyeluruh
THCDS	Sistem Pembangunan Modal Insan
TM	Telekom Malaysia Berhad
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UI	Insuran Pengganguran
UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UPE	Unit Perancang Ekonomi
US	Amerika Syarikat
USM	Universiti Sains Malaysia
USP	Tabung Peruntukkan Perkhidmatan Universal
VC	Modal Usaha Niaga
WGI	Indikator Tadbir urus Bank Dunia
WTO	Pertubuhan Perdagangan Dunia

BAB

1

**KOMPONEN PROGRAM
TRANSFORMASI
EKONOMI**

1 KOMPONEN PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI

Majlis Penasihat Ekonomi Nasional (MPEN) berbangga mememukakan laporan ini “Model Baru Ekonomi (MBE) bagi Malaysia – Bahagian Akhir : Langkah–langkah Dasar Strategik” untuk pertimbangan Kerajaan Malaysia. Ahli-ahli Majlis telah mengemukakan pandangan dan cadangan yang luas, dengan sumbangan daripada pelbagai kumpulan kerja yang merangkumi wakil-wakil dari pihak awam dan swasta. Laporan ini mencerminkan persetujuan menyeluruh Majlis terhadap isu-isu utama.

Turutan pengumuman dan pelancaran MBE, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), projek-projek dibawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Bajet 2011, diantara Mac dan Oktober 2010, secara amnya telah diterima baik oleh rakyat. RMK-10, satu rancangan yang berulang meliputi tempoh 2011 -2015, telah mengambilkira kebanyakan cadangan dasar MPEN yang diperlukan oleh Malaysia untuk mencapai matlamat pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan. Kita menjangka bahawa hala tuju dasar-dasar ini akan diteruskan pada lima tahun akan datang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Sejak pengumuman MBE, persepsi dari dalam dan luar negara telah bertambah baik, dengan mengambilkira komitmen YAB Perdana Menteri untuk mencapai Visi 2020.

1.1 PERUBAHAN KONTEKS DALAM PERSAINGAN ANTARABANGSA

Transformasi ekonomi yang diperlukan adalah berdasarkan satu realiti strategik yang mudah. Walaupun Malaysia dikurniakan dengan kekayaan sumber semula jadi, namun ekonominya adalah terlalu kecil untuk bersaing secara langsung dengan ekonomi yang besar. Namun, harus diakui bahawa kemakmuran masa depan Malaysia yang berpanjangan berkait rapat dengan ekonomi global. Malaysia harus mengeksploitasi kelebihan berbanding yang ada dalam rangkaian pengeluaran global untuk meningkatkan pendapatan dan menambah baik kualiti hidup. Banyak daripada halangan kepada integrasi secara efektif bagi Malaysia terdiri daripada isu-isu struktur yang diwarisi serta dasar-dasar yang ketinggalan zaman yang telah dikenalpasti dengan jelas dalam MBE.

MPEN mengenalpasti bahawa kemajuan ke arah negara yang maju bergantung kepada kestabilan sosial, suasana keterangkuman dan kesamarataan yang lebih baik, tetapi ini hanya dapat dicapai melalui sistem yang terbuka yang menggalakkan pertumbuhan dan inovasi. Hanya melalui pertumbuhan, sumber-sumber baru akan wujud untuk meneruskan penyusunan semula sosial bagi mencapai keterangkuman dan kemampanan alam sekitar.

Subsidi yang tinggi, yang dibolehkan oleh sumber asli yang ada di Malaysia, telah melindungi kita daripada kesan buruk akibat beberapa kejutan luaran sepenuhnya. Walau bagaimanapun, ini telah menyebabkan penggunaan sumber asli yang tidak berhemat serta defisit fiskal yang berterusan. Oleh itu, Malaysia mungkin menjadi pengimport tenaga menjelang tahun 2015.

Tambahan lagi, perubahan dalam persekitaran luaran yang pesat telah menjadi lebih mencabar. Semenjak Mac 2010, risiko kejatuhan berganda (double-dip) dalam pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian telah meningkat. Negara-negara pasaran muncul (emerging markets) akan bersaing dengan lebih hebat dan secara langsung dengan Malaysia dalam perdagangan dan mendapatkan pelaburan masuk. Maka, kemajuan Malaysia ke arah taraf pendapatan maju akan berlaku dalam persekitaran ekonomi global yang kurang menggalakkan daripada yang dijangka sebelum ini.

Secara domestik, MBE telah berhadapan dengan tuntutan daripada mereka yang mencurigai perubahan agar dasar perlindungan diteruskan. Namun demikian, masalah yang dihadapi Malaysia bukanlah sekadar sektoral atau berpuak tetapi sebenarnya lebih bersifat nasional dan global. Tanpa mengambil kira isu- isu etnik modal pelaburan dan bakat modal insan sedang mengalir keluar, defisit fiskal sedang meningkat, kadar upah yang tidak berkembang, kadar pengangguran di kalangan siswazah yang bertambah serta prospek pertumbuhan adalah lemah melainkan isu-isu asas yang menghalang kemajuan dapat ditangani.

Malaysia perlu mendepani dua isu asas yang berhubung kait untuk maju ke arah ekonomi yang berpendapatan tinggi, keterangkuman dan mampan menjelang tahun 2020.

- Malaysia tidak boleh menjadi negara maju tanpa perpaduan dan kestabilan sosial.
- Kita tidak boleh bersaing di peringkat global jika sistem pendidikan mengeluarkan siswazah dan pekerja yang tidak diperlengkapkan secara teknikal bagi pasaran dunia yang berdaya saing.

Perpaduan dan stabiliti sosial bermakna manfaat daripada pertumbuhan dan kekayaan mestilah dinikmati bersama. Pada masa yang sama, sistem pendidikan harus mengeluarkan siswazah yang dilengkapi kemahiran bagi menghadapi cabaran perubahan dinamik era moden ini dan permintaan dalam kerjaya.

Jika “keadaan baru” (New Normal) adalah ekonomi yang fleksibel, berinovasi dan kreatif serta berdaya saing yang hebat, maka untuk Malaysia mencapai tersebut, negara kita perlu mengeluarkan tenaga kerja dan perusahaan yang mudah berubah, berinovasi dan sentiasa menyesuaikan diri kepada persekitaran yang pesat berubah. Keadaan ini harus diiringi dengan birokrasi kerajaan yang cekap, fleksibel, memudahcara dan membolehkan transformasi ekonomi yang didokong oleh MBE. Struktur, proses, peraturan dan kegiatan kerajaan tersebut harus menjana pembelajaran berterusan dan pemikiran baru untuk menghadapi cabaran mengurus keadaan ketidakpastian.


Penyelesaian secara inkremental bagi menangani masalah yang diwarisi serta menghadapi persaingan hebat antarabangsa tidak akan berjaya. Malaysia harus menasaskan pakej perubahan yang berskala besar (*Game Change*) yang akan merangsangkan pertumbuhan dan pada masa yang sama menangani isu-isu struktur jangka panjang yang akan mengambil masa untuk diselesaikan.

Pelaburan asing dan keyakinan pelabur domestik bergantung kepada peningkatan daya saing dalam negara. Hala tuju kedepan, walaupun tidak menyenangkan kepada setengah pihak, harus bebas daripada kegiatan merentir yang boleh mengikis ekonomi Malaysia dan menghalang tujuan ke arah masyarakat yang terangkum,berpendapatan tinggi dan mampan.

1.2 TRANSFORMASI NASIONAL DAN PTE


Memandangkan Malaysia mengalami masalah yang bersifat berbilang dimensi, pendekatan yang dipilih oleh YAB Perdana Menteri melibatkan kedua-dua program transformasi kerajaan dan ekonomi sepanjang tempoh dua rangka kerja pembangunan 5 tahun Malaysia (**Rajah 1.1**)

Rajah 1.1- Transformasi Nasional



- Pencapaian Visi 2020 hendaklah merangkumi prinsip-prinsip 1Malaysia–Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan bagi menyatu padukan semua rakyat Malaysia.
- Program Transformasi Kerajaan (PTK) akan menyampaikan hasil yang telah ditakrifkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA). Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) sedang memantau pelaksanaan program transformasi ini.
- Program Transformasi Ekonomi (PTE) akan mengubah Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi yang berpendapatan tinggi, keterangkuman dan mampan. PTE mengandungi dua bahagian: Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) di bawah MBE dan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) (**Rajah 1.2**). Langkah-langkah penting yang mendasari IPS sebagaimana didapati dalam laporan ini, merupakan langkah-langkah asas yang kritikal bagi kejayaan NKEA. PEMANDU juga bertanggungjawab menguruskan PTE dan sedang giat berusaha dalam aspek pelaksanaan melalui sesi-sesi makmal yang meluas meliputi semua NKEA, Projek Permulaan (EPP) yang dikenalpasti telah dilancarkan pada hujung Oktober 2010.
- Landasan untuk menyampaikan tindakan dasar yang terkandung dalam Sepuluh Idea Besar dalam RMK-10 akan disokong oleh tindakan lanjutan dalam RMK-11 menjelang tahun 2020.

Rajah 1.2 - IPS & NKEA



Pada bulan Mac 2010, MPEN telah membentangkan satu perspektif yang terbuka dan realistik mengenai penilaian kedudukan semasa ekonomi Malaysia dan prospek masa depannya. Lapan IPS untuk menggerakkan transformasi dan pertumbuhan ekonomi telah dikenalpasti dan kejayaan pelaksanaannya adalah bergantung kepada keazaman politik dan sokongan jitu rakyat Malaysia untuk berusaha dan maju bersama ke arah status negara maju.

IPS berkenaan ialah:

1. Menyuburkan kembali sektor swasta
2. Membangunkan tenaga kerja berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.
3. Mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing.
4. Mengukuhkan sektor awam.
5. Tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran
6. Membina infrastruktur berasaskan pengetahuan
7. Meningkatkan sumber pertumbuhan
8. Memastikan kebolehmampaan pertumbuhan

MPEN mengambil kira usaha dan kajian yang telah dijalankan dalam membangunkan RMK-10 dan Projek Permulaan (EPP) secara implisitnya telah diandaikan bahawa kebanyakan langkah dasar asas dibawah IPS akan diambil pakai dalam pada waktunya. MPEN berhasrat untuk menekankan langkah dasar yang berjalni ini dilaksanakan secara konsisten dan holistik untuk memastikan hasil yang diimpikan dalam RMK-10 dan EPP serta tujuan utama MBE direalisasikan.

Menentukan komposisi serta urutan yang betul bagi langkah-langkah dasar ini adalah kritikal untuk Malaysia melonjak keluar dari perangkap pendapatan sederhana. Laporan MBE ini membahaskan beberapa dasar berkeutamaan tinggi dan isu berjalun utama untuk ditangani secara berdepan dan segera. Keutamaan ini dinyatakan dalam seluruh laporan MBE, yang juga menekankan kepada halangan-halangan utama terhadap pertumbuhan ekonomi dan transformasi. Laporan ini menyediakan cadangan-cadangan mengenai tindakan dasar yang lebih fokus dan bersepadu.

BAB

2

**TRANSFORMASI
DALAM MENDAYA
SEMULA SEKTOR
SWASTA**

2 TRANSFORMASI DALAM MENDAYA SEMULA SEKTOR SWASTA

2.1 MENGINTEGRASI KE DALAM RANTAIAN PENAWARAN GLOBAL

Dalam dunia perdagangan dan pelaburan yang saling berhubung kait dan sangat kompetitif, pengeluaran barangan dan perkhidmatan negara dan di peringkat global adalah sebahagian daripada rantai penawaran yang sentiasa berevolusi menurut keperluan pengguna tempatan dan luar negara. Satu langkah yang perlu ialah Malaysia mengintegrasikan rantai penawaran negara bagi mewujudkan skala. Kebanyakan entiti pengeluaran barangan dan perkhidmatan di Malaysia adalah terpisah, tidak berinteraksi dan berkerjasama antara satu sama lain. Oleh yang demikian, mereka tidak berfungsi secara efektif dan cekap. Masalah ini ditambah pula dengan ketidakcekapan proses kerajaan yang berkaitan yang telah menyumbang kepada ketidakupayaan entiti- entiti ini untuk berfungsi secara sempurna dan bersaing di peringkat global.

Sebagai sebuah negara yang kecil, Malaysia mestilah tangkas, fokus, fleksibel dan cekap untuk bersaing. Malaysia perlu melengkapkan diri untuk menyertai rantai penawaran global untuk mendapat manfaat sepenuhnya jualan barangan dan perkhidmatannya menerusi faedah berbanding yang berdasarkan inovasi. Pengeluaran dan perdagangan negara dan global semakin banyak ditentukan oleh rantai penawaran. Rantai penawaran didefinisikan sebagai sistem yang meliputi organisasi, pekerja, proses, teknologi, aktiviti, maklumat dan sumber yang melibatkan pergerakan sesuatu produk dari pembekal kepada pelanggan atau pengguna terakhir.

Pada hari ini, syarikat multinasional (MNC) telah mengembangkan rantai penawaran dengan meliputi rantai pengeluaran di Asia Timur dan saluran pengagihan dalam pasaran negara maju. Industri elektrik dan elektronik (E&E) Malaysia adalah sebahagian besar daripada rantai penawaran ini, dengan produk direka di California, cip yang dikeluarkan di Taiwan, cakera yang dibuat di Korea, paparan LED dibuat di Jepun dan bahagian yang lain dibuat dan dipasang di Malaysia yang akhirnya akan dieksport ke AS dan EU. Apabila sesuatu syarikat atau negara berjaya memasuki rantai penawaran global, ia akan memiliki faedah skala dan jenama yang sukar bagi pesaing untuk mengugatnya.

Globalisasi membolehkan syarikat untuk mengembangkan skop operasi dan sasaran pasaran melebihi pencapaian syarikat biasa yang hanya berusaha menjual kepada kawasan kejiranan, bandar atau negara. Menjadi sebahagian daripada rantai penawaran global akan memberi pendedahan kepada piawaian yang lebih tinggi dan mengubah tenaga kerja serta minda dan permintaan pengguna. Dengan itu, membolehkan firma-firma ini memasuki ke dalam pusingan penambahbaikan yang lebih tinggi (virtuos circle) - firma dalam rantai penawaran akan bertindak balas dengan menaiktaraf mutu kawalan mereka, kecekapan dan piawaian untuk memenuhi keperluan pengguna akhir.

Dalam masa 50 tahun yang lepas, negara membangun seperti Malaysia telah melangkah ke dalam status berpendapatan sederhana dan berpendapatan tinggi dengan menyertai rantai penawaran global. Globalisasi adalah mengenai kerjasama dan persaingan rantai penawaran dan jaringan nilai ini melebihi nilai setiap bahagian jika dinilai setiap satu. Penambahan kekayaan dan pendapatan ini datangnya dari peningkatan nilai dalam rantai penawaran.

Kejayaan Malaysia mesti dipacu ke arah penjana pendapatan yang diperolehi sebagai faedah daripada menjadi sebahagian daripada rantai penawaran global. Setiap perbadanan, multinasional atau tempatan, PKS, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerajaan atau para pekerja individu dan badan kerajaan harus diintegrasikan ke dalam rantai penawaran nasional, yang kemudiannya akan menjadi sebahagian daripada rantai penawaran global. Kunci kepada nasib masa depan Malaysia ialah mencari kekuatan kita dalam rantai penawaran global, di mana kita boleh bersaing dan membolehkan ekonomi negara tumbuh dengan mampan. Dalam aspek pembuatan, MNC tempatan boleh menjadi tulang belakang kepada Malaysia untuk membekalkan produk kita kepada dunia. PKS Malaysia akan membekal sama ada kepada MNC tempatan atau secara terus kepada rantai penawaran asing. Integrasi syarikat Malaysia dalam rantai penawaran nasional akan menyokong matlamat yang lebih tinggi iaitu mewujudkan lebih banyak MNC tempatan yang akan meningkatkan jenama Malaysia di peringkat dunia.

Malaysia harus berusaha mengintegrasikan PKS dan MNCnya dalam rantai penawaran global. Kerajaan mempunyai peranan penting dalam usaha ini. Tetapi usaha ini bukanlah mudah. Penglibatan seluruh negara perlu dirancang untuk mencipta satu rantai penawaran nasional yang bersepadu supaya Malaysia dapat mencari kekuatan dalam pasaran global. Konsep 1Malaysia yang diuarakan oleh Perdana Menteri dapat dioperasikan supaya semua segmen ekonomi Malaysia, baik pihak swasta, kerajaan, mahupun NGO, perlu faham bahawa kita mempunyai kepentingan untuk kejayaan Malaysia dan kita mesti bekerjasama bagi meningkatkan kecekapan dan saling berhubungkait di dalam ekonomi.

Mengintegrasikan rantai penawaran negara yang berskala kurang merupakan satu komponen penting untuk mencapai objektif MBE. Kegagalan BCIC untuk bertapak adalah disebabkan rantai penawaran yang ada sekarang tidak diintegrasikan dengan rantai penawaran tempatan yang lain mahupun yang berkait secara global dan kompetitif. Menyertai dan membangunkan satu rantai penawaran nasional yang bersepadu merupakan pra-syarat bagi BCIC yang cergas. Firma bumiputera yang berjaya perlu diserlahkan sebagai juara, yang mana kerjasama mereka dengan ahli-ahli komuniti perniagaan yang lain, termasuk GLC, akan meningkatkan prestasi keseluruhan BCIC. Ini tidak boleh dilakukan secara berasingan dan mengintegrasikan rantai penawaran yang sekarang ini wujud secara berasingan adalah amat penting, di mana setiap komuniti mempunyai peranan yang perlu dimainkan. Bahaya yang sebenar kepada Malaysia ialah jika pertumbuhan tidak menjadi keutamaan, rantai penawaran kita akan terpinggir atau lebih buruk lagi akan ketinggalan. Jika dibiarkan begitu, pesaing serantau akan mengatasi kita terutamanya jika modal dan bakat terus mengalir keluar negara.

Halangan utama Malaysia ialah ketiadaan persaingan yang lebih saksama untuk meningkatkan persaingan dalam negara sendiri. Kewujudan sekatan dalam pemilikan ekuiti dan operasi serta liberalisasi dan dasar deregulasi yang lembab telah menghadkan akses ke dalam Malaysia, iaitu menjadikan pelabur dari luar negara menghadapi kesukaran dan kekaburan untuk melabur di Malaysia. Ini telah menyebabkan ketidakberkesanan sistem pengangkutan dan pengagihan yang mana akan menghalang kemajuan ekonomi dan kesalinghubungan. Satu lagi halangan utama dalam mengintegrasikan rangkaian ekonomi domestik ialah sikap berseteru di antara entiti-entiti kerajaan/GLC dengan sektor swasta. Kurangnya kepercayaan di antara kumpulan etnik yang berbeza di Malaysia juga merupakan halangan kepada rangkaian integrasi ekonomi domestik.

Usaha untuk mengintegrasikan rangkaian penawaran nasional memungkinkan satu rangka tindakan untuk memudahkan keupayaan negara untuk bersaing. Kerajaan mesti membentuk garis panduan yang jelas untuk dasar negara bagi menyokong persaingan. Tumpuan utama haruslah

kepada penandaarasan piawai dan amalan terbaik antarabangsa dan bukan hanya berdasarkan kepada penarafan. Satu rangkaian maklum balas yang berkesan perlu diadakan secepat mungkin untuk memastikan dasar adalah relevan dan didorong penggunaan dan pencapaian yang diukur selaras dengan hasil yang dingini. Mengaplikasikan strategi untuk mempermudah, memfokus dan mengintegrasikan akan menyaksikan seluruh rangkaian kerajaan berusaha menuju ke arah memenuhi keperluan pemegang berkepentingan dan juga pada masa yang sama menyediakan satu suasana untuk menyokong perniagaan dalam mempertingkatkan rantaian nilai dan mencari bitara pasaran baru serta mempertingkatkan amalan mampan.

RMK-10 telah menyedari seluruh konsep rantaian penawaran nasional dan dengan itu keperluan untuk integrasi supaya mencapai kecekapan ekonomi. Meskipun struktur operasi pada masa kini tidak boleh diubah dalam waktu yang singkat, reformasi perlu bermula dari sekarang (**Jadual 2.1**). Kerajaan mempunyai peranan yang penting sebagai pemudahcara dan pemungkin dalam mencipta satu rantaian penawaran nasional yang berintegrasi dan berkesan, memastikan perkhidmatan yang disampaikan oleh kerajaan dari semua peringkat dipermudahkan, berfokus dan berintegrasi.

Jadual 2.1 – Ringkasan Tindakan Polisi Untuk Mendaya Semula Sektor Swasta

Menghapuskan Kegiatan Merentir

- Menetapkan rangka kerja yang rasional dan kukuh untuk tadbir urus sektor awam untuk membolehkan fleksibiliti yang besar dalam menanggapi perubahan persekitaran
- Menangani dengan segera inisiatif NKRA bagi menentang rasuah dalam PTK

Merasionalisasikan Penyertaan Kerajaan Dalam Perniagaan

- Menjual pegangan di dalam syarikat yang tidak strategik dan mencergaskan peranan GLC yang tinggal
- Menyalurkan keuntungan daripada hasil penjualan pegangan di dalam syarikat yang tidak strategik kepada Dana Kekayaan Negara (Sovereign Wealth Fund)
- Perekasayaan GLC untuk menyokong sektor swasta

Mengamalkan Piawaian Dan Amalan Terbaik Antarabangsa

- Mengamalkan amalan terbaik antarabangsa untuk memudahcara perhubungan kepada rangkaian penawaran global
- Menukarkan piawaian Malaysia yang sedia ada kepada piawaian antarabangsa

Menghapuskan Karenah Birokrasi Dan Mewujudkan Suasana Persaingan

- Meneruskan program liberalisasi terutamanya ke atas 12 sektor NKEA yang dikenalpasti, menghapuskan sekatan ke atas pemilikan dan operasi, dengan menyasarkan tempoh sederhana untuk menjana senarai negatif
- Membentuk satu unit deregulasi dan menyelaraskan peraturan
- Memastikan kebebasan dan integriti Suruhanjaya Persaingan

Memperkenalkan Inovasi Dalam Pembiayaan

- Menambah akses kepada pembiayaan untuk permulaan dan PKS dengan tidak menggunakan pinjaman berdasarkan cagaran

Mempertingkatkan Hubungan Perniagaan Dan Membina PKS

- Mempercepatkan pelancaran jalurlebar untuk memudahkan transaksi aktiviti perniagaan

Memelihara Persekitaraan

- Mengamalkan prinsip “Pencemar Bayar” yang disokong perundangan dan mensasarkan pertumbuhan hijau dengan mengeksploitasikan potensi kepada kemajuan pertanian mampan
- Merasionalisasikan subsidi dan menghapuskan kawalan ke atas harga tenaga yang mungkin dapat menggalakkan amalan teknologi kebolehbaharuan dan hijau dalam jangka panjang.

2.2 MENDAYA SEMULA SEKTOR SWASTA BAGI MENYOKONG RANTAIAN BEKALAN BERSEPADU MALAYSIA YANG MEMERLUKAN PEMBAHARUAN STRUKTUR BERASAS LUAS

IPS di dalam MBE adalah bertujuan membina sektor swasta yang dinamik sebagai penjana pertumbuhan ekonomi. Tindakan langkah dasar (terutamanya IPS1, IPS3, IPS7 dan IPS8) adalah bertujuan untuk mencergaskan sektor swasta, mewujudkan satu ekonomi domestik yang berdaya saing, mempertingkatkan sumber-sumber pertumbuhan dan memastikan pembangunan mampan. Semua tindakan ini mesti disokong oleh pembaharuan dalam sektor awam dan satu pasaran buruh yang cergas yang menyokong inovasi dan pada masa yang sama berusaha untuk mencapai keterangkuman dalam program afirmatif yang menyokong golongan miskin.

Transformasi sektor swasta bergantung pada mengembalikan semula keyakinan ke atas Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan dari pelabur asing dan tempatan. Ini memerlukan tindakan untuk menangani iklim pelaburan di bawah par, yang dicirikan oleh dasar yang tidak pasti atau tidak konsisten, kelebihan pengawalan dan kegagalan pasaran. Halangan sistemik yang menjejaskan semua sektor dalam ekonomi mesti dihapuskan untuk mencipta satu iklim pelaburan yang optimal yang dapat menarik para pelabur.

RMK-10 dan NKEA telah mengenalpasti projek-projek yang dapat mempertingkatkan sumber pertumbuhan Malaysia. Walau bagaimanapun, projek-projek tersebut tidak akan dapat dilaksanakan dengan berjaya jika halangan yang berbentuk *structural* yang menghindar pelaksanaan itu masih kekal. Pembaharuan yang menyeluruh mesti dilaksanakan secara holistik merentasi kawasan yang luas untuk menangani isu-isu asas. Tetapi ini tidak mencukupi kecuali terdapatnya keadaan sosial yang stabil yang dapat dimanfaatkan oleh pertumbuhan yang menyokong satu perkongsian kekayaan ekonomi di antara komuniti-komuniti utama. Oleh yang demikian mempromosikan satu BCIC yang bertenaga supaya menjadi satu bahagian yang penting kepada ekonomi rakyat Malaysia adalah perlu.

2.3 SATU KERANGKA SOSIO EKONOMI UNTUK PELABURAN YANG BARU

Pendekatan pengurusan ekonomi Malaysia yang seimbang untuk memenuhi kestabilan ekonomi dan sosial adalah berkesan pada masa yang lalu dan masih relevan dalam di dalam suasana sekarang. Hakikatnya, dalam pasaran globalisasi ini dan teknologi komunikasi yang pantas menjadikan pertumbuhan seimbang dengan kestabilan menjadi lebih penting. Sektor swasta memerlukan kestabilan dan kepastian dalam tindakan dasar untuk membina keyakinan bagi membuat keputusan korporat mengenai strategi pertumbuhan dan pelaburan jangka masa panjang.

Untuk menggalakkan iklim pelaburan yang baik dan stabil dalam jangka panjang, MPEN mencadangkan keutamaan diberikan kepada dasar yang mempunyai kesan positif kepada pertumbuhan serta pengagihan (**Rajah 2.1**). Sebagai contoh peruntukan istimewa untuk kemudahan pendidikan untuk isirumah di bawah 40% (contohnya sekolah berasrama penuh untuk pelajar luar bandar) adalah baik untuk membina kapasiti dan mempunyai impak positif ke atas pertumbuhan dan pengagihan. Sebaliknya sokongan kewangan secara terus adalah berkesan positif ke atas pengagihan tetapi sumbangan kepada pertumbuhan mungkin kecil.

Rajah 2.1 - Pertumbuhan Boleh Menjadi Konsisten Dengan Pengagihan

Kesan ke Atas Tindakan Polisi	- ve ke atas Pertumbuhan	+ ve ke atas Pertumbuhan
+ve ke atas Pengagihan	<ul style="list-style-type: none"> Keutamaan rendah-polisi mempunyai kesan buruk sementara ke atas Pertumbuhan Elak – semua situasi lain 	Keutamaan Tinggi
-ve ke atas Pengagihan	Elak	<ul style="list-style-type: none"> Keutamaan sederhana-polisi mempunyai kesan buruk sementara ke atas Pengagihan Elak - semua situasi lain

Mengutamakan polisi “menang-menang” yang mempercepatkan pertumbuhan dan mempromosikan agihan saksama

2.4 PEMBAHARUAN UNTUK MENGHAPUSKAN KEGIATAN MERENTIR


Dalam usahanya untuk membawa kegiatan merentir, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah penting bagi menghalang amalan sebegini. Mempromosikan ketelusan yang tinggi dalam kontrak Kerajaan, memperkuatkan ketidakbergantungan institusi-institusi utama dan penubuhan Institut Integriti Malaysia merupakan antara langkah-langkah yang tepat. Meskipun terdapat usaha ini, Kerajaan terus dirasakan sebagai tidak cekap oleh masyarakat awam dalam menentang amalan-amalan yang dianggap meresap dan tertanam.

Persepsi mengenai ketidakberkesanan kerajaan dalam menangani amalan merentir dan rasuah telah menjejaskan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan, dan menyumbang kepada kos yang tinggi untuk menjalankan perniagaan. Kos yang tinggi bagi menjalankan perniagaan, digabungkan dengan hakisan keyakinan masyarakat terhadap institusi awam telah menyumbang kepada kemerosotan dalam daya persaingan.

PTK mengandungi beberapa inisiatif bagi memerangi rasuah. (lihat PTK: The Roadmap, halaman: 137-138). MPEN memperakui kepentingan Inisiatif PTK dan menyokong sepenuhnya komitmen NKRA untuk mencapai rasuah sifar dimana usaha keras ini akan mendapat impak positif dalam memperbaiki ketahanan daya saing dan keyakinan dalam negara kita.

Kerajaan harus juga memastikan bahawa prinsip tadbir urus awam yang baik diterimapakai oleh semua agensi dan hukuman akan dikenakan terhadap amalan yang menyeleweng. Perkhidmatan awam Malaysia memang mempunyai reputasi yang cemerlang dalam menyokong barisan eksekutif dalam rangka kerja perundangan. Walau bagaimanapun, sistem penyampaian awam boleh ditambahbaik terutama bagi memenuhi keperluan mencapai status Negara Berpendapatan Tinggi. Laporan kepatuhan Ketua Audit Negara perlu diberi keutamaan oleh perkhidmatan awam. Ini akan meningkatkan lagi reputasi perkhidmatan awam selari dengan prinsip tadbir urus.

Rajah 2.2 – Pembaharuan Sosio-Politik Untuk Menghapuskan Amalan Merentir



Menyemarakkan semula keyakinan pelabur sektor swasta dalam ekonomi Malaysia memerlukan satu usaha baik pulih dalam amalan tadbir urus sektor awam (**Rajah 2.2**). Peluang merentir dan rasuah mesti diminimumkan untuk membolehkan ketelusan dan kepastian dalam proses perniagaan. Untuk mencapai matlamat ini, MPEN mencadangkan kepada Kerajaan untuk mengamalkan pendekatan serampang tiga mata yang terdiri daripada:

- (i) Meneliti semula rangka kerja tadbir urus sektor awam, meliputi pemeriksaan prinsip-prinsip, proses dan prosedur serta prasyarat bagi pelaksanaan peraturan tadbir urus yang berjaya.
- (ii) Menerima pakai rangka kerja inisiatif-inisiatif yang dicadangkan dibawah NKRA mengenai "menangani rasuah", dan;
- (iii) Melaksanakan pematuhan sistem pemantauan dan menetapkan indicator-indikator langkah untuk menilai keberkesanan tadbir urus sektor awam.

2.4.1 Langkah Dasar: Menyemak Semula Rangka Kerja Tadbir Urus Sektor Awam

Rangka kerja tadbir urus sektor awam Malaysia harus berdasarkan kepada prinsip-prinsip tadbir urus sektor awam yang diterima pakai di peringkat antarabangsa (**Jadual 2.2**)

Jadual 2.2 - Prinsip-prinsip Tadbir Urus Sektor Awam Yang Diterima Pakai Di Peringkat Antarabangsa¹

	Prinsip	Sektor awam mesti ...
1	Akauntabiliti, dengan kepatuhan dalaman & luaran	<ul style="list-style-type: none"> Menjadi bertanggungjawab terhadap semua keputusan dan mengadakan satu mekanisme untuk memastikan semua agensi mematuhi kepada prinsip akauntabiliti dan kawalan dalaman yang sudah ditentukan Memastikan semua amalan dan prosedur dapat diaplikasikan mengikut satu set piawaian yang ditetapkan Memenuhi ekspektasi akauntabiliti yang dikemukakan oleh pemeriksaan luaran
2	Transparensi, perkongsian maklumat & keterbukaan	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai peranan dan tanggungjawab yang jelas yang merentasi ke semua agensi dan peringkat dan mempunyai prosedur yang jelas dalam membuat keputusan dan melaksanakan kuasa Menginstitusikan pengurusan informasi yang sesuai untuk memastikan informasi sampai kepada orang yang betul dalam masa yang sesuai dan tepat untuk membolehkan pembuatan keputusan
3	Integriti	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan tindakan di semua peringkat adalah untuk kepentingan agensi, tindakan diambil secara adil dengan integriti, dan memerhati prinsip asas yang tidak menyalahgunakan maklumat sulit atau yang diperolehi menerusi kedudukan yang diamanahkan
4	Pengawasan	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan semua keupayaan dan bakat untuk mempertingkatkan nilai yang diberikan kepada sektor awam dan swasta dan di mana yang berkenaan membina nilai aset sektor awam
5	Keberkesanan	<ul style="list-style-type: none"> Menambahbaik berterusan kualiti perkhidmatan awam berdasarkan asas strategi berdasarkan bukti untuk mencapai matlamat setiap agensi
6	Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> Memupuk budaya tadbir urus yang baik dari atas – satu ramuan yang diperlukan untuk tanggungjawab merentasi seluruh peringkat di setiap agensi
7	Pengurusan risiko	<ul style="list-style-type: none"> Beroperasi dalam satu persefahaman mengambil risiko untuk mencapai objektif
8	Penilaian dan Sekatan	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan penilaian dan kajian berkala ke atas struktur pentadbiran dan kakitangan sektor awam serta kepimpinan bagi memastikan kepatuhan Pastikan sekatan yang bersesuaian dikenakan dan didedahkan kepada umum untuk memastikan amalan-amalan konsisten dan berkesan

Sistem tadbir urus yang disemak semula sepatutnya berasaskan prinsip dan bukan berdasarkan peraturan. Ini membolehkan lebih fleksibiliti untuk bertindakbalas kepada perubahan keperluan Kerajaan sebagai respons terhadap satu persekitaran yang sentiasa berubah. Satu sistem berasaskan prinsip memerlukan kakitangan awam untuk memperolehi satu persefahaman isu-isu dasar yang mana mempengaruhi keputusan polisi.

Kepimpinan berkesan diperlukan untuk mengetuai pelaksanaan rangka kerja pentadbiran yang diperbaharui dan pucuk pemimpin mestilah menunjukkan perilaku tadbir urus yang cemerlang. Struktur jawatankuasa pentadbiran yang sesuai harus direka dan diperkuatkan dengan mekanisme kawalan dalaman.

¹ Menerima pakai daripada 'Building Better Governance: The Australian Public Service Commission' (2007) dan 'A Guide to Good Governance: Principles of Good Practice' oleh Ketua Audit Negara British Columbia.

Semua agensi sepatutnya mewujudkan unit-unit pengurusan risiko yang bertanggungjawab untuk menyediakan rangka kerja pengurusan risiko yang baik. Rangka kerja ini akan menentukan sistem penilaian risiko, memantau dan menguruskan risiko untuk agensi sektor awam. Dalam rangka kerja ini, pasti terdapat suatu sistem untuk laporan kepada pengurusan bagi pengembangan risiko luar biasa dan aturcara untuk tindakan pembedahan atau kawalan keroskan. Semua aspek isu-isu risiko mesti dimasukkan ke dalam proses perancangan perniagaan.

Di mana perkhidmatan kerajaan disumberluarkan, adalah amat penting untuk mengiktiraf bahawa tanggungjawab terakhir tetap dipikul sektor awam. Aturan ini seharusnya diformalisasikan dalam - memorandum persefahaman dan piawaian penyimpanan rekod seharusnya diamalkan untuk memastikan yang semua agensi mengekalkan dokumentasi komprehensif yang boleh dipertahankan apabila diperiksa.

Malaysia perlu membina satu reputasi integriti, keterbukaan dan akauntabiliti di dalam sektor awamnya. Pelabur asing dan tempatan harus mempercayai yang keputusan telah dibuat secara konsisten, dengan sikap terbuka, dan keputusan tidak ditarik balik tanpa penerangan jelas dan akauntabiliti. Agensi sektor awam sepatutnya ditadbir oleh satu protokol yang seragam dan senarai semak untuk menghadapi pemegang berkepentingan luaran dan kajian soal selidik pelanggan berkala harus dikendalikan untuk mengukur tahap kepuasan (Lihat Bab 4).

2.4.2 Langkah Dasar: Melaksanakan Satu Sistem Pemantauan Kepatuhan

Sistem pemantauan kepatuhan dalaman dan luar adalah perlu untuk memastikan pembaharuan pentadbiran sektor awam itu kekal di landasan. Pemantauan kepatuhan dalaman penting untuk mengesan tanda-tanda awal prestasi buruk yang baru muncul. Bidang-bidang yang akan dinilai termasuklah haluan organisasi (kesesuaian perancangan strategik untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan secara keseluruhan), kepimpinan, keupayaan organisasi (semua langkah yang diambil untuk membina keupayaan dan kemahiran untuk menyampaikan mandat), perhubungan dan integriti, dan budaya organisasi. Untuk memudahkan pemantauan, petunjuk-petunjuk utama mesti digubal untuk setiap bidang ini.

Sekatan ialah satu aspek penting mana-mana mekanisme pematuhan. Mengenakan sekatan ke atas para penyeleweng akan meningkatkan keyakinan sektor swasta dengan memberi isyarat komitmen Kerajaan untuk meningkatkan tadbir urus. Sekatan tidak patut terhad kepada kakitangan individu, tetapi juga kepada unit keseluruhan atau agensi-agensi di mana perlu. Oleh kerana tadbir urus berasal daripada kepimpinan, kelemahan-kelemahan agensi sepatutnya ditanggung oleh kedua-dua pengarah agensi dan Menteri yang melaksanakan pemantauan. Satu rejim sekatan yang adil tetapi ketat, yang patut meliputi teguran awam kepada agensi-agensi serta data yang diterbitkan mengenai sekatan, akan menyumbang kepada pembinaan satu budaya kepatuhan ketat untuk pentadbiran, sambil memberi keselesaan kepada sektor swasta bahawa amalan tadbir urus sektor awam yang menyebabkan merentir adalah tidak dibolehkan.

Penilaian luar kepatuhan yang dijalankan oleh agensi-agensi multilateral seperti Bank Dunia juga akan menyumbang kepada kredibiliti inisiatif pembaharuan sektor awam. Adalah perlu untuk menggunakan satu set indikator untuk mengukur keberkesanan dan kecukupan dan penanda aras lain rangka kerja tadbir urus sektor awam. Petunjuk-petunjuk juga menyediakan maklumat mengenai fungsi rangka kerja berkenaan, dengan itu membolehkan peningkatan diperkenalkan. Penerbitan penarafan prestasi menguatkan tekanan rakan sebaya untuk meningkatkan integriti dan prestasi. Menggunakan satu tanda aras yang diiktiraf secara antarabangsa membenarkan perbandingan antara negara dan memberi kesan kepada penarafan daya saing, seterusnya

memaksa sektor awam untuk melakukan penambahbaikan berterusan. Petunjuk-petunjuk yang diukur oleh Bank Dunia termasuk kecekapan sistem kehakiman dan birokrasi, tahap rasuah serta kebebasan dan kestabilan politik.


Untuk membasmi kewujudan insentif merentir, menerima pakai rangka kerja tadbir urus sektor awam yang disemak semula dan pewajaran kegiatan melobi dan pembiayaan politik sahaja tidak akan mencukupi. Satu mekanisme pemantauan yang memastikan penerimaan komprehensif amalan pentadbiran sektor awam yang baik mesti diwujudkan. Pelaksanaan harus dipimpin oleh satu kumpulan yang bebas, melaporkan kepada satu jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Kejayaan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus ini, bersama-sama dengan usaha-usaha pengoptimuman pasaran lain seperti pembaharuan perundangan, promosi pasaran-pasaran kompetitif, transformasi GLC dan pengembangan akses jalur lebar, akan memberi kesan signifikan ke atas keyakinan sektor swasta. Langkah-langkah ini apabila dilaksanakan sebagai sebahagian daripada satu rancangan bersepadu, akan menghantar satu isyarat yang kuat kepada pelabur-pelabur tentang komitmen Kerajaan untuk berubah dan maju. Sektor swasta kemudiannya akan sekali lagi menjadi kuasa yang kuat untuk melahirkan dinamisme baru dalam ekonomi.

2.5 MERASIONALISASI PENYERTAAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN

Untuk tujuan Laporan ini, liputan MPEN ke atas GLC bersamaan Perusahaan Milik Kerajaan Negeri (SOE), selaras dengan pengiktirafan antarabangsa yang dirujuk sebagai sebuah syarikat yang memperniagakan barangan dan perkhidmatan boleh dipasarkan, dikawal oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri dan secara langsung dibiayai oleh Kerajaan atau mendedahkan Kerajaan kepada liabiliti luar jangka melalui modal, hutang atau jaminan pendapatan. Istilah Syarikat Permodalan Berkaitan Kerajaan (GLIC) merujuk kepada mana-mana agensi yang sama ada menerima pembiayaan atau jaminan daripada kerajaan dan secara langsung menentukan pelaburan dalam GLC bagi pihak kerajaan. Pencarian data MPEN menghasilkan dalam satu senarai 445 syarikat, kerana bukan semua responden menyerahkan senarai syarikat milik mereka. Adalah munasabah yang jumlah sebenar GLC ternyata sekali lebih tinggi. Dalam 1997 terdapat lebih daripada 1000 entiti (**Rajah 2.3**).

Rajah 2.3 – Syarikat Milik Kerajaan



GLC ialah satu kehadiran dominan dalam ekonomi Malaysia. GLC telah memainkan satu peranan yang penting dalam pembangunan bangsa serta mengembangkan ekonomi. Bagaimanapun, sejarah prestasi tidak memuaskan, amalan tadbir urus yang lemah dan pelbagai kepincangan struktur dalam rantai penawaran GLC telah mendedahkan mereka menjadi tumpuan utama untuk sesuatu alasan yang salah (**Rajah 2.4**).

Rajah 2.4 – Kegagalan dalam Rantai Penawaran GLC



Adalah penting terdapatnya maklumat lengkap mengenai populasi GLC. Maklumat yang tepat dan menepati masa akan memastikan kejayaan reka bentuk dasar dan pelaksanaannya. Malangnya, kini tiada satu badan tunggal yang bertanggungjawab untuk memantau dan mengutip data pencapaian semua GLC.

Dari segi sejarah, GLC telah ditugaskan untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan awam, memelihara kawalan kerajaan dalam sektor-sektor strategik dan merentas perubahan sosioekonomi melalui pengagihan semula kekayaan. Bagaimanapun, pelabur berasa GLC itu telah menceburkan diri melebihi mandat mereka dan sekarang bersaing secara langsung dengan perniagaan swasta, oleh itu menghalau keluar pelaburan swasta.

Kerana GLC sering dikehendaki untuk melaksanakan dasar sosioekonomi di bawah preteks tanggungjawab sosial korporat, dan sebagai pulangan, mereka dianggap menikmati layanan keutamaan seperti pelesenan dan penganugerahan kontrak. Ketiadaan analisis kos faedah yang objektif dalam penganugerahan kontrak mengakibatkan ketidakcekapan dan mempunyai akibat anti persaingan dalam sektor swasta dan pada masa yang sama tidak memberi faedah kepada pemegang saham minoriti.

Walaupun kerajaan telah melibatkan diri dalam satu usaha penswastaan pada lewat 1980an, kebanyakan syarikat hanya menjual sebahagian pelaburan dan yang bakinya kekal sebagai GLC. Sehingga kini, perdagangan harian pada Bursa dikuasai oleh GLIC seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB), dengan skop yang kecil untuk penyertaan pelabur swasta dalam penyertaan syarikat besar (blue chip) disebabkan pemilikan ekuiti kerajaan yang besar ke atas syarikat-syarikat terbesar di Malaysia. Ini melembapkan kepentingan pelabur swasta dalam syarikat yang tersenarai di Bursa dan oleh itu menghadkan skop untuk pembangunan pasaran modal.

Cadangan dasar dikategorikan ke dalam 4 komponen utama (**Rajah 2.5**)

- i. Satu mekanisme kawalselia untuk GLC
- ii. Satu model bagi Kerajaan untuk menjual syarikat-syarikat yang tidak strategik dan merentas semula peranan GLC yang tinggal dengan menerimapakai model persaingan perkhidmatan dan meningkatkan tadbir urus mereka
- iii. Penciptaan daripada hasil penjualan balik pelaburan untuk membiayai GLC berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan aktiviti sektor swasta baru
- iv. Peranan perkasayaan semula GLC dalam ekonomi—satu peranan yang menyokong dan tidak bersaing dengan sektor swasta.

Rajah 2.5 – Strategi Dasar untuk Merasionalisasikan GLC



2.5.1 Langkah Dasar: Menubuhkan Pihak Berkuasa Kawalselia Kawalselia Pusat

Satu pihak berkuasa kawalselia GLC kawalselia (GOA) seharusnya ditubuhkan untuk mengumpul data kewangan semua GLC, memantau prestasi mereka dan GLC harus dipertanggungjawabkan ke atas perbelanjaan belanjawannya. Sebaik-baiknya, GOA perlu melaporkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan memerhatikan prinsip transparensi untuk membina keyakinan sektor swasta².

² Menerima Pakai Garis Panduan OECD dalam Perusahaan Milik Kerajaan Negeri

Satu kemungkinan ialah Jawatankuasa GLC Prestasi Tinggi Putrajaya yang sedia ada secara rasmi diperbadankan ke dalam GOA.³

GOA patut mematuhi prinsip transparensi, termasuk menerbitkan satu laporan tahunan, yang akan menyediakan satu analisis prestasi semua GLC, caruman-caruman mereka untuk ekonomi, pencapaian amanat GLC dan maklumat keperluan lain.² Laporan tersebut patut meliputi ringkasan mengenai maklumat seperti berikut³:

- Objektif-objektif (keuangan dan sosial) dan tahap pencapaian mereka;
- Penunjuk kewangan utama dan nilai jumlah portfolio Kerajaan pada hujung tahun;
- Sebarang tukarganti antara objektif-objektif dasar awam dan komersial dan satu anggaran impak mereka ke atas prestasi dan sumber-sumber GLC;
- Sebarang risiko kebendaan yang utama dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkannya;
- Bantuan kewangan dari Kerajaan, termasuk dana langsung dan jaminan, dan;
- Transaksi dengan pihak berkaitan/entiti

2.5.2 Langkah Dasar: Menjual Syarikat yang Tidak Strategik dan Perekasayaan Semula Peranan GLC yang Tinggal

Kerajaan tidak sepatutnya memegang blok ekuiti yang besar dalam syarikat-syarikat yang tidak strategik melainkan mereka adalah sebahagian daripada satu portfolio mudah tunai. Kerajaan sepatutnya menswastakan semua GLC yang tidak strategik dan menumpukan perhatian sebagai pengawal dan fasilitator ekonomi.

Sesuatu entiti strategik boleh menjalankan fungsi sektor awam yang kritikal untuk ekonomi negara dan masyarakat. Ini biasanya termasuklah syarikat dalam sektor utiliti, kewangan, pengangkutan dan telekomunikasi. Mana-mana entiti yang lain adalah tidak strategik.

Pemilikan bukan satu prasyarat untuk menguasai syarikat strategik. Kerajaan sepatutnya menimbangkan menghadkan pemilikannya dalam syarikat strategik kepada 30% daripada saham terbitan dan mengambil kaedah kawalan strategik kurang invasif seperti saham emas, dasar industri dan sekatan pemilikan asing (**Jadual 2.3**).

Jadual 2.3 – Kaedah Alternatif untuk Kawalan Strategik

Kaedah	Negara	Deskripsi
Saham keemasan	Great Britain & Poland	<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang boleh mempengaruhi keputusan utama sebuah syarikat strategik; Kerajaan mengekalkan kuasa manakala saham biasa dipegang oleh pelabur persendirian.

³ Laporan terkumpul bagi GLC yang bersaiz kecil dan laporan berasingan bagi setiap GLC bersaiz besar

Kaedah	Negara	Deskripsi
		<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan skop untuk campurtangan politik, kuasa yang ditentukan secara budi bicara mengenai satu saham keemasan mestilah jelas dan tempohnya dihadkan melalui 'sunset clause'
Dasar industri	Jepun	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Jepun memegang hanya 0.05% daripada ekuiti dalam Japan Airlines (JAL) tetapi memelihara kawalan strategik melalui satu dasar penerbangan yang memerlukan semua syarikat penerbangan memberi khidmat lapangan terbang serantau sebagai satu bentuk tanggung jawab sosial korporat (CSR).
Sekatan-sekatan pemilikan asing	Australia & Rusia	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Australia tidak menggunakan kawalan pemilikan selepas penswastaaan tetapi mengenakan had pemilikan asing pada entiti strategik (contohnya 49% dalam Qantas). Undang-undang industri strategik Rusia memerlukan pelabur asing mencari satu kepentingan majoriti dalam mana-mana syarikat strategik untuk memperoleh kelulusan Kerajaan, sementara pelabur asing kawalan Kerajaan Negeri akan memerlukan kebenaran untuk mempunyai kepentingan melebihi 25%.

MPEN mencadangkan pendekatan berikut untuk menggubal rancangan penjualan balik pelaburan:

- i. Menenalpasti objektif program penjualan balik pelaburan
- ii. Pertimbangkan faktor-faktor yang menghalang pencapaian matlamat seperti kaedah penjualan pelaburan dan keupayaan pasaran modal
- iii. Tentukan prinsip penjualan pelaburan
- iv. Menenalpasti GLC tidak strategik dan mengkategorikan mereka berdasarkan ciri-ciri mereka (contohnya menguntungkan/merugikan).
- v. Menenalpasti strategi penjualan pelaburan yang sesuai untuk setiap kategori GLC tidak strategik.

Di bawah ialah satu rumusan strategi penjualan semula pelaburan dicadangkan untuk setiap kategori GLC tak strategik (**Jadual 2.4**).

Jadual 2.4 – Ringkasan Strategi-strategi Penjualan Pelaburan untuk GLC Tidak Strategik

Kategori	Syarikat berprestasi tinggi yang tidak disenaraikan	Syarikat kurang berprestasi yang tidak disenaraikan tetapi berpotensi untuk diselamatkan	Syarikat kurang berprestasi yang tidak disenaraikan tanpa potensi diselamatkan
Strategi	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat dengan rekod yang baik yang memenuhi kriteria penyenaian Bursa Malaysia harus dijual melalui pasaran modal. 	<ul style="list-style-type: none"> Melantik pengurus profesional dan menyediakan insentif seperti peluang pembelian oleh pekerja atau 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kriteria objektif menentukan harga untuk ditawarkan kepada sektor swasta dan jika gagal;

Kategori	Syarikat berprestasi tinggi yang tidak disenaraikan	Syarikat kurang berprestasi yang tidak disenaraikan tetapi berpotensi untuk diselamatkan	Syarikat kurang berprestasi yang tidak disenaraikan tanpa potensi diselamatkan
	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilikan saham Kerajaan agregat dihad pada 10% daripada keseluruhan saham yang ditawarkan. 	<p>pengurusan untuk menghidupkan semula syarikat supaya maju dan memasuki kategori "berprestasi tinggi".</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membubarkan entiti dan mewujudkan sebuah syarikat pengurusan aset untuk menjual aset secara telus dan berasaskan pasaran.
Rasional	<ul style="list-style-type: none"> • IPOs membenarkan skop lebih besar bagi pelabur persendirian untuk memiliki ekuiti syarikat besar; ini menyumbang kepada pembangunan pasaran modal. • Penyenaraian akan membolehkan pembayar cukai memperolehi kepentingan ekuiti langsung dalam syarikat yang dibina daripada pendapatan cukai. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan pengurus profesional secara m e r i t o k r a t i k membenarkan pakar mengendalikan GLC. • K e b e b a s a n membuat-keputusan mengurangkan campurtangan politik yang boleh membahayakan prestasi syarikat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sektor swasta boleh menjana sinergi dengan menyepadukan kelemahan GLC ini ke dalam struktur korporat mereka. • Pembubaran ini akan mengelakkan pengaliran keluar selanjutnya sumber-sumber fiskal.

Bagi mengekalkan momentum dan keyakinan pasaran, mereka tidak seharusnya berundur apabila program penjualan pelaburan diumumkan. Program mesti dilaksanakan secara telus dengan prosedur jelas dan berasaskan prinsip-prinsip berikut:

- Penjualan pelaburan mesti mengikut amalan terbaik antarabangsa dan mengamalkan prinsip tadbir urus yang sesuai;⁴
- Menjual GLC tidak strategik di mana sektor swasta mempunyai peluang lebih besar untuk menambah nilai;
- Penjualan pelaburan mesti berasaskan pasaran menggunakan prosedur perolehan yang telus dan protokol pemilikan berasaskan merit dengan perlindungan yang mencukupi untuk mencegah penyalahgunaan;
- GLC lain adalah tidak dibenarkan membeli;
- Penjualan pelaburan tidak boleh dijual-balik;
- Transaksi harus dikendalikan melalui pasaran modal untuk membolehkan penyertaan lebih ramai rakyat dan menggalakkan pembangunan pasaran;

⁴ Piawaian yang diisarankan termasuklah Garis Panduan OECD mengenai Perusahaan Milikan Kerajaan Negeri

- Penjualan pelaburan mesti diselesaikan dalam bentuk dana cair dan mesti diletakkan dalam satu akaun rizab dan tidak dikira sebagai hasil.

Tadbir urus GLC strategik yang tinggal harus diperbaiki menurut amalan terbaik yang digariskan dalam *GLC Transformation Manual* yang diterbitkan oleh PCG⁵. Usaha reformasi tadbir urus harus diperkembangkan melebihi syarikat G20 yang sudah wujud bagi meliputi semua GLC, termasuk entiti-entiti milik Kerajaan Negeri, di bawah skop GOA.

GLC yang menguruskan infrastruktur fizikal dan juga penyedia perkhidmatan contohnya Telekom Malaysia (TM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) harus menerima pakai model persaingan perkhidmatan. GLC hanya akan mengekalkan pemilikan infrastruktur fizikal dan mengenakan sewa kepada perniagaan yang menggunakan rangkaian. Isi kandungan perkhidmatan barisan hadapan dan penyediaan perkhidmatan akan diliberalisasikan sepenuhnya, membolehkan pemilikan rangkaian dan fungsi pengawalan diasingkan daripada hak beroperasi.

2.5.3 Langkah Dasar: Menyalurkan Perolehan daripada Penjualan Pelaburan ke dalam Dana Kekayaan Negara

Hasil daripada penjualan pelaburan tidak seharusnya dikira sebagai pendapatan kendalian (aliran) tetapi diiktirafkan sebagai penukaran modal (saham). Perolehan patut ditempatkan ke dalam dana kekayaan negara (SWF) yang melabur dalam pelbagai kelas aset (contohnya sekuriti-sekuriti, tukaran asing dan derivatif). SWF ini akan mengambil satu rangka kerja tadbir urus seperti pengurusan rizab tukaran asing BNM dan ditadbir uruskan sejajar dengan prinsip Santiago yang memerlukan, antara lain, pendedahan dasar pelaburan SWF, penyata kewangan dan pendekatan pengurusan risiko. Keuntungan daripada SWF boleh digunakan untuk memangkin inisiatif baru sektor swasta di mana isu risiko boleh menghalang aktiviti sektor swasta.

2.5.4 Langkah Dasar: Merekasayaan GLC Untuk Menyokong Sektor Swasta

Bila GLC mengurangkan penglibatan mereka dalam perniagaan, GLC boleh memainkan peranan yang lebih tertumpu dan memangkin untuk memacu sektor swasta ke arah industri baru berinovatif dan bernilai tinggi. GLC harus diberikan tanggungjawab menyokong inovasi. Ia, bagaimanapun, mesti keluar apabila inisiatif ini boleh diambil alih oleh sektor swasta.

PCG telah mencadangkan pendekatan enam cabang ke atas peranan GLC yang diubah semula selepas rancangan penjualan pelaburan siap dilaksanakan. MPEN menyokong cadangan ini kerana ia akan melengkapkan pembangunan sektor swasta dengan menarik pelaburan asing dan mengurangkan halangan kemasukan ke dalam industri strategik baru. Bagaimanapun, GLC mesti mempunyai strategi pintu keluar yang jelas dan tidak seharusnya berkekalan dalam industri apabila sektor swasta tidak lagi perlukan bantuan.

Dalam merasionalisasikan peranan GLC, perlu ada satu polisi jelas untuk memastikan GLC itu sebagai pengusaha, tidak boleh serentak menjadi pengawal. Satu dasar utama untuk mentransformasikan sektor swasta ialah untuk memastikan GLC itu yang menyediakan perkhidmatan tidak mempunyai fungsi pengawalan dalam industri mereka. Dalam hal ini, Kerajaan mesti berusaha ke arah satu pendekatan di mana semua fungsi pengawalan dijalankan oleh pengawal bebas. Seharusnya mesti ada pemisahan antara pengawal dan pengusaha, yang merupakan satu keperluan utama untuk mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus yang baik.

⁵ http://www.pcg.gov.my/trans_manual.asp

Kerajaan harus meminda rangka kerja perundangan dan kawal selia yang sudah wujud untuk meratakan gelanggang antara GLC dan perniagaan swasta serta mengurangkan ketidakpastian para pelabur swasta.

Sebagai satu perkara utama, adalah penting GLC juga tertakluk kepada peruntukan Akta Persaingan (*Competition Act*) 2010 untuk memastikan bahawa amalan perdagangan mereka tidak bersifat anti persaingan. Sebarang obligasi dasar awam yang perlu ditanggung oleh GLC (contohnya syarat-syarat akses sejagat) mesti diluluskan oleh peraturan dan perundangan. Maklumat mengenai kewajipan ini, serta kos dan impak yang terlibat ke atas prestasi dan sumber-sumber GLC patut didedahkan kepada awam dalam laporan tahunan GOA.

Kerajaan seboleh-bolehnya tidak menyediakan jaminan automatik untuk liabiliti GLC. Halangan secara rasmi mahupun tidak rasmi, dalam proses perolehan kerajaan yang memberi keutamaan akses kepada GLC harus dihapuskan. Untuk memastikan kebebasan daripada gangguan politik dan kementerian dalam pengurusan harian GLC, sekatan tegas perlu dikenakan terhadap pesalah. Pegawai dan pengarah dalam GLC juga perlu ditegah daripada terlibat dalam menggubal atau menguatkuasakan peraturan yang memberi kesan secara langsung ke atas syarikat mereka, melainkan sektor swasta bukan GLC juga diwakili.

Untuk memastikan peluang diberi kepada kumpulan yang kurang bernasib baik, program pembangunan vendor sedia ada harus diperkembangkan bersama PKS, terutamanya yang dikuasai oleh bumiputera, dan menyediakan kepakaran pengurusan dan teknikal untuk mengembangkan syarikat tersebut. GLC boleh membentuk sebuah konglomerat untuk pembangunan perkhidmatan perniagaan setempat (BDS) kepada PKS dan keluar apabila satu pasaran berdaya maju telah diwujudkan dengan pembekal sektor swasta BDS. Berdasarkan kejayaan yang serupa di Jerman, GLC juga sepatutnya membangunkan satu sistem perantisan dan latihan amali untuk isirumah bumiputera dan berpendapatan rendah untuk membina satu kumpulan usahawan dan pakar teknikal yang lebih besar dalam pelbagai bidang dalam kedua-dua sektor perkhidmatan dan sektor benar.


Sebahagian GLC yang akan diswastakan mungkin menjadi sebahagian daripada satu program khas untuk menyokong konsortium usahawan bumiputera melalui proses tender terbuka yang telus. GOA harus memastikan yang peluang ini diberi secara meluas kepada pengusaha baru berdasarkan merit dan keupayaan untuk mengatasi perbezaan pendapatan di kalangan bumiputera yang menjadi semakin meruncing. Perwakilan minimum pegawai bumiputera di kalangan pengurusan profesional boleh dilantik untuk mengendalikan GLC. Pemilihan pegawai dari kumpulan calon bumiputera mestilah telus dan meritokratik. Insentif prestasi seperti peluang untuk pembelian pengurusan ke atas GLC yang berjaya distruktur semula juga menyumbang kepada pencapaian matlamat pemilikan ekuiti bumiputera di peringkat makro. (Lihat Bab 6).

2.6 MENERIMA PAKAI PIAWAIAN ANTARABANGSA DAN AMALAN TERBAIK

Malaysia pada masa ini tidak mempunyai pendekatan sistematik untuk memastikan bahawa perniagaan mengamalkan piawai antarabangsa dan amalan terbaik. Ini menghadkan keupayaan pengeluar tempatan dan penyedia perkhidmatan daripada menembusi pasaran luar negeri, terutamanya negara yang mempunyai halangan import tanpa tarif yang ketat seperti Kesatuan Eropah.

Menerusi satu badan pembentukan piawaian, Kerajaan sepatutnya memberi mandat pematuhan piawaian produk dan perkhidmatan antarabangsa yang sedia ada, dan memberi insentif kepada yang mematuhi amalan terbaik. Pematuhan Malaysia sepatutnya dinilai oleh penilai luar yang diiktiraf, seperti Bank Dunia dan IMF. Tambahan pula, Kerajaan harus menyokong usaha-usaha supaya mewujudkan Malaysia sebagai penetak piawaian dalam bidang bitara (*niche*) seperti kewangan Islam dan produk halal. Pematuhan kepada piawaian juga boleh digunakan untuk menggantikan tarif untuk tujuan kawalan import, yang konsisten ke arah liberalisasi pasaran.

Rajah 2.6 – Piawaian dan Rantaian Penawaran Bersepadu



Malaysia akan sentiasa kekal sebuah ekonomi terbuka. Perubahan dalam ekonomi global mengarahkan orientasi eksport Malaysia agar selaras dengan permintaan global, menembusi pasaran serantau baru dan merubah strategi-strategi agar memperolehi banyak manfaat dalam pasaran-pasaran tradisional. Untuk berkembang dalam sesuatu pasaran global bersepadu, Malaysia mesti mematuhi piawaian antarabangsa (**Rajah 2.6**). Pertumbuhan mampan memerlukan kita patuh pada permintaan. Mementingkan keselamatan makanan, amalan terbaik dalam pengurusan perlindungan alam sekitar dan perubahan iklim juga menambahkan protokol-protokol antarabangsa baru yang boleh memberikan halangan-halangan bagi pengeksportan Malaysia ke pasaran global.

Pelabur-pelabur asing meminta barangan dan perkhidmatan yang memenuhi piawaian antarabangsa. Mereka memilih untuk melabur di negara-negara yang mempraktikkan amalan terbaik antarabangsa dalam pentadbiran, pengurusan buruh dan amalan kedaulatan undang-undang. Sektor swasta Malaysia turut berminat dalam kemudahan menjalankan perniagaan yang ditanda aras antarabangsa. Mereka juga memilih kos modal yang lebih rendah menerusi akses kepada pembiayaan yang kurang berasaskan cagar, tetapi terikat kepada kualiti perusahaan perniagaan dan unjuran aliran tunai.

Pelabur-pelabur meminta prasarana infrastruktur terbaik dalam komunikasi untuk mengakses media baru dalam mencapai pasaran global. Mereka menginginkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan dan kerajaan bersih. Mereka berminat kepada struktur penentuan harga berasaskan pasaran untuk input dan produk kewangan, dan peraturan untuk melindungi nilai terhadap ketidaktentuan. Mereka mengharapkan insentif-insentif langsung, telus dan tiada keherotan pasaran. Mereka juga berkehendak keadaan hidup di Malaysia yang dapat memenuhi tuntutan sesebuah keluarga dari segi pendidikan dan cara hidup yang baik untuk anak-anak mereka. Tanda aras yang bersandarkan piawaian antarabangsa dalam memampankan persekitaran dan kualiti hidup akan menjadikan Malaysia sebagai tempat pilihan untuk bermastautin.

Langkah-langkah yang dicadangkan meliputi dua perkara:

- 1) Mematuhi satu set piawaian antarabangsa dalam memudahkan hubungan ke rantai penawaran dunia;
- 2) Malaysia sebagai pengasas piawaian global ke atas produk-produk seperti makanan halal dan minyak sawit mampan.

2.6.1 Langkah Dasar: Mengikut Piawaian Antarabangsa – Tadbir Urus dan Pengurusan

- i. Malaysia harus menerimapakai semua piawaian antarabangsa berkaitan, dan untuk setiap piawaian, sasarkan satu penambahbaikan akan berlaku di dalam 10 kedudukan pilihan teratas untuk melakukan perniagaan, dalam satu tempoh yang ditentukan.
- ii. Dalam sektor kewangan, Malaysia telah membuat satu komitmen untuk menjalankan Program Penilaian Sektor Kewangan (FSAP). Adalah disyor bahawa Malaysia menjalankan penilaian pematuhan dalam semua 12 piawaian di bawah FSAP. Ia meliputi julat piawaian pada fiskal, kewangan, tadbir urus korporat, perakaunan, sistem-sistem pembayaran, akses kepada kredit, hak-hak pemiutang dan piawaian keadaan insolvensi dan pasaran modal. Dua piawaian terpenting ialah untuk ketelusan fiskal dan hak-hak pemiutang insolvensi (ICR). Sebagai tambahan, Malaysia juga harus mengambil prinsip-prinsip pelaporan kredit yang bekerjasama dengan ICR bagi menyediakan dasar untuk kerangka institusi dan undang-undang untuk mengelak daripada amalan-amalan pinjaman berasaskan cagaran.
- iii. Malaysia perlu membuatkan ia sebagai satu keutamaan untuk menerimapakai Kod Amalan Baik pada Ketelusan Fiskal untuk mengenalpasti jurang dalam pengurusan fiskal baik dan mengambil tindakan pembetulan melindungi kejelasan peranan-peranan dan tanggungjawab, proses belanjawan terbuka, kemudahan informasi awam dan jaminan-jaminan integriti.
- iv. Menerimapakai garis panduan Tadbir Urus Korporat Entiti Pemilikan Negeri sebagaimana dibincangkan di atas.

2.6.2 Langkah Dasar: Mengikut Piawaian Antarabangsa - Kemampanan

Terdapat pelbagai dimensi ke atas kemampanan, permohonan piawaian yang mempengaruhi dimensi sosial, ekonomi dan alam sekitar penting untuk membina satu persekitaran ekonomi supaya negara mencapai pertumbuhan mampan. Untuk mengekalkan pertumbuhan kita perlu memelihara sumber asli kita dan perlindungan terhadap kepentingan generasi akan datang dipermudahkan dengan menggunakan penentuan harga sesuai, kawal selia dan dasar-dasar strategik untuk menguruskan sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui dengan cekap.

Maka Malaysia perlu untuk menggariskan semua langkah dan sasaran yang konsisten dengan konvensyen PBB bagi melindungi persekitaran dan menumpukan kepada isu perubahan iklim seperti pengurangan sebaran asap kotor, penggalakan penggunaan teknologi-teknologi tenaga karbon rendah bagi mengurangkan pengeluaran karbon sebelum 40% dan menguatkuasakan udara bersih dan piawaian air.

2.6.3 Langkah Dasar: Menerimapakai Piawaian Kualiti untuk Barangan dan Perkhidmatan

Wujudnya barangan dan perkhidmatan di Malaysia yang sama dari segi kualiti dan piawaian di negara-negara maju akan menjadikan Malaysia satu destinasi pilihan bagi pelaburan kerana pelabur-pelabur asing yakin dengan kualiti terjamin sebagaimana mereka telah alami. Ia juga akan mengurangkan kos pengeluaran dan penghantaran sebab pemiawaian memudahkan ekonomi bidangan. Kementerian berkaitan mesti meminta semua perusahaan untuk mengamalkan piawaian antarabangsa tanpa mengira samada barangan dan perkhidmatan adalah untuk tujuan eksport atau penggunaan domestik.

- i. Mengamalkan piawaian antarabangsa pada perundangan dan pengurusan tenaga kerja. Ini perlu untuk selaraskan kos perniagaan berkaitan buruh di Malaysia dengan pusat pengeluaran lain, dan mampu menarik tenaga kerja mahir dari luar negara
- ii. Kualiti buruh merupakan satu fungsi pendidikan dan pembangunan kemahiran sewaktu kerja. Memastikan pematuhan kepada piawaian Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap kemudahan pendidikan dan kurikulum kursus dalam institusi pengajian Malaysia diperlukan.
- iii. Dalam jalur lebar, Malaysia sepatutnya menumpukan pada protokol-protokol asas, antara muka dan piawaian kebolehooperasian antara peralatan. Seperti yang diperhatikan dengan bertambahnya kesatuan komunikasi, pengkomputeran dan kandungan dalam peralatan, kita memerlukan piawaian untuk membolehkan ini.
- iv. Malaysia perlu mengamalkan piawaian yang memberi impak kepada tahap perkhidmatan dalam industri hospitaliti, terutama dalam sektor pelancongan contohnya Kod Pacific Asia Travel Association (PATA) yang memastikan pelancongan bertanggungjawab ke atas alam sekitar, penilaian impak persekitaran, piawaian hotel hijau, piawaian makanan dan minuman, piawaian tandas awam, atau piawaian rumah tumpangan.
- v. Dalam bidang pengeluaran makanan berasaskan agro, telah wujud kesedaran tentang keselamatan makanan dan piawaian persekitaran. Oleh itu, adalah amat perlu bagi Malaysia untuk mengamalkan piawaian antarabangsa makanan agro pertanian dari piawaian pengeluaran dan pemprosesan makanan agro pertanian . Berkongsi dengan EU, AS dan Jepun dalam membangunkan audit saling terima pakai bagi kemudahan pengeluaran dan pemprosesan makanan dan membangunkan satu senarai pengeluar-pengeluar layak, berdasarkan tanda aras piawaian antarabangsa.

2.6.4 Langkah Dasar: Memindahkan Piawaian Malaysia sedia ada kepada Piawaian Antarabangsa

Penetapan piawai bukanlah perkara baru bagi Malaysia. Negara telah diperkenalkan Skim Standard Malaysian Rubber (SMR) dalam tahun 1965, yang sejak itu diterima oleh semua negara-negara yang mengeluarkan getah asli. Malaysia boleh mendapatkan semula reputasinya dalam sektor

komoditi dengan mengembangkan piawaian untuk pengeluaran minyak sawit mampan. Hasil daripada levi minyak sawit boleh digunakan untuk penyelidikan bagi mencapai objektif ini.

Pada masa ini, Malaysia membantu ke arah satu standard global untuk pensijilan halal dan sepatutnya memanfaatkan usaha-usaha ini dengan menukar piawaian Malaysia yang sedia wujud menjadi tanda aras pilihan bagi penerimaan oleh masyarakat dunia. Tambahan pula, Malaysia mengetuai dalam pembangunan piawaian bagi penyampaian produk kewangan Islam. Kepakaran Malaysia sepatutnya dikenali bagi dokumentasi yang cepat, tepat dan bertanggungjawab untuk pelbagai produk Islam a yang memenuhi piawaian dokumentasi transaksi antarabangsa, supaya Malaysia boleh menjadi pusat untuk “*outsourcing*” dalam mendokumentasikan transaksi-transaksi produk kewangan Islam dari mana-mana wilayah.

2.6.5 Langkah Dasar: Pematuhan kepada Piawaian

Rangka tindakan Malaysia dalam pelaksanaan piawaian dan pematuhannya telah diluluskan oleh Kabinet pada tahun 2004. Bidang kuasa dan tanggungjawab penyeliaan adalah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI). Memandangkan pematuhan piawaian adalah bersifat berjalin (*cross-cutting*), dan peluang bagi Malaysia menjadi penetap piawai dalam produk-produk halal dan minyak sawit, satu kajian semula terhadap penetapan piawaian dan kuasa pemantauan adalah diperlukan.

2.7 MENGURANGKAN BIROKRASI DAN MENCIPTA PERSEKITARAN BERDAYA SAING

Pengurangan penglibatan Kerajaan dalam perniagaan boleh merangsang inovasi dalam sektor swasta jika ia diiringi oleh strategi baru untuk menghapuskan halangan-halangan dalam menjalankan perniagaan serta mewujudkan lebih persekitaran pelaburan yang lebih baik.

2.7.1 Langkah Dasar: Meliberalisasikan Kemasukan, Pemilikan and Pengoperasian

Malaysia telah mengamalkan prinsip liberalisasi secara progresif dan beransur-ansur dengan objektif menarik pelaburan asing bagi mengimbangkan perlindungan bagi pengusaha tempatan. Liberalisasi bukanlah satu matlamat. Ia boleh, bagaimanapun, menjadi satu alat yang berkuasa untuk menarik pelaburan, asing mahupun tempatan, dalam bidang pertumbuhan yang baru dan aktiviti nilai tinggi. Baru-baru ini, pelaburan asing telah mengalami satu penurunan pantas, terutama dalam sektor yang tiada had pada pemilikan. Ini menunjukkan bahawa adalah satu keperluan bagi mendapatkan satu pemahaman lebih mendalam mengenai halangan-halangan untuk memperluaskan pelaburan.

Cadangan-cadangan pada dasar liberalisasi telah dikumpulkan ke dalam tiga bidang:

- i. Wujudkan rangka kerja dasar liberalisasi menyeluruh untuk ekonomi Malaysia
- ii. Mengamalkan proses-proses pelaksanaan berjalin pada langkah-langkah dasar liberalisasi
- iii. Mensasar liberalisasi segera dalam sektor-sektor terpilih, bermula dengan 12 sektor NKEA, untuk tempoh terdekat

Pada masa ini tiada rangka kerja dasar liberalisasi atau mekanisme penyelarasan untuk memandu usaha-usaha agensi kerajaan dalam sektor masing-masing. Begitu juga, tiada satu sistem untuk memantau dan menilai kesan dan akibat-akibat daripada langkah-langkah dasar liberalisasi terdahulu. Maklumat pada inisiatif-inisiatif liberalisasi lepas adalah tertabur di pelbagai agensi. MITI menghadapi tentangan signifikan daripada agensi-agensi ini dalam percubaannya untuk

menyusun data liberalisasi dan maklumat. Oleh sebab itu, Kerajaan sepatutnya:

- Membangunkan rangka kerja dasar liberalisasi pada peringkat kebangsaan bagi panduan semua inisiatif-inisiatif liberalisasi, termasuk objektif-objektif, peta jalan, pengurusan pemegang saham, dan isu-isu pelaksanaan
- Menubuhkan satu mekanisma, satu pasukan petugas pelbagai agensi yang berpotensi, untuk memantau dan menilai kesan liberalisasi, termasuk pembangunan satu pangkalan data pusat untuk maklumat liberalisasi.

Satu rangka kerja dan panduan untuk liberalisasi adalah disyor di bawah. **(Jadual 2.5)**

Jadual 2.5 – Rangka kerja Dasar Liberalisasi yang dicadangkan untuk Malaysia

Langkah untuk memanfaatkan secara langsung para pengguna bagi keterangkuman	Memastikan Impak dan Membentuk Reaksi Pasaran	Memastikan Konsistensi	Dimensi Antarabangsa
<p>1. <u>Jangka Pendek</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti langkah kuantitatif pada- garis- sempadan untuk dihapuskan . • Mengenalpasti langkah di dalam sempadan untuk dihapuskan dan diselaraskan (contohnya prosedur pentadbiran dan perlesenan) • Membangunkan piawai keselamatan dan persekitaran di dimana ketiadaan risiko membentuk halangan kepada perdagangan dan pelaburan. (contohnya komponen automatif) 	<p>1. <u>Melibatkan Orang Awam</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina strategi informasi awam- bagaimana untuk menguruskan sebaran media dan pengumuman untuk mentaksir kejelasan, kredibiliti dan ketelusan objektif liberalisasi. • Membina laluan langsung kepada sektor awam dan swasta untuk pertanyaan sebagaimana konsep keterbukaan dan ketelusan. 	<p>1. <u>Dasar Bumiputera</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk memastikan kepastian kepada pelabur dan komuniti bumiputera, bangunkan satu set kriteria supaya pengecualian boleh diperolehi daripada 30% ekuiti dan syarat pekerjaan. • Untuk menghapuskan pendekatan kes demi kes dalam dasar pengecualian bumiputera, yang mana tidak menawarkan konsistensi samada di dalam atau di luar sektor. 	<p>1. <u>FTA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk mentaksirkan semua rakan kongsi dagangan perlu dilayan sama adil pada tahap liberalisasi. Perlu ada ruang untuk menawarkan layanan utama kepada rakan kongsi terpilih contohnya ASEAN? • Untuk menganggarkan cadangan bahawa syarikat asing di Malaysia perlu juga peroleh manfaat daripada pemilihan dan persetujuan yang diperolehi dibawah FTA.

Langkah untuk memanfaatkan secara langsung para pengguna bagi keterangkuman	Memastikan Impak dan Membentuk Reaksi Pasaran	Memastikan Konsistensi	Dimensi Antarabangsa
<p>2. <u>Jangka Pertengahan ke Panjang</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti bidang pertumbuhan baru untuk dibangunkan oleh kemasukan asing yang lebih besar. • Mengenalpasti langkah pra- syarat untuk dibangunkan (contohnya rangka kerja peraturan, menyokong rantaian • penawaranpenawaran dan keperluan sumber manusia) • Tukar ganti liberalisasi untuk dinilai di tahap kebangsaan dan merentasi sektor, bukan sesuatu sektor tertentu sahaja 	<p>2. <u>Kebolehamalan dan kepastian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Di mana langkah-langkah tidak boleh dihapuskan segera untuk menyelaraskan penyesuaian dan bagi memenuhi pra syarat, untuk menentukan penjadualan berperingkat liberalisasi (tidak boleh lebih dari 3 tahun maksimum) • Tunjukkan komitmen dalam tidak memundurkan liberalisasi kepada pelabur-pelabur asing dan peniaga-peniaga, dengan menaksir untuk secara bebas mengikat secara berperingkat-peringkat langkah-langkah pada WTO. 	<p>2. <u>Sektor Sejajar</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Langkah Liberalisasi dinilai pada sesuatu sektor perlu mengambil kira kemajuan dan pencapaian untuk memenuhi pembangunan bagi sektor-sektro berkaitan (contohnya sistem automatif dan sistem pengangkutan awam) 	<p>2. <u>Bersaing dengan yang lain</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Langkah-langkah liberalisasi dan fasilitatif yang diambil perlu dilihat dari segi berdaya saing berbanding negara lain, terumatamanya sekeliling serantau seperti Singapura, dan Thailand. • Ia bukan mengenai menjadi lebih baik daripada sebelumnya, tetapi lebih baik daripada apa yang dilakukan oleh negara bersaing.

Nota: Jadual ini menerangkan senarai semakan langkah-langkah yang tidak menyeluruh yang akan diterima pakai oleh kementerian / agensi-agensi berkaitan untuk memastikan kerapian analisis bagi memudahkan keputusan bermaklumat. Proses ini akan melibatkan kajian kualitatif dan / atau kuantitatif pada kewajaran langkah-langkah diambil untuk satu sektor yang dikenal pasti untuk liberalisasi, termasuk impak analisis dan pengurusan risiko terhadap kesan-kesan buruk yang tidak dijangka dan di mana sesuai.

Langkah-langkah untuk melaksanakan liberalisasi bersifat berjaln yang diperlukan adalah berikut:

- Memastikan impak dan bentuk reaksi-reaksi pasaran dengan mengumumkan langkah-langkah. Pengumuman seharusnya menumpukan kepada kelebihan-kelebihan langkah dan jelas pada objektif-objektifnya, arah, dan julat tindakan

- Mengemukakan garis-garis panduan pelaksanaan langkah-langkah liberalisasi dalam tempoh dua (2) bulan perubahan diumumkan
- Menjalankan satu penilaian ke atas keberhasilan liberalisasi selepas enam (6) bulan dan menaekrifkan langkah-langkah berikutnya untuk diambil jika menepati objektif

Dalam tempoh terdekat, beberapa langkah liberalisasi segera termasuk:

- Membenarkan satu jumlah yang terhad terhadap firma-firma guaman asing untuk beroperasi di Malaysia. Ini akan mewujudkan keyakinan di kalangan sektor swasta, meningkatkan piawaian-piawaian dan membantu mengekalkan bakat
- Fasa liberalisasi mesti terhad kepada satu tempoh maksimum selama tiga (3) tahun berbanding tempoh 5-10 tahun
- Mewujudkan pendekatan senarai negatif untuk melaksanakan liberalisasi. Satu kajian mendalam mengenai cara terbaik untuk melaksanakan pendekatan senarai negatif patut dijalankan
- Menjalankan liberalisasi unilateral yang terikat di bawah WTO, atau FTA serantau atau dua (2) hala bagi memberi jaminan tiada pengunduran
- Mengkaji semula liberalisasi baru-baru ini untuk melihat jika tindakan-tindakan diperlukan untuk operasi, contohnya amalan had layanan nasional
- Memperluaskan faedah-faedah dari FTA bersifat dua (2) hala dan serantau kepada syarikat-syarikat milikan asing. Mewujudkan Malaysia sebagai hab untuk pelbagai industri, contohnya barangan dan perkhidmatan Islam
- Mengkaji semula 49% had ekuiti asing untuk membenarkan pemilikan saham asing yang lebih tinggi

2.7.2 Langkah Dasar: Pembaharuan Rangka Kerja Kemahiran

Rangka kerja peraturan yang sedia ada adalah ketinggalan zaman dan tidak memudahkan perniagaan-perniagaan moden. Malaysia mempunyai banyak keperluan perlesenan dan peraturan yang membebankan (dan kadang-kadang bertindih) pada pelbagai peringkat Kerajaan, yang meningkatkan kos-kos pematuhan serta menghalang inovasi dan pelaburan sektor swasta.

Satu daripada ciri-ciri sesuatu ekonomi maju adalah Kerajaan berusaha memastikan peraturan untuk melaksana agenda sosialnya tidak menghalang daya saing sektor swasta dan inovasi. Untuk ini, Kerajaan perlu menyusun atur agenda pembaharuan peraturan yang komprehensif bertujuan untuk membina satu ekonomi negara tanpa sempadan yang dapat mempertingkatkan produktiviti. Ini harus dijalankan melalui satu program berterusan bagi memastikan dasar adalah konsisten serta mengekalkan kepastian dan kejelasan. Persekitaran kawalselia yang menggalakkan persaingan mempunyai kesan positif kepada produktiviti. Peraturan-peraturan mengenai produk- atau institusi khusus menjadi amat herot dan menghalang persaingan dan inovasi. Peraturan-peraturan sebegini akan cepat menjadi tidak relevan, menjadi rintangan dalam peraturan pengawasan.

Satu gambaran jelas penurunan dalam kualiti rangka kerja perundangan kawalselia negara ialah kedudukan terbaru Malaysia pada peratusan ke-67 dalam *Governance Indicators Bank Dunia* (WGI), yang mengukur kualiti kawalselia melalui kesempurnaan dasar-dasar dan peraturan yang mempromosikan pembangunan sektor swasta. Semua negara-negara yang menjadi tanda aras kita berada di kedudukan lebih tinggi daripada Malaysia pada kiraan ini, dengan Hong Kong dan Singapura mendahului pada peratusan ke-99. Rangka kerja perundangan Malaysia mesti disejajarkan dengan perubahan dalam alat kawalselia, proses dan pendekatan termasuk amalan terbaik dan piawaian baru. Jika tidak, buruh dan modal akan bergerak keluar daripada kawasan bidang kuasa kawalselia yang mencekik kepada ekonomi yang mempunyai rejim yang lebih moden dan mesra pasaran.

Malaysia mesti segera membuat pembaharuan rangka kerja perundangannya yang lebih seimbang dan terkini dengan pembangunan global bagi mengurangkan kos serta kesukaran melakukan perniagaan juga bagi mempertingkatkan produktiviti negara dan daya saing antarabangsa. Pada masa yang sama, satu budaya peningkatan kawalselia berterusan perlu disemai dengan lebih kuat dalam amalan-amalan kerajaan. Menteri-menteri dan jabatan-jabatan dibawahnya mesti lebih bertanggungjawab terhadap kualiti peraturan berdasarkan portfolio mereka. Langkah-langkah berikut adalah diperlukan:

- *Menerimapakai Prinsip-Prinsip Peraturan yang Baik.* Terdapat sejumlah prinsip untuk memacu Kerajaan dalam memartabatkan undang-undang dan peraturan yang baik dengan memastikan objektif sosial juga mampu mengurangkan kos melepas ekonomi. Prinsip ini termasuk ketelusan, kewajaran proses pentadbiran undang-undang seimbang, pasti, tanpa diskriminasi, objektif- dan kriteria berdasarkan prestasi, mekanisme berasaskan pasaran dan akauntabiliti.

Amalan terbaik untuk satu proses kawalselia yang berkesan memerlukan peraturan yang baru bagi menembusi RIA mandatori, yang dapat menilai jangkaan kesan dan keberkesanan undang-undang dan peraturan baru sebelum diumumkan. Penemuan-penemuan RIA hendaklah diedarkan bersama dengan draf peraturan apabila dibentangkan untuk perbincangan dan enakmen. RIA sepatutnya menjadi satu dokumen awam, terbuka untuk penelitian oleh ahli politik, kumpulan-kumpulan pengawal, persatuan industri, dan orang ramai. Sebaik sahaja satu peraturan berkuatkuasa, ia mesti diiringi oleh garis-garis panduan yang jelas dalam tempoh dua (2) bulan.

Sebagai sebahagian daripada proses memperkenalkan peraturan baru, perundangan awam patut dibuat mandatori. Perundangan berbentuk begini boleh diambil, bagaimanapun akan berubah bergantung pada seberapa berat peraturan yang diperkatakan. Untuk memastikan peraturan-peraturan kekal berkesan dan relevan sepanjang masa, mekanisme semakan berkala patut dimulakan. Ini termasuklah memasukkan fasa pemansuhan atau mekanisme penyemakan semula lima (5) tahun secara automatik dalam peraturan sedia ada dan peraturan baru. Satu pangkalan data komprehensif bagi semua peraturan-peraturan utama dan subordinat harus dikumpulkan melalui satu pejabat pendaftaran peraturan, yang dikendalikan oleh satu badan utama. Pendaftaran sebegini akan membolehkan semua perniagaan mengenal pasti dengan mudah keseluruhan syarat-syarat yang boleh digunakan dan akan menyediakan cara untuk mengesan dan mengurangkan pertindihan atau penyanggahan dalam peraturan. Sebaik-baiknya, pendaftaran perlu membangkitkan beberapa bulan lebih awal mengenai hukum-hukum dan peraturan-peraturan subordinat yang akan digunakan oleh pasukan, atau akan dikaji semula, diubah, atau dibatalkan.

- *Memansuhkan Bebanan Peraturan Tidak Perlu.* Beban peraturan yang terkumpul di Malaysia, diukur dari pelbagai peraturan dan prosedur, menjadi tekanan kepada perniagaan. Pemodelan Pentadbiran Malaysia dan Unit Perancangan Pengurusan (MAMPU) telah mengenal pasti sejumlah 896 agensi-agensi pada peringkat persekutuan dan negeri yang mentadbirkan lebih daripada 3000 prosedur-prosedur kawalan. Masa diperlukan untuk mendapat pengesahan perundangan bagi hampir 50% daripada prosedur-prosedur adalah bersamaan 14 hari bagi setiap satu.

Bagi menangani ini, satu pendekatan berkesan yang kerap dirujuk sebagai “Pendekatan Belanda” adalah perlu untuk akur kepada perancangan pengurangan beban peraturan untuk tempoh masa tertentu, contohnya penurunan sebanyak 50% daripada peraturan yang masih ada dalam masa empat tahun. Bagi menjamin kejayaan, satu pendekatan berkaitan bagi mengukur bebanan peraturan mesti terlebih dahulu dimajukan sebelum struktur organisasi diwujudkan untuk menyelia samada berlaku proses pengurangan. “Pendekatan Mexico” untuk memperkemas dan memudahkan pelesenan juga boleh dimuatkan sebagai sebahagian daripada proses ini. Ini memerlukan pengumpulan satu senarai inventori lengkap mengenai peraturan-peraturan perniagaan yang sedia ada — peraturan dan borang-borang diperlukan bagi memulakan dan menjalankan suatu perniagaan, seperti lesen, permit, dan kelulusan yang lain. Pada masa yang sama, Kerajaan juga harus menggunakan ICT dengan lebih berkesan untuk menyelaraskan keperluan-keperluan pelaporan perniagaan dan mengurangkan kos-kos pematuhan. Penyeragaman proses-proses perniagaan biasa untuk meningkatkan akses kepada maklumat, mesej dan perkhidmatan pada laman web kerajaan boleh dimajukan.

Sebagai satu langkah segera dalam menghapuskan bebanan peraturan tidak perlu, Kerajaan sepatutnya memberikan keutamaan kepada kajian semula undang-undang dan peraturan. Keutamaan tertinggi termasuk undang-undang buruh; Akta Penyelarasan Industri; Akta Penggalakan Pelaburan; Undang- Undang Kecil Bangunan Seragam; Akta Jalan, Parit dan Bangunan; Kanun Tanah Negara; Akta Perlindungan Data Peribadi; serta undang-undang memerintah hak harta intelek dan prosiding penggulungan.

Tambahan juga, undang-undang sektor tertentu, terutamanya yang mempengaruhi industri pembuatan dan minyak dan gas juga memerlukan kajian semula. Untuk sektor pembuatan, sekatan kepada syarat-syarat ekuiti yang digunakan ke atas syarikat-syarikat pengeluar yang tertubuh sebelum tahun 2003 haruslah disingkirkan untuk diselaras dengan syarikat-syarikat yang diwujudkan selepas tahun 2003, yang mana tidak lagi tertakluk kepada syarat-syarat ekuiti dalam lesen pembuatan mereka. Untuk sektor minyak dan gas, proses pembidaan untuk penganugerahan kontrak perlu distrukturkan semula untuk menggalakkan penyertaan yang lebih besar oleh PKS.

- *Memastikan satu Mekanisme Penguatkuasaan Berkesan dan Cekap.* Penguatkuasaan yang tidak berkesan telah menghasilkan kekurangan dalam pematuhan peraturan dan mesti diperbetulkan untuk dipadankan dengan perancangan pengurangan beban peraturan. Untuk menangani perkara ini, setiap badan kawalselia mesti menjalankan satu audit bebas tahunan mengenai kepatuhan kepada piagam pelanggan dan penemuan-penemuan tersebut mestilah menjadi tatapan umum. Pengawalselia juga harus menjalani latihan berterusan untuk mempelajari pendekatan-pendekatan baru dan untuk meningkatkan / kemas kini kemahiran mereka dan keberkesanan penguatkuasaan. Satu badan penyelidikan dan badan sokongan bebas juga boleh menyediakan kaunter semakan semula melalui maklum balas dari satu taksiran bebas atas kecekapan rangka kerja perundangan.

- *Mengukuhkan Institusi Sokongan.* Faktor paling penting bagi memastikan kejayaan ke arah satu kerangka peraturan yang lebih efektif dan koheren ialah peranan agensi utama pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perubahan-perubahan kritikal kepada pendekatan-pendekatan peraturan sedia ada.

Seperti yang dibayangkan dalam RMK-10, MPEN menyokong pemberian tugas kepada *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) untuk membuat pelan pengurangan beban peraturan dan berterusan melaksanakan secara efektif inisiatif-inisiatif pembaharuan peraturan. Untuk menjalankan tugas ini dengan baik, MPC mesti menetap semula keutamaan-keutamaannya dan diberi sumber manusia dan kewangan untuk menjalankan misi ini.

Untuk menyiasat dan mendakwa jenayah korporat serius (termasuk yang dikaitkan dengan rasuah dan penipuan), Kerajaan perlu mewujudkan Pihak Berkuasa Jenayah Ekonomi yang baru. Ini boleh dilaksanakan dengan menggabungkan Bahagian Jenayah Komersial Polis yang dinaiktarafkan dengan bahagian siasatan Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti.

2.7.3 Langkah Dasar: Pelaksanaan Pantas dan Tegas Undang-undang Persaingan

Akta Persaingan Malaysia tahun 2010 yang baru diluluskan telah diiktiraf setaraf dengan undang-undang serupa di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Persaingan kini bertanggungjawab kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, yang boleh mengkompromikan kebebasannya kerana Kementerian diberi mandat untuk menggalakkan sektor-sektor tertentu manakala Suruhanjaya diharap bertindak adil. Pelaksanaan berkesan Akta ini boleh terbantut sekiranya Suruhanjaya Persaingan dilihat sebagai berat sebelah, yang mencela kredibiliti dimata pelabur yang berpotensi.

Cabaran utama dalam melaksanakan objektif-objektif Akta Persaingan terletak di antara mencapai objektif-objektif sosial negara dan membenarkan persaingan sihat untuk berkembang dalam pasaran domestik. Dasar subsidi dan perlindungan sosial perlu ditangani serta operasi GLC, kerana mereka memberi kesan kepada persaingan.

Kerajaan dapat memberi isyarat mengenai komitmen kukuhnya terhadap persaingan dengan melantik seorang Pengerusi Suruhanjaya yang berkredibiliti dan bebas, sebaik-baiknya seorang wakil kanan sektor swasta yang mempunyai pengalaman operasi yang luas dalam pasaran luar negara yang berdaya saing dan liberal. Sejajar dengan Akta Suruhanjaya Persaingan, Kerajaan boleh memberi arahan am berkaitan dengan fungsi dan bidang kuasa Suruhanjaya, tetapi tidak sepatutnya mengganggu apa jua keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya.

Komposisi ahli-ahli Suruhanjaya harus mewakili bukan sahaja yang mempunyai kepentingan Kerajaan, tetapi juga dari sektor swasta dan pengguna. Ahli-ahli patut diberikan latihan khusus di dalam isu-isu dalam persaingan dan ekonomi untuk membina keyakinan pelabur di atas pelaksanaan Akta ini.

Suruhanjaya seharusnya mendukung galakan persaingan bagi membangunkan budaya persaingan antara komuniti perniagaan, pengguna dan lain-lain pengawalselia. Untuk Malaysia membangunkan budaya persaingan, perniagaan perlu memahami sepenuhnya matlamat undang-undang persaingan dan bagaimana ia boleh menggalakkan persaingan tulen dan sihat secara efektif.

Suruhanjaya seharusnya bekerja dengan lain-lain pengawalselia bagi menyemak semula dan mempermudah polisi, peraturan dan amalan sedia ada untuk memastikan ia konsisten dengan objektif-objektif Akta Persaingan. Aplikasi-aplikasi Akta Persaingan yang merentasi sektor dan sempadan mesti ditangani. Contohnya dasar-dasar penggantian import dan pengagihan semula kekayaan yang terpilih berkaitan dengan dasar persaingan seharusnya dinilai semula dengan tujuan menghapuskan atau menangani herotan pasaran. Syarat-syarat keluar masuk, khususnya syarat-syarat perlesenan yang dikenakan oleh pengubal undang-undang sektor, dipermudahkan bergaris arus untuk memastikan bahawa mereka tidak melarang kemasukan pemain-pemain pasaran baru. Jurang-jurang atau pertindanan dalam bidang kuasa peraturan antara Suruhanjaya Persaingan dan pengubal peraturan sektor lain perlu diselesaikan. Ia mesti jelas mengenai siapa pengubal undang-undang yang akan mengambil peranan dalam kes-kes yang tidak dapat dielakkan pertindihan bidang kuasa peraturannya supaya perniagaan-perniagaan tersebut tidak perlu berurusan dengan berbilang pembuat peraturan.

Suruhanjaya harus menghadkan pengecualian yang dibenarkan agar tidak mengkompromi keberkesanan Akta Persaingan. Mana-mana pengecualian individu ataupun blok diberikan kepada industri atau firma seharusnya diputuskan secara terbuka dan diteliti secara kerap dengan jangkaan bahawa ia akhirnya akan ditamatkan.

2.8 MEMPERKENALKAN INOVASI DALAM PEMBIAYAAN

- Adalah dijangka bahawa pembaharuan sektor kewangan dibawah MBE yang bakal dilaksanakan dalam tempoh sedekad yang akan datang, akan diliputi oleh kedua-dua Pelan Induk Pasaran Modal Suruhanjaya Sekuriti 2 (CMP2) dan Pelan Induk Sektor Kewangan ke-2 Bank Negara Malaysia (FSMP2). Makmal-makmal NKEA turut mengenal pasti langkah-langkah tertentu menumpukan pada kewangan sebagai satu sektor pertumbuhan. Oleh itu, laporan ini menumpukan hanya pada pertumbuhan isu-isu kewangan terpilih, khususnya mengenai akses kepada modal, yang kedua-duanya berjalin (*cross-cutting*) dan penting untuk potensi pertumbuhan dan kecekapan sektor swasta.

2.8.1 Langkah Dasar : Inovasi dan Kecekapan Pengagihan Modal

Infrastruktur sektor kewangan Malaysia secara relatifnya sudah baik. Walau bagaimanapun, jurang besar kerangka perundangan, kekurangan ketelusan sistem maklumat kredit, struktur-struktur dana yang kompleks, serta persekitaran PKS dan agensi pembiayaan modal usaha niaga (*venture capital*) yang sesak, semuanya menyebabkan kesempitan dalam rangkaian-penawaran kewangan. Kelemahan-kelemahan ini dapat diatasi untuk menghapuskan herotan dalam peruntukan modal sektor swasta dan untuk menambahbaik kecekapan institusi-institusi kewangan. Akses kepada pembiayaan harus lebih telus dan berdasarkan kepada merit.

Langkah-langkah yang dicadangkan adalah:

- Membina satu kerangka undang-undang, kawalselia, dan institusi yang akan membantu institusi-institusi kewangan membangunkan kapasiti untuk menggalakkan pinjaman tidak berasaskan cagaran
- Membangunkan satu mekanisma untuk menyokong pembiayaan PKS oleh bank, bukan bank dan pasaran modal
- Meningkatkan akses kepada modal risiko, termasuk modal usaha niaga (VC)

Pinjaman berasaskan cagaran terus menjadi tunjang amalan-amalan pinjaman di institusi-institusi kewangan Malaysia. Satu kerangka undang-undang dan peraturan diperlukan untuk memberi bank-bank cara efektif berurusan dengan peminjam, satu platform yang responsif untuk para peminjam menguruskan kesulitan kewangan secara proaktif, dan memudahkan penglibatan bank dalam penyusunan semula pinjaman yang telah bertukar menjadi lapuk.

Beberapa perundangan perlu dipinda untuk membolehkan akses kepada kredit berdasarkan merit, memantau risiko transaksi, menggalakkan persekitaran yang menyokong penyusunan semula berbanding menjual semua barangan pramatang, dan mempercepatkan proses-proses perampasan dan lain-lain jalan keluar, sementara membenarkan pemulihan syarikat-syarikat dan pemilikan tunggal. Satu sistem sokongan untuk bank-bank diperlukan untuk menggalakkan pinjaman tanpa cagaran. Ini boleh dilakukan dengan membangunkan keupayaan PKS untuk permohonan pinjaman berdasarkan unjuran aliran wang tunai. Amalan terbaik antara pembekal-pembekal sistem maklumat kredit mesti dipelihara. Pempiawaan format laporan untuk PKS dan mesra pelanggan, konsisten dengan keperluan-keperluan pemantauan kredit, mesti dibangunkan.

Institusi-institusi kewangan juga kurang keupayaan untuk membuat keputusan kredit melalui penilaian projek dan pemantauan risiko transaksi-transaksi, terutamanya bagi projek-projek yang melibatkan kandungan teknikal dan pulangan sosial yang tinggi, seperti pelaburan “teknologi hijau” dan projek-projek ICT yang dibiayai menerusi pembiayaan VC . Satu Pendaftaran Kredit Perdagangan (CCR) untuk mengumpul dan berkongsi maklumat dengan pelanggan-pelanggan mesti diwujudkan untuk membenarkan penarafan kredit peminjam dibuat berdasarkan data yang komprehensif tepat dan semasa. CRS seharusnya ditanda aras dengan piawaian antarabangsa yang dibangunkan oleh Bank Dunia. Kita juga perlu membina keupayaan di kalangan institusi-institusi kewangan untuk menilai dan memantau projek-projek berteknologi tinggi dan lain-lain projek berasaskan teknologi.

Objektif dasar utama negara seharusnya menggunakan piawaian antarabangsa dalam semua amalan-amalan undang-undang, peraturan dan merentasi institusi sektor kewangan. Penilaian di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (FSAP) akan dapat mengukur pematuhan dengan piawaian berkaitan dan mengenal pasti jurang supaya langkah-langkah pembetulan boleh diambil. Ini akan menggalakkan keyakinan komersial dan kebolehamalan.

Majoriti perusahaan-perusahaan di kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia terdiri daripada PKS. Produktiviti dan pendapatan mereka, serta upah yang dibayar, adalah perkara penting bagi taraf kehidupan umum. Langkah-langkah untuk merangsang mereka menggunakan teknologi bina- produktiviti dan mempelbagai ke dalam proses-proses pengeluaran moden adalah kritikal untuk menyediakan pekerjaan berupah tinggi dan mempertingkatkan sektor swasta yang dinamik pada tahun 2008 di Malaysia. PKS terdiri sebanyak 99.2% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan-pertubuhan di Malaysia, menyediakan pekerjaan kepada sekitar 60% daripada jumlah tenaga kerja, dan menyumbangkan kira-kira satu pertiga daripada KDNK.

Isu utama berkaitan PKS di Malaysia adalah mereka tidak mempunyai akses kepada pembiayaan yang diperlukan untuk mencapai skala lebih besar dan keuntungan. Oleh itu, mereka tidak bersedia untuk berintegrasi ke dalam rantai penawaran global. PKS beroperasi di dalam satu sistem yang “tidak berkembang” dengan pelaburan terhasil semula dan pulangan ekonomi yang rendah.

- Mewujudkan “*Angel Financing*” PKS atau Pasaran Modal Usaha Niaga. Satu “Bulletin Board” untuk usahawan PKS yang memerlukan pembiayaan modal usaha niaga atau

Angel Financing harus ditubuhkan oleh SME Corp. dengan kerjasama Bursa Malaysia, dan persetujuan PKS. Ini akan menyediakan satu "pasar" yang dipermudahkan dan bersepadu di mana pelabur-pelabur berpotensi boleh mengetahui tentang PKS yang layak dilaburkan.

Satu kerangka holistik diperlukan bagi menyokong PKS menguruskan pembayaran balik pinjaman. Ini boleh berbentuk program-program bantuan teknikal yang memastikan pinjaman tidak menjadi lapuk, sambil membina keupayaan perniagaan dan teknikal PKS.

- Mewujudkan satu rangka kerja institusi untuk melaksanakan penarafan PKS. Ini memerlukan peraturan untuk pengumpulan dan perkongsian data untuk membenarkan analisis baik untuk pensekuritan pinjaman hutang piutang PKS. Kemudahan yang kini tersebar (permarkahan kredit SME Corp, Sistem Pelaporan Kredit di CGC) perlu untuk dirasionalkan dan ditransformasikan menjadi Sistem Pelaporan Kredit PKS yang memenuhi piawaian antarabangsa. Tempoh pemprosesan permohonan pinjaman perlu dikurangkan dan penjejakan penarafan PKS mesti diperkukuhkan bagi memastikan kelakuan baik dan memudahkan tindakan pantas untuk menahan kemunculan pinjaman tak berbayar .

Rangka kerja penyeliaan sektor perbankan mesti dikaji semula dan perubahan yang dilaksanakan akan membolehkan memanfaatkan kemahiran unik institusi bukan bank untuk berperanan lebih besar dalam meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk PKS (**Kotak 2.1**).

- Meningkatkan Akses untuk Modal Pembangunan PKS. Walaupun banyak sokongan kerajaan VC, industri kekal tidak matang dalam pertumbuhannya dan aduan-aduan awam tentang akses untuk modal berisiko tidak dikenalpasti dengan berkesan. Akses kepada pembiayaan untuk modal berisiko, terutamanya bagi VC memerlukan analisis lanjut. Satu rasionalisasi dasar-dasar dan akses pembiayaan untuk meningkatkan keberkesanan pembiayaan VC diperlukan. Tiada kekangan-kekangan pembiayaan dalam sektor VC, tetapi terdapat isu-isu keberkesanan dalam penggunaan dana. Isu-isu itu melibatkan pentadbiran yang lemah akibat terlalu banyak agensi dan majlis-majlis dengan fungsi salinan bertindihan dan kelemahan tadbir urus serta amalan-amalan kebertanggungjawaban.

Kesimpulannya kita perlu mewujudkan permintaan untuk kewangan VC, daripada bergantung pada pembiayaan yang didorong penawaran, sekaligus mengelakkan sumber-sumber terhad mengejar urusan jualbeli dan cadangan-cadangan yang sama. Seluruh GLC harus dihala tujukan untuk meneroka kebolehan menyediakan unit-unit VC korporat. Pelaburan-pelaburan di dalamnya patut digalakkan melalui insentif cukai. Inisiatif-inisiatif bagi memperkenalkan usahawan-usahawan Malaysia berpotensi kepada VC asing seharusnya disubsidikan dengan pelbagai tawaran untuk bersama terus melabur dalam usahawan-usahawan ini. Dasar-dasar ganjaran VC awam seharusnya ditanda aras kepada piawaian antarabangsa untuk menyelaraskan insentif-insentif kakitangan dan menarik bakat.

Pembiayaan awal untuk jaringan rangkaian Angel profesional tidak berasaskan keuntungan harus diwujudkan dan disediakan, sementara pelaburan-pelaburan angel sepadan sepatutnya menjadi penggalak melalui program dana yang serupa. Jaringan angel ialah satu saluran hebat untuk modal berisiko peringkat awal sambil ia mengumpulkan modal,

kepakaran dan jaringan pelabur-pelabur tidak rasmi. Paling penting, pelabur-pelabur Angel funding lazimnya memberi dana dan menyokong syarikat-syarikat belum matang untuk mendapatkan pembiayaan VC dengan jayanya.

Kotak 2.1 – Langkah-langkah untuk memperbaiki akses kepada pembiayaan untuk PKS

Langkah-langkah spesifik untuk mewujudkan peluang akses yang lebih luas kepada PKS oleh institusi sumber kewangan bukan bank yang akan memfokuskan kepada:

- (a) Pembangunan syarikat kredit “terpilih” yang diuruskan dengan baik untuk meningkatkan peranan mereka sebagai pemberi pinjaman kepada PKS. Ini termasuklah penyeliaan peraturan bagi memastikan keyakinan pelabur-pelabur bank dan bon bagi menyalurkan kredit kepada syarikat-syarikat kredit tersebut untuk pinjaman kepada PKS
- (b) Meneliti semula rangka kerja pasaran modal dan peranan Danajamin untuk mempromosikan penggunaan pasaran modal (bon dan kertas komersial) untuk mendapatkan pembiayaan.
- (c) Membangunkan pasaran CRS dengan *rating* PKS sebagai asas untuk membolehkan pengsekuritan pinjaman-pinjaman PKS yang diberikan oleh syarikat kredit.
- (d) Memasukkan syarikat kredit dalam pengagihan dana khas kerajaan yang diwujudkan untuk menyokong pinjaman PKS (pengagihan ketika ini menerusi bank sahaja)
- (e) Mengkaji Akta Peminjam Wang untuk memudahkan pertumbuhan pinjaman yang dibiayai oleh syarikat kredit. Peruntukan di dalam Akta itu memerlukan syarikat kredit untuk menggunakan dokumentasi keselamatan dipiawai menyekat keupayaan untuk mengeluarkan pinjaman biasa bagi perniagaan. Permohonan bagi membuat perubahan kepada dokumen dipiawai melibatkan satu proses perundingan panjang dengan pihak berkuasa berkaitan. Satu lagi halangan adalah setiap cawangan syarikat kredit dikehendaki memohon lesen pemberi pinjaman individu sebelum ia boleh menjalankan perniagaan pinjaman berjangka. Kawasan/pihak berkuasa tempatan tidak menggunakan dasar dan prosedur konsisten dalam pemprosesan, pemeriksaan dan pengeluaran lesen.
- (f) Membina kerjasama dengan syarikat-syarikat yang lebih besar untuk mengembangkan produk perbankan yang mengaitkan risiko pinjaman PKS kepada firma besar yang memperolehinya merupakan sumber produk daripada PKS.

2.9 MENINGKATKAN PERHUBUNGAN PERNIAGAAN DAN PEMBANGUNAN PKS

Dalam dekad yang lalu, ICT telah dimajukan ke satu peringkat dimana lebih banyak urus-niaga perniagaan dibuat melalui internet, berbanding melalui saluran-saluran konvensional seperti akhbar, televisyen dan pos. Maklumat yang mudah mengurangkan halangan-halangan bagi aktiviti ekonomi dan merangsang pertumbuhan dan produktiviti walaupun di kawasan-kawasan luar bandar dan kurang membangun. Jalur lebar bukan lagi satu kemewahan, tetapi satu utiliti yang penting.

MPEN yakin bahawa mempercepatkan pelaksanaan jalur lebar adalah satu keutamaan negara, bukan sahaja untuk meletakkan Malaysia kembali ke landasan pertumbuhan teguh, tetapi juga sebagai satu alat penting untuk 8 IPS termasuk pewujudan pertumbuhan baru dan pendapatan untuk PKS dan kawasan luar bandar.

2.9.1 Langkah Dasar: Percepatkan Pelancaran Jalur Lebar

Jalur lebar merupakan kunci penyediaan perkhidmatan inovatif ke seluruh negeri dan ke peringkat global serta ianya satu platform kritikal untuk PKS. Kajian Bank Dunia menyarankan bahawa jika sebuah negara meningkatkan perluasan jalur lebarnya sebanyak 10%, ia boleh menyokong lebih daripada 1% peningkatan dalam pertumbuhan KDNK. Jalur lebar lebih membantu pertumbuhan berbanding teknologi lama seperti talian tetap, kerana kelajuannya lebih tinggi dan lebar jalur yang membolehkan persidangan video, penciptaan kandungan, dan cadangan nilai tambah. Dasar pengembangan jalur lebar yang dicadangkan boleh memanfaatkan tahap infrastruktur yang maju di Malaysia dengan:

- Menarik pusat data dan pemprosesan yang besar (seperti Google, Yahoo, dan lain-lain) kepada satu (1) daripada lima (5) bidang tumpuan yang mempunyai jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB), seperti Iskandar dengan tujuan menjanakan perkhidmatan kandungan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengannya.
- Menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) untuk mempercepatkan pelaksanaan HSBB dalam Zone 1 sebagai satu perkara utama untuk menjana hasil dan pertumbuhan kepada syarikat telekomunikasi sedia ada.
- Menumpukan kepada pembangunan kandungan. Makmal NKEA telah menyarankan menggunakan eGovernment, eLearning and eHealth, sebagai pemacu untuk penyediaan kandungan, perisian, dan kemahiran proses yang boleh diguna atau dikembangkan kepada pasaran yang baru muncul lain. MPEN mencadangkan supaya satu inisiatif bersungguh-sungguh awam-swasta diwujudkan dengan menumpu kepada pembangunan kandungan dalam bidang media dan budaya yang boleh membantu sektor Pelancongan dan PKS.

Terdapat beberapa cara bagi menggalakkan Telco untuk mempercepatkan pelancaran, mengurangkan pembaziran, mengurangkan prosedur-prosedur birokrasi dan meningkatkan ketelusan dan tadbir urus:

- Mengurangkan kadar caruman Dana USP dari 6% kepada 3% hingga 4% daripada hasil untuk meningkatkan keuntungan dan keupayaan untuk melabur dalam pelancaran yang lebih luas;
- Pastikan projek adalah berimpak tinggi dengan menekankan pelancaran untuk tujuan sekumpulan besar komuniti seperti sekolah, hospital / klinik (strategi "middle mile"). Kumpulan besar seperti itu meningkatkan keberkesanan nilai dan boleh mengurangkan kos pelancaran 'last mile'. Pastikan teknologi yang kekal terkini digunakan dalam pelancaran 'middle mile' (lazimnya teknologi berasaskan gentian kaca).
- Membenarkan satu proses 'claw back' berbanding pelaburan yang telah dipersetujui dalam bidang USP.

Beberapa halangan undang-undang dan peraturan yang menyebabkan kelewatan dan kehilangan peluang dalam pelancaran HSBB:

- Kanun Tanah Negara – Hak lalu-lalang

- Undang-undang Tort – Tuntutan ganti jika utiliti perlu dipindahkan akibat daripada pengubahan jalan dan tuntutan kerosakan semasa proses kerja dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).
- Undang-undang Negeri – Pihak Berkuasa Tempatan perlu melihat jalur lebar sebagai satu bentuk utiliti dan mengurangkan halangan untuk mempercepat pengembangannya.
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan – dikaji semula untuk mengambil kira penyediaan infrastruktur rangkaian.

Dalam beberapa negeri, syarikat-syarikat Telco tidak boleh membina menara sendiri kerana syarikat kerajaan negeri telah diberi hak eksklusif, menyebabkan kelewatan dan kerugian. Di samping itu, Telco perlu memohon untuk kelulusan dari pelbagai agensi sehingga sangat memakan masa.

2.10 MEMELIHARA PERSEKITARAN

Masalah yang biasa dihadapi oleh negara maju dan negara membangun ialah kekurangan amalan kemampanan yang menjamin sumber-sumber digunakan dengan cara yang paling ekonomik. Kesedaran di peringkat global sedang meningkat akibat dari perubahan iklim, impak alam sekitar, dan juga kesedaran yang kian meningkat bahawa sumber asli kita terhad. MPEN percaya bahawa dalam rangka kerja dasar yang dicadangkannya, tindakan berikut adalah diperlukan:

- i. Mengambil kira kesan tidak langsung ke atas persekitaran.
- ii. Meningkatkan kecekapan tenaga dan pertumbuhan hijau.
- iii. Mengutamakan pertanian mampan.
- iv. Berusaha ke arah sumber tenaga yang mampan.
- v. Membangun perumahan mampan.

2.10.1 Langkah Dasar: Mengambil kira Eksternaliti

Asas penting kemampanan ialah memastikan pelaburan sektor swasta dan aktiviti ekonomi mengambil kira sepenuhnya kos langsung dan kos tidak langsung operasi mereka. Aktiviti perniagaan yang mencerminkan sepenuhnya kos langsung dan tidak langsung ekonomi, sosial dan alam sekitar selalunya lebih cekap dan mampan. Ini memerlukan kedua-dua insentif dan denda, menerima pakai “prinsip pencemar perlu membayar”, dan ketelusan ke atas kos dan faedah sebenar untuk pelbagai jenis pengeluaran ekonomi.

Dalam konteks Malaysia, hala tuju dasar yang jelas dalam merasionalisasi subsidi dan menghapuskan kawalan harga akan memberikan pelabur-pelabur kepastian tentang kos tenaga di masa depan sebagai satu faktor yang mempengaruhi keputusan pelaburan. Di samping itu, harga pasaran untuk produk tenaga mungkin juga mendorong penggunaan teknologi hijau dan teknologi boleh diperbaharui.

2.10.2 Langkah Dasar: Menggalakkan Pertumbuhan Hijau dan Kecekapan Tenaga

Isu pertumbuhan hijau semestinya menjadi elemen penting dalam mana-mana perancangan untuk kemampanan dalam konteks kekangan sumber dan ancaman dari perubahan iklim. Penekanan perlu diberikan terhadap penggunaan tenaga yang cekap dan mengurangkan pembaziran sumber untuk menampung kualiti hidup tinggi. Perubahan besar adalah diperlukan berbanding perubahan sedikit. Pertumbuhan mampan memerlukan satu gabungan strategi dan dasar inovasi yang saling melengkapi dan menyokong antara satu sama lain, perkongsian, dan anjakan kualitatif dan kuantitatif dalam pelaburan.

Memandangkan sektor tenaga merupakan tulang belakang kepada sebuah ekonomi yang berusaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan, penting sekali bagi Dasar Tenaga Kebangsaan yang sedang disediakan oleh UPE menangani isu tenaga di Malaysia. Ini termasuk penawaran mencukupi untuk tenaga yang selamat dan ekonomik, penggunaan tenaga cekap, dan perlindungan alam sekitar dalam proses penggunaan dan penjanaan tenaga. Malaysia kini tiada undang-undang mengenai penggunaan tenaga yang cekap sebagaimana negara-negara seperti Jepun dan India. Piawaian kecekapan tenaga perlu diguna pakai, dan bersama dengan penggunaan lebih meluas untuk sumber alternatif tenaga hijau boleh diperbaharui, akan menunjukkan satu langkah besar ke arah memelihara persekitaran.

2.10.3 Langkah Dasar: Mengutamakan Pertanian Mampan

Kesedaran sejagat mengenai kesan pertanian ke atas persekitaran telah mengubah cara negara maju membeli produk pertanian mereka, berpindah dari tidak mampan kepada kaedah perladangan organik yang mampan. Pertanian mampan bukan sahaja merangkumi ekologi tetapi ia juga meliputi kemampanan sosial seperti kadar upah dan keadaan kerja, tidak menggunakan buruh kanak-kanak, dan amalan-amalan kerja yang baik. Malaysia perlu bertindak untuk memenuhi permintaan untuk produk-produk makanan pertanian yang diusahakan secara mampan seperti produk yang disahkan oleh NGOs seperti Rainforest Alliance dan Fairtrade. Permintaan global kian meningkat terhadap komoditi seperti koko, kopi, teh, gula, beras, dan ubat yang berasaskan herba yang disahkan dan diusaha secara mampan. Malaysia harus merangka piawaian untuk pengeluaran makanan pertanian mampan, seperti membangunkan piawaian untuk makanan halal dan organik, termasuk menerajui '*Roundtable on Sustainable Palm Oil Products*'. Ini merupakan peluang pendapatan tinggi berinovatif yang sesuai untuk pembangunan PKS di kawasan luar bandar, terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

2.10.4 Langkah Dasar: Berusaha Untuk Sumber Tenaga Mampan

Malaysia amat bergantung pada penawaran petroleum dan gas asli yang kian berkurangan, yang akan mendedahkan kepada turun naik harga. Penggunaan sumber baru dan boleh diperbaharui (suria, sel bahan api biojisim, teknologi hidrogen, dan lain-lain.) adalah kritikal bagi Malaysia. Walau bagaimanapun, peralihan kepada penggunaan teknologi ini adalah lembap kerana kos yang tinggi. Memandangkan sumber hidroelektrik yang banyak di Sarawak, MPEN mencadangkan supaya diwujudkan satu sistem yang telus dan berasaskan keutamaan untuk penyelidikan dan pembangunan dan penggunaan teknologi tenaga hijau supaya sektor swasta boleh merancang dan melabur di bidang ini, termasuk projek hiliran berkaitan dengan tenaga bukan berasaskan fosil.

2.10.5 Langkah Dasar: Membina Perumahan Mampan

Malaysia mempunyai kelebihan berbanding dalam pembangunan perumahan dan pembinaan. Pembangunan dalam perumahan yang sesuai didiami dan mampan, menggunakan penjimatan tenaga, kesan karbon dan pencemaran yang rendah (pembuangan sisa murah) ialah satu bidang yang boleh Malaysia kuasai untuk dieksport kepada pasaran baru muncul lain. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam harus dipinda untuk membenarkan semua perumahan mampan dan perumahan mesra alam diterima.

2.11 MENINGKATKAN SUMBER PERTUMBUHAN - KAJIAN KES KE ATAS PENGHAPUSAN HALANGAN DI SEKTOR TERPILIH

Walaupun NKEA meneliti tindakan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor secara perincian, laporan ini juga telah meneliti beberapa dasar untuk menghapuskan halangan dalam E&E dan sektor minyak sawit untuk menggalakkan pertumbuhan. Pertimbangan dasar-dasar ini dibentangkan dalam Lampiran A and B.

BAB

3

**MENINGKATKAN
INOVASI**

3 MENINGKATKAN INOVASI


3.1 MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK MELALUI INOVASI

Pertumbuhan ekonomi untuk memacu peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan pembangunan dan aplikasi teknologi baru. Ini perlu disokong oleh usaha untuk mewujudkan dan memperolehi produk serta proses yang inovatif, di samping mencipta dan menerima pakai kaedah pengurusan yang lebih efektif. Peralihan kepada rantai nilai yang lebih tinggi memerlukan proses perubahan ini, inovasi dan peningkatan produktiviti. Inisiatif Pembaharuan Strategik 6 (IPS6) dalam MBE menekankan pentingnya kesedaran oleh pembuat keputusan dalam sektor awam dan swasta mengenai perlunya pelaburan untuk inovasi sebagai pemangkin pertumbuhan dan daya saing.

Malaysia tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada syarikat multinasional (MNC) dalam usaha untuk memacu inovasi dan membantu Malaysia berintegrasi ke dalam rangkaian global untuk proses pengeluaran dan pasaran. Seperti yang dibincangkan di atas, integrasi ini bergantung kepada pengukuhan ekosistem keusahawanan di Malaysia serta usaha mempertingkatkan persekitaran yang memupuk inovasi.

Keusahawanan dan inovasi tidak akan muncul dengan sendiri, walaupun ia lebih mungkin akan menjelma dalam pasaran bebas yang kompetitif. Walaupun inovasi boleh menjana ganjaran yang lumayan, ia juga membawa bersamanya risiko. Kegagalan tidak seharusnya dihukum sehinggakan semangat keusahawanan terkekang. Selain itu, pelbagai mekansma pembiayaan juga sepatutnya disediakan. Kerajaan, dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, memainkan peranan utama dalam mewujudkan persekitaran dan ekosistem yang mampu memupuk inovasi (**Rajah 3.1**). Komitmen kerajaan yang kuat serta kesediaan untuk melaksanakan perubahan dan mengambil tindakan berani termasuk melaksanakan pembaharuan struktur yang mencabar, adalah prasyarat utama bagi memajukan sektor industri dan menggalakkan inovasi.

Rajah 3.1 – Ekosistem Inovasi



3.2 PERSEKITARAN UNTUK INOVASI

Sejak mencapai status negara berpendapatan sederhana dalam 1990-an, struktur ekonomi Malaysia tidak banyak berubah dengan kebergantungan besar kepada eksport sektor elektronik. Penggunaan sistem teknologi bertahap rendah ke sederhana oleh sektor ini tidak sangat menggalakkan inovasi. Walaupun dasar yang digariskan dalam beberapa inisiatif (contohnya, Pelan Induk Industri, RMK-8 dan RMK-9) membuktikan kesedaran tentang perlunya perubahan dan transformasi industri, kemajuan masih terhad berbanding dengan jumlah besar sumber kewangan telah dikeluarkan.

Tambahan pula, inisiatif ini sebahagian besarnya adalah untuk meningkatkan bahagian penawaran dalam sistem inovasi negara, iaitu melalui sokongan fiskal, insentif kewangan, pembangunan institusi, dan pembangunan infrastruktur yang telah mewujudkan taman teknologi, inkubator dan beberapa pusat teknologi khusus. Usaha ini tidak membuahkan hasil yang diharapkan, iaitu membangunkan keupayaan inovasi negara. Kajian semula usaha-usaha inovasi serta pendekatan yang lebih efektif amat diperlukan.

3.3 ISU DALAM INOVASI DAN PERUBAHAN TEKNOLOGI

Salah satu pemangkin utama bagi peralihan naik ke rantai nilai yang lebih tinggi adalah perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (P&P) oleh pihak sektor awam dan swasta. Perbelanjaan P&P menghasilkan penciptaan ilmu pengetahuan dan inovasi. Walau bagaimanapun, tahap keseluruhan P&P di Malaysia masih rendah berbanding dengan beberapa negara rujukan di rantau ini. Oleh sebab itu, pendaftaran paten di Malaysia juga rendah berbanding dengan negara-negara tersebut.

Walaupun perbelanjaan P&P biasa digunakan sebagai penunjuk daya saing negara di peringkat antarabangsa, beberapa perkara perlu wujud di pelbagai peringkat untuk perbelanjaan tersebut menghasilkan keputusan yang diinginkan. Pada tahap projek, walaupun dengan sokongan yang mencukupi dari segi institusi dan kewangan, penyelidikan yang dijalankan mestilah ke atas perkara yang mampu mencetuskan penyelidikan lanjut, menolak sempadan pengetahuan dan menjana potensi pengkomersialan. Pada tahap pertengahan pula, gabungan tepat dan bilangan kritikal untuk elemen seperti keusahawanan, modal, dan insentif perlu ada bagi memupuk usaha pembangunan produk dan proses sepanjang proses pengkomersialan. Pada hakikatnya, produk atau proses yang inovatif perlu menjana kegiatan bernilai tambah tinggi dan menyumbang dengan berkesan kepada peningkatan kecekapan, produktiviti faktor menyeluruh (TFP), dan pertumbuhan.

Satu lagi pra-syarat penting adalah negara mempunyai tenaga kerja yang terlatih dan berpendidikan, dan disokong oleh keupayaan mendapatkan tenaga kerja berpengetahuan dan berbakat di peringkat global. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, output pelajar sains dan kejuruteraan sebagai peratus kepada pendaftaran ijazah pertama dan pasca siswazah kian merosot di Malaysia. Dasar-dasar bagi menangani kelemahan-kelemahan ini terkandung dalam Program Transformasi Kerajaan (PTK) dan RMK-10.

3.4 HALANGAN

- Keutamaan bagi Teknologi Import. Firma dan sektor di Malaysia lebih mengutamakan teknologi yang diimport berbanding teknologi yang dicipta dalam negeri. MNC dalam Zon Perdagangan Bebas tidak begitu melabur dalam penyelidikan dan inovasi, dan sebaliknya

memilih untuk meningkatkan sedikit demi sedikit perubahan teknikal ke atas operasi pengeluaran bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Penyebaran dan pemindahan teknologi melalui perdagangan dalam industri dan aliran FDI adalah terhad..

- Keupayaan Inovasi Rendah di kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Walaupun terdapat beberapa contoh MNC bekerja sama dengan PKS untuk membantu mereka berinovasi, sebahagian besar PKS di Malaysia masih mempunyai keupayaan berinovasi yang rendah berikutan ekosistem MNC yang sangat bertumpu kepada rangkaian sub-kontraktor untuk pembekal peralatan kelengkapan asli (OEM). Oleh itu PKS tidak memiliki saiz dan skala untuk mengembangkan operasi mereka dan bersaing di peringkat serantau dan global. Keadaan ini seterusnya pula menghalang keupayaan mereka untuk memperkenalkan dan menguruskan kegiatan yang inovatif.
- Amalan Perolehan Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Kelemahan ini diburukkan lagi oleh amalan perolehan Kerajaan dan GLC yang tidak memberikan sokongan kepada PKS atau golongan baru usahawan-penyelidik yang menawarkan produk/proses inovatif.
- Ketiadaan Budaya dan Komuniti Inovasi. Budaya inovasi melibatkan masyarakat yang memperkenalkan insentif kewangan serta anugerah sosial yang menilai kreativiti dan kepelbagaian idea. Budaya ini dipupuk melalui kesedaran bahawa inovasi juga merupakan proses dengan rangkaian penawaran-penawaran yang memerlukan kerjasama antara banyak pihak. Di Malaysia, hubungan antara industri, akademik, dan para penyelidik adalah sangat lemah atau langsung tidak ada. Perkongsian pengetahuan dan kerjasama dalam projek inovasi adalah terhad. Permintaan industri untuk kakitangan P&P adalah rendah dan mobiliti antara industri, sektor awam, dan akademik juga rendah. Terdapat juga alir keluar bakat P&P ke negara jiran disebabkan oleh pakej upah tempatan yang kurang menarik, prospek kerja yang tidak memuaskan dan kekurangan peluang untuk membina reputasi profesional.

3.5 MENGATASI HALANGAN

Ekonomi berasaskan pengetahuan untuk masa depan berbeza dari ekonomi berasaskan modal masa lalu. Pengetahuan akan menjadi unsur teras kepada daya saing serta pemacu bagi pertumbuhan jangka panjang. Ekonomi berasaskan pengetahuan bergantung kepada kepantasan, fleksibiliti dan inovasi. Peranan Kerajaan adalah untuk menggalakkan inovasi melalui aturan tadbir urus yang baik yang dibangunkan dengan penglibatan yang lebih besar dari pihak berkepentingan dalam menentukan orientasi dan keutamaan dasar. Seperti dijelaskan di atas, sektor swasta harus dibenarkan untuk menerajui usaha ini. Dasar yang berkaitan dengan struktur industri, peningkatan, dan perluasan, serta pembangunan produk atau proses dan pengkhususan, harus berorientasikan pasaran. Pasaran akan menentukan kepesatan inovasi teknologi berdasarkan trend permintaan yang berterusan, baik dalam bidang tradisional mahupun bidang pertumbuhan baru. Pasaran akan memutuskan sama ada menggunakan produk atau proses inovatif ciptaan tempatan ataupun yang dibeli dari pasaran antarabangsa. Ini bergantung kepada infrastruktur fizikal dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang menggalakkan lokasi dan pembangunan platform pelaburan untuk pengetahuan dan inovasi, serta tenaga kerja terampil yang mencukupi.

Kerajaan harus berinteraksi dengan industri untuk membangunkan pemahaman bersama mengenai trend permintaan dan peluang global, keperluan teknologi yang berkaitan, keperluan pembiayaan, dan risiko pasaran. Kerajaan tidak selalu tahu yang terbaik.

Kebanyakan langkah dasar yang berkaitan dengan inovasi dan pengetahuan sebagaimana digariskan dalam IPS6 telah diterangkan dalam RMK-10 (Bab 3, halaman 80-88) dan akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Aktiviti Utama Ekonomi Negara (NKEA). Oleh kerana itu, laporan ini akan memberi tumpuan kepada beberapa langkah dasar terpilih sahaja (**Jadual 3.1**).

Jadual 3.1 - Ringkasan Langkah Dasar untuk Meningkatkan Inovasi

Dasar-Dasar untuk Mendorong Inovasi
<ul style="list-style-type: none">• Menggubal dasar perolehan Kerajaan dan GLC yang menyokong produk dan perkhidmatan tempatan yang inovatif• Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai pusat keunggulan untuk kerjasama P&P dengan sektor swasta• Konsolidasi dan penggabungan perusahaan negara untuk mewujudkan skala• Ekosistem inovasi terbuka - perkongsian pengetahuan antara syarikat, masyarakat, institusi penyelidikan dan universiti• Mejajarkan dasar sokongan inovasi untuk mendapatkan lebih nilai dari harta intelek (IP)

3.5.1 Langkah Dasar: Menggubal Dasar Perolehan Kerajaan dan GLC yang Menyokong Produk dan Perkhidmatan Tempatan yang Inovatif

RMK-10 sedar mengenai keperluan membangunkan dasar perolehan berdasarkan amalan terbaik awam-swasta untuk menyokong inovasi dalam sektor-sektor di mana Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif. Oleh kerana itu, MPEN mengesyorkan supaya amalan perolehan Kerajaan dan GLC yang berprasangka negatif terhadap idea yang dibangunkan dan berdaftar dalam negara. Usahawan tempatan yang menawarkan produk dan perkhidmatan inovatif seringkali menghadapi kesukaran untuk mengkomersialisasikan idea-idea mereka. Mereka tidak memiliki rekod prestasi untuk menyokong keberkesanan penciptaan mereka, di samping menghadapi kesukaran mengakses pembiayaan untuk ujian dan pemasaran produk mereka. Pengalaman antarabangsa menunjukkan bahawa usahawan yang berdaya saing lebih cepat mendapatkan akses kepada minat dan jualan sekiranya Kerajaan menyediakan saluran jualan awal untuk produk mereka. Dasar khusus untuk memberi insentif kepada GLC dan sektor swasta untuk membeli produk-produk dan perkhidmatan inovatif tempatan juga akan membolehkan pengusaha yang inovatif untuk membina kepercayaan pasaran dan membaiki lagi idea mereka dari maklum balas pembeli tempatan.

Satu lagi mekanisme berkaitan yang harus dilaksanakan adalah perolehan “Forward Commitment” (FCP) yang telah terbukti berkesan dalam mendorong inovasi (**Kotak 3.1**). FCP membolehkan usahawan inovatif untuk lebih memahami keperluan pelanggan. Ini juga memberi jaminan kepada usahawan bahawa terdapat permintaan awal untuk produk mereka, dan ini membantu untuk mendapatkan modal kerja bagi pembangunan produk atau perkhidmatan yang lebih lanjut.

Kotak 3.1 – ‘Forward Procurement’

Dibangunkan oleh Pasukan Penasihat Kerajaan UK bagi Persekitaran Inovasi (EIAG) Kerajaan Inggeris, FCP pada awalnya digunakan untuk membekalkan produk dan perkhidmatan persekitaran yang inovatif dan kos efektif kepada sektor awam, di samping membantu memupuk keadaan pasaran di mana barangan dan perkhidmatan tersebut dapat berkembang.

Mekanisma FCP melibatkan penyediaan makluman lanjut mengenai keperluan masa depan, dari segi hasil kepada pasaran dan penglibatan awal dengan bakal pembekal. Kerajaan biasanya menanda perjanjian untuk membeli produk atau perkhidmatan yang belum lagi ditawarkan, pada tarikh tertentu, di atas dasar bahawa produk atau perkhidmatan tersebut dapat disampaikan mengikut tahap prestasi dan kos yang disetujui.

3.5.2 Langkah Dasar: Memupuk Kerjasama P&P yang Lebih Baik dan Rapat di antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Sektor Swasta

Kerjasama produktif antara IPT dan sektor swasta akan memudahkan pengaliran pengetahuan dan menggalakkan pembangunan rangkaian bagi penciptaan, edaran, dan penyebaran pengetahuan. Tindakan akan merangkumi:

- Mengkaji semula dan mengubah dasar kerjasama IPT dengan sektor swasta dan menyokong kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa. RMK-10 (Bab 3, halaman 80-81) menggariskan beberapa inisiatif, tetapi perkara ini harus ditangani secara holistik dan sistematik dengan tujuan menginstitusikan kerjasama tersebut untuk mengelakkan usaha-usaha yang tidak dirancang dan terhad. KPI yang ditetapkan untuk IPT harus merangkumi usaha kerjasama di samping KPI tradisional yang tertumpu kepada jumlah penerbitan P&P. Pada masa yang sama, tekanan ke atas para penyelidik untuk menjalankan kerja bebas harus dikurangkan sebaliknya lebihkan kerjasama dengan pihak lain.
- Menggunakan Majlis Profesor Negara secara formal sebagai hab rangkaian rasmi untuk meningkatkan kerjasama antara institusi pelajaran tinggi, dan juga sebagai kaedah penyebaran pengalaman kerjasama dengan sektor swasta.
- Mencari, melalui kolaborasi yang ditingkatkan, keseimbangan dinamik antara sumber kewangan awam dan swasta yang ditujukan untuk P&P. Kerajaan harus memperkenalkan kriteria untuk anugerah pembiayaan yang menggalakkan kerjasama antara IPT dan industri.
- Mewujudkan program yang menggalakkan mobiliti kakitangan P&P antara IPT serta institusi-institusi penyelidikan awam dan swasta.
- Mengemaskinikan dasar kakitangan untuk membolehkan penyelidik IPT untuk tidak hanya bekerjasama dengan industri, tetapi juga untuk menyertai, dengan perlindungan yang setuju bersama, dalam perniagaan berkaitan dengan usaha mengkomersilkan kolaborasi P&P mereka.
- Membolehkan usahawan teknologi swasta mengakses IPT atau pusat P&P awam melalui pengurangan atau penghapusan halangan birokratik.

3.5.3 Langkah Dasar: Mengubah HiCoE (Pusat-pusat Kecemerlangan Diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi) yang Sedia Ada kepada Rangkaian Kecemerlangan Sepenuh Masa

Kerajaan harus memastikan bahawa penyelidikan asas dan berorientasikan misi disokong dalam bidang yang boleh mendapat keunggulan dan bilangan kritikal (critical mass). Usaha ini perlu juga menggunakan pembiayaan yang bersaing secara lebih berkesan untuk mengukuhkan penyelidikan awam mengikut keutamaan yang jelas termasuk penyelarasan dengan keutamaan MBE. Untuk tujuan ini, Kerajaan hendaklah:

- Melantik satu badan penilaian bebas untuk melaksanakan penarafan HiCoE dan pusat penyelidikan lain secara berkala (contohnya setiap dua tahun).
- Menggunakan penilaian daripada eksekutif penarafan untuk lebih memahami bagaimana sumber P&P digunakan, dan untuk menguruskan pembiayaan yang terhad dengan lebih baik. Keutamaan-keutamaan yang muncul kemudiannya boleh dipertimbangkan dengan mengubah peruntukan pembiayaan masa depan mengikut bidang penyelidikan dan pusat penyelidikan.
- Mengambil pemahaman yang jelas daripada penilaian tentang bidang penyelidikan dan inovasi di mana Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif. Oleh kerana tidak banyak negara mampu mencapai keunggulan di dalam setiap bidang, pemahaman ini akan membimbing masyarakat penyelidikan dan Kerajaan dalam usaha mempertimbangkan pembiayaan.
- Tentukan kekuatan relatif setiap pusat penyelidikan berdasarkan kriteria kedudukan yang diseragamkan. Kerajaan akan lebih mampu menentukan keperluan khusus setiap COE berdasarkan kedudukannya, termasuklah peruntukan pembiayaan dalam kawasan penyelidikan yang strategik atau prioriti.
- Menggunakan keputusan penilaian untuk pengurusan modal insan yang lebih baik dalam komuniti penyelidikan. Penilaian ini akan mengenal pasti jurang dalam kepakaran dan memudahkan proses pertimbangan kenaikan pangkat dan pelapis.
- Mengalakkan penggunaan proses penilaian sebagai mekanisme kawalan dalaman dan pematuhan tadbir urus di pusat penyelidikan, dari segi kegiatan yang dibiayai melalui dana awam. Ia akan menguatkuasakan sistem pengawalan dalaman untuk aktiviti penyelidikan.

3.5.4 Langkah Dasar: Mendapatkan Lebih Nilai daripada Pembangunan dan Pengurusan Harta Intelekt (IP)

Kerajaan dan sektor swasta mesti mengubah pendekatan daripada tumpuan pada “perlindungan dari IP” kepada tumpuan pada “eksploitasi muafakat IP”. Memupuk persekitaran seperti ini memerlukan:

- Mengkaji semula operasi MyIPO dibandingkan dengan piawai antarabangsa dan menyediakan sokongan untuk MyIPO supaya bukan sahaja memenuhi malah melebihi piawai antarabangsa yang bersesuaian demi penilaian dan perlindungan IP.

- Membiayai dan memperluaskan MyIPO untuk mewujudkan “IP Malaysia” dengan sokongan InovasiMalaysia yang ditubuhkan di bawah RMK-10. Fungsi utama “IP Malaysia” akan merangkumi:
 - Menyediakan penilaian dan pensijilan IP berkualiti (“IP pintar”) dengan tujuan mengurangkan jumlah IP remeh atau mengganggu. Menghentikan amalan penilaian pra-paten yang bersikap lembut.
 - Menggalakkan penggabungan IP untuk meningkatkan nilai pasaran atau teknikal.
 - Menyita IP yang dibiayai secara awam tetapi tidak digunakan untuk manfaat yang lebih luas, selepas 5 tahun IP tersebut tidak digunakan.
 - Bertindak sebagai gedung penjelasan untuk IP yatim - misalnya melalui lelong.
- Mewujudkan pertubuhan/persatuan profesional dengan fungsi kawalselia sendiri untuk meningkatkan taraf IP sebelum dibawa untuk pendaftaran paten.
- Mengurangkan penekanan kepada KPI universiti yang ditetapkan berdasarkan jumlah paten IP sahaja. Tumpuan haruslah diberikan kepada kualiti IP, bukan kuantitinya.

3.5.5 Langkah Dasar: Konsolidasi dan Penggabungan Perusahaan Nasional untuk Mewujudkan Skala

Konsolidasi dan penggabungan perusahaan nasional dan PKS akan memberi mereka skala untuk menyertai dan bersaing di pasaran global di samping membina juara dan jenama nasional (seperti yang dilakukan di sektor kewangan Malaysia dengan hasil yang amat memberangsangkan). Sehubungan ini, GLC harus memulakan usaha khusus berintensif pengetahuan termasuk pengembangan ke dalam pasaran baru. Sejumlah GLC sendiri mempunyai pusat-pusat P&P yang secara umumnya telah terpinggir, terutamanya pusat-pusat yang beroperasi dalam persekitaran pasaran terlindung. GLC yang terlibat dalam industri hiliran perladangan harus melabur dalam P&P berskala besar untuk menyokong pengeluaran produk baru dengan kerjasama rakan kongsi antarabangsa. KPI untuk GLC tidak sepatutnya menghalang pengambilan risiko atau usaha merintis strategi pertumbuhan inovatif baru. Oleh itu, GLC seharusnya tidak hanya tertumpu pada keuntungan jangka pendek. Tempoh KPI untuk GLC perlu dipanjangkan supaya GLC juga akan tertumpu kepada pembangunan pasaran melalui produk dan proses baru.

3.6 LANGKAH DASAR TAMBAHAN DAN PERTIMBANGAN

Langkah dasar tambahan berkaitan dengan inovasi yang dipertimbangkan dalam MBE dan dimasukkan ke dalam RMK-10 dibincangkan secara singkat di bawah:

- MBE mengesyorkan proses yang jelas dan telus bagi menentukan keutamaan galakan inovasi di dalam ekosistem inovasi. Kerajaan mesti meneruskan usaha menilai kesan daripada dasar, program, insentif, dan pembiayaan dalam mencapai hasil yang dikehendaki dari perubahan ekonomi melalui inovasi. Negara ini perlu menyeimbangkan antara kecenderungan kepada pendekatan yang dipacu teknologi dengan pendekatan yang kurang berisiko iaitu untuk inovasi yang dipacu pasaran.

Pembaharuan struktur institusi yang menyokong inovasi dan P&P telah diumumkan dalam RMK-10 (halaman 85), melalui penubuhan Majlis Inovasi Negara (NIC) yang diketuai oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan disokong oleh unit Inovasi Malaysia di pejabatnya. NIC mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menggalakkan inovasi. NIC perlu menekankan model tadbir urus ekonomi sesuai yang akan menyepadukan permintaan dan tawaran dalam transformasi sektoral, dengan tumpuan pada pendekatan yang berorientasikan hasil

- Di bawah naungan NIC, penjelasan dan perbezaan tanggungjawab fungsi antara agensi yang menggubal dan membuat keutamaan dengan agensi bertanggung jawab untuk pelaksanaan dasar dan program perlu jelas. Adalah penting bahawa pengurusan geran dan pembiayaan program untuk inovasi dilaksanakan oleh agensi.
- Sementara NIC akan menangani sokongan dana untuk inovasi, perhatian khusus harus ditumpukan kepada merasionalkan program pembiayaan dan sokongan yang kini di bawah beberapa agensi yang berbeza. Kerajaan telah sedar mengenai perlunya pendekatan bersepadu untuk menyokong inovasi di syarikat berasaskan pengetahuan. Pertindihan program harus dielakkan untuk menggalakkan bilangan kritikal dan prosedur yang memudahkan sektor awam menyokong inovasi. Pengalaman lepas telah membuktikan kesamaran dalam penggubalan dasar serta tanggungjawab yang bertindih di antara agensi kerajaan (MOSTI, MITI, dan agensi khusus berkaitan sains dan teknologi) menyebabkan program diberi kepada pihak yang mempunyai kepentingan sendiri, ketidakcekapan dan hasil yang lemah. NIC perlu berusaha untuk memaksimumkan manfaat dari pengantarabangsaaan P&P. Sejak kebelakangan ini, P&P diantarabangsakan dan kepentingan penglibatan dalam rangkaian penawaran global telah meningkat, seperti dibincangkan di atas. Syarikat utama di seluruh dunia sudah mula memindah proses kelas tinggi ke destinasi kos rendah, satu perkembangan yang dikenali sebagai proses penyumberan pengetahuan (KPO). KPO merangkumi bidang seperti P&P, pengurusan data, penyelidikan perniagaan, animasi dan reka bentuk, dan pembangunan kandungan sesawang. Dalam KPO, penekanannya adalah pada proses nilai tambah yang sangat kompleks dan memerlukan bakat profesional dengan latar belakang pendidikan. Kerajaan perlu membangunkan strategi untuk menarik peluang KPO ke Malaysia. Selain mewujudkan peluang perniagaan, kejayaan dalam membina KPO akan mengurangkan aliran keluar bakat ke negara lain dan menyumbang kepada penyebaran yang lebih berkesan untuk pengetahuan kepada syarikat-syarikat Malaysia.
- PKS mesti melalui transformasi pantas untuk menerajui pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Budaya sedia menerima risiko mesti dipupuk untuk menyokong pengkomersialan idea dan pewujudan perusahaan berasaskan teknologi. Oleh yang demikian, MPEN menggalakkan langkah-langkah berani dalam RMK-10 (halaman 82) untuk memudahkan undang-undang muflis yang menghalang pengambilan risiko dan mewujudkan stigma kegagalan yang tidak wajar.

BAB

4

TRANSFORMASI SEKTOR AWAM

4 TRANSFORMASI SEKTOR AWAM

4.1 KERAJAAN YANG CEKAP DAN FOKUS PELANGGAN

Asas utama kepada Model Baru Ekonomi (MBE) ialah sebuah sektor swasta yang cergas bagi memupuk semula pelaburan, mewujudkan perkerjaan nilai tinggi (*high value*), dan menempatkan Malaysia di pasaran global untuk memacu pertumbuhan pendapatan tinggi yang berkekalan. Walau bagaimanapun, akan menjadi sukar bagi firma swasta untuk keluar daripada belunggu semasa tanpa sokongan daripada sektor awam yang berprestasi tinggi. Sektor awam mesti menjalankan perubahan mendadak dan mempertingkatkan peranan pentingnya di dalam struktur ekonomi Malaysia. Komitmen kukuh Kerajaan dalam menghadapi cabaran ini dicerminkan di dalam Program Transformasi Kerajaan (PTK), RMK-10 dan strategi-strategi dasar yang digubal untuk mengukuhkan pelbagai institusi awam, proses, dan sistem. Pembaharuan ini melibatkan pembangunan kapasiti dan keupayaan sektor awam yang cekap dan fokus pelanggan.

Pembaharuan-pembaharuan yang kini sedang dijalankan bermula dari rekod yang kukuh dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar yang telah menyumbang kepada kemakmuran Malaysia. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan dasar yang terkandung di dalam PTK dan RMK-10 jelas menunjukkan bahawa struktur dan strategi sektor awam yang berjaya pada masa lalu tidak akan membawa ekonomi ke peringkat seterusnya. Walaupun terdapat usaha-usaha baru ke arah pembentukan kelompok kecemerlangan untuk membuat sektor awam lebih cekap, berhubungkait, dan responsif kepada keperluan rakyat, ketiadaan satu strategi yang komprehensif telah membuahkan hasil yang berbeza-beza, telah mengakibatkan rakyat mempunyai persepsi negatif ke atas kualiti perkhidmatan awam.

Satu pendekatan yang amat berbeza dan baru diperlukan untuk membaharui, membentuk dan membina semula struktur kerajaan dan prosedur pentadbiran agar menepati keperluan sebuah negara berpendapatan tinggi (**Jadual 4.1**). Pembaharuan ini memerlukan birokrasi kerajaan untuk menerima paradigma baru di dalam peranan kerajaan. Keberkesanan dan kerelevanan agensi-agensi pusat dan entiti-entiti kerajaan lain mesti dinilai semula secara kritikal untuk tujuan penyelarasan. Kewujudkan pelbagai institusi kerajaan yang telah menyebabkan pertindihan fungsi, duplikasi aktiviti, dan pelaksanaan dasar secara “*silo*” mesti dirasionalisasikan. Hubungan di antara, serta fungsi Kerajaan Pusat, Negeri, dan Kerajaan Tempatan mesti dikaji dan disusun semula untuk menjadikannya lebih responsif dan fokus kepada hasil. Agen perubahan peringkat institusi seperti Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) perlu menerajui proses ini bagi memastikan pembaharuan dilaksanakan dan rintangan dari pihak berkepentingan diatasi.

Pembaharuan sektor awam mesti mengandungi penambahbaikan di dalam sistem badan kehakiman. Rakyat dan keyakinan pelabur berkait rapat dengan tanggapan mereka ke atas kesesuaian dan ketelusan pentadbiran kehakiman dan kepatuhannya kepada “*precedence*” di peringkat antarabangsa. Kerajaan mesti menggalakkan amalan terbaik di dalam tadbir urus dan mekanisme-mekanisme untuk menyokong toleransi sifar ke atas rasuah yang melibatkan sektor awam dan sektor swasta.

Transformasi institusi sektor awam mesti mengambil kira realiti baru aliran pelaburan global, kewangan, teknologi, dan modal insan. Sektor awam mesti lebih berkebolehan untuk menyesuaikan diri dengan pandangan dunia baru dan bersedia untuk menyahut cabaran baru dalam menggalakkan daya saing Malaysia. Institusi serta dasar-dasar sektor awam mesti

bertindak balas terhadap cabaran baru dalam membina perniagaan domestik yang dinamik dan mengeksploitasi peluang di peringkat antarabangsa dan serantau. Visi di sini ialah untuk mewujudkan satu Kerajaan Tanpa Sempadan. Digandingkan dengan visi ini ialah satu peningkatan ekspektasi ke atas perkhidmatan kualiti yang tinggi dan penglibatan rakyat yang lebih besar dalam proses pengubalan perkhidmatan (*services design*).

Mewujudkan Kerajaan tanpa bersempadan (*seamless government*) adalah kritikal apabila rakyat menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti, mengakses, dan menggunakan perkhidmatan kerajaan. Rakyat sepatutnya menjadi rakan kongsi utama dalam memandu perubahan di dalam sektor awam. Pengisytiharan dan akses kepada data sektor awam akan memberi kesan pemeraksanaan kepada rakyat untuk turut serta dalam reka bentuk, kajian semula, dan pelaksanaan dasar.

Jadual 4.1 - Ringkasan Cadangan-Cadangan Dasar Untuk Transformasi Sektor Awam

Pembaharuan Birokrasi
<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuhkan peranan kerajaan sebagai pemudahcara • Selaraskan tanggungjawab dan bidang kuasa antara agensi pusat dan kementerian Perluaskan liputan keupayaan pelesenan secara elektronik ke semua kementerian dan agensi yang berkaitan contohnya Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan (<i>BLESS</i>) • Mewujudkan perkhidmatan yang berpusatkan rakyat • Memperluaskan penyampaian perkhidmatan awam oleh sektor swasta dengan membenarkan akses, secara kompetitif, kepada pembiayaan awam atau pendanaan awam(contohnya kesihatan, institusi pengajian tinggi, institusi-institusi sokongan teknologi, dan lain-lain) • Mempertingkatkan agensi-agensi sektor awam bagi mengerakkan pertumbuhan • Memperluaskan pembaharuan pentadbiran badan kehakiman ke semua peringkat dan ke seluruh negara
Meningkatkan Kualiti Sumber Manusia Di dalam Perkhidmatan Awam
<ul style="list-style-type: none"> • Membuat pembaharuan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) agar mengenalpasti dasar strategik sumber manusia dan proses-proses pengurusan di dalam sektor awam
Mengukuhkan Penggubalan Dasar Nasional Di dalam Tadbir urus Ekonomi
<ul style="list-style-type: none"> • Mengaktifkan semula Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (NDPC) sebagai badan utama untuk penggubalan, penyelarasan dan perundingan dasar
Disiplin Fiskal dan Pembaharuan
<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan sistem perakaunan akrual untuk sistem pengurusan fiskal berhemat • Melaksanakan sistem cukai yang cekap dan berasas luas • Mengukuhkan kawalan perbelanjaan • Perkenalkan pengurusan nilai dalam perancangan perbelanjaan mendapat "<i>nilai untuk wang</i>"

- Lanjutkan dasar perolehan telus dan prosedur-prosedur untuk mendapatkan harga lebih baik
- Perkenalkan Skim Pencen Yang Dibiayai
- Mempertingkatkan Institusi-institusi Dasar Fiskal dan Proses-proses
- Melaksanakan penggunaan baki bukan minyak untuk penggubalan dasar fiskal
- Menjalankan satu penilaian pematuhan kepada amalan antarabangsa fiskal di bawah program Kod dan Piawaian Laporan Pemerhatian (ROSC) bagi transparansi dan keberkesanan pelaksanaan fiskal yang lebih baik

Pembaharuan yang dicadangkan memerlukan sebuah Kerajaan yang bersifat keusahawanan yang dapat bersaing dan tidak ketinggalan dengan perubahan radikal yang berlaku di persekitaran global, serantau, dan domestik. Institusi sektor awam memainkan peranan penting dalam mewujudkan keupayaan bagi perubahan dinamik dan inovasi. Struktur, proses, peraturan dan aktiviti-aktivitinya mesti menjana pembelajaran berterusan dan pemikiran baru bagi menghadapi cabaran mengurus di dalam keadaan ketidakpastian. Dasar-dasar dan perkhidmatan harus digubal dan disampaikan dari perspektif rakyat. Pilihan yang lebih baik untuk rakyat adalah satu komponen penting dalam mewujudkan Kerajaan bersifat keusahawanan yang digambarkan oleh MBE.

Pengurusan kewangan awam yang baik adalah kritikal untuk mengekalkan faedah-feadah yang telah digambarkan di dalam MBE. RMK-10 yang baru dilancarkan menjangka usaha pengurangan defisit akan mengurangkan defisit Kerajaan Persekutuan sebanyak 2.8% daripada KDNK pada 2015. Langkah-langkah yang telah dirancang juga dijangka akan diteruskan di dalam RMK-11 dan mencapai satu kedudukan keseimbangan sebelum 2020. Langkah-langkah Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) mesti berasaskan usaha-usaha di atas. Meningkatkan kebijaksanaan fiskal (*fiscal prudence*) akan menyumbang kepada kestabilan ekonomi makro yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi yang berkekalan. Ia akan terus berdepan dan menghadapi hutang awam untuk melindungi prospek generasi akan datang. Ia akan juga membolehkan maklumbalas yang berkesan untuk krisis-krisis tidak diduga seperti yang berlaku ke atas sektor kewangan global baru-baru ini. Dengan itu, trajektori ke arah status pendapatan tinggi akan dilindungi dengan lebih baik.

4.2 PEMBAHARUAN BIROKRASI

Model ekonomi yang diterajui oleh Kerajaan pada masa lalu adalah bersifat pendekatan '*interventionist*'. Penubuhan industri-industri strategik, pemusatan pembuatan keputusan, dan pelbagai dasar tindakan afirmatif telah menyebabkan penglibatan kerajaan yang luas di dalam ekonomi. Walaupun menjana manfaat kepada ekonomi, ini juga mewujudkan ketidakcekapan pasaran dan ketidakselarasan dan telah menyebabkan dasar yang tidak fleksibel, menambah kos menjalankan perniagaan, dan peluang untuk kegiatan rasuah.

4.2.1 Langkah Dasar: Memperkukuhkan Peranan Kerajaan Sebagai Pemudahcara

Peranan Kerajaan seharusnya dikurangkan dan lebih sebagai pemudahcara. Pengurangan peranan kerajaan akan melibatkan pengecilan saiz dan pemfokusan semula. Tindakan-tindakan dalam pelaksanaan langkah-langkah tersebut akan merangkumi:

- i. Mengkaji semula program, projek, dan pertindihan aktiviti dan duplikasi di antara agensi pusat dan Kementerian.
- ii. Perkenalkan amalan terbaik untuk mengurangkan duplikasi dan beban kawalselia) yang berlebihan ke atas perniagaan dan warga korporat.
- iii. Manfaatkan ICT untuk proses pelesenan perniagaan yang lebih licin, peningkatan kecekapan, dan pengurangan rasuah. Ini akan memudahkan pewujudan Kerajaan Tanpa Sempadan melalui penambahbaikan ke atas platform kerajaan elektronik yang membolehkan permohonan melalui talian, pemprosesan serta pemantauan proses pembuatan keputusan secara masa riil melalui titik akses tunggal (*single access point*).

4.2.2 Langkah Dasar: Mewujudkan Perkhidmatan Yang Berpusatkan Rakyat

Dalam usaha Malaysia berusaha untuk mencapai status negara maju, ekspektasi rakyat akan bertambah untuk turut terlibat dalam penggubalan, pelaksanaan, dan penilaian dasar-dasar dan perundangan. Model penglibatan rakyat yang baru akan membenarkan rakyat, perniagaan, dan kumpulan komuniti, termasuk pemastautin dari negara asing untuk menjadi peserta aktif dan penyumbang kepada pembentukan, pelaksanaan, dan penilaian semula dasar.

Pewujudan kerajaan tanpa sempadan dan berhubungkait) dapat dibantu oleh platform kerajaan elektronik. Penggunaan titik akses elektronik tunggal, penjejakan masa riil (*real-time tracking*), dan pusat panggilan sokongan berkesan akan menjadikan perniagaan lebih telus dan mengurangkan kos perniagaan dan rasuah. Platform kerajaan elektronik seharusnya menerajui agenda untuk mewujudkan Kerajaan Tanpa Sempadan dan menggalakkan perkongsian idea di antara kerajaan dan rakyat.

Tindakan-tindakan spesifik yang membantu ke arah hasil tersebut ialah:

- i. Pewujudan Majlis Perundingan Rakyat di peringkat Kementerian dan Kerajaan Tempatan untuk membolehkan penyertaan rakyat dalam reka bentuk, pelaksanaan, dan kajian semula dasar.
- ii. Mewujudkan protokol perkongsian maklumat untuk memastikan rakyat mempunyai akses kepada maklumat bagi membolehkan penyertaan berkesan dalam pembentukan dasar.

4.2.3 Langkah Dasar: Memperluaskan Penyampaian Perkhidmatan Awam Oleh Sektor Swasta

Semakin masyarakat bertambah moden dan membangun, peranan, tanggungjawab, dan struktur kerajaan juga sepatutnya berkembang sejajar dengan perubahan tersebut. Rangka kerja peraturan dan perundangan mesti selari, dikaji semula secara berterusan untuk memastikan kesesuaian dan kerelevannya. Penilaian dari semasa ke semasa ini akan menilai keberkesanan kerajaan dalam melaksanakan peranannya secara berterusan. Paradigma kerajaan yang terus berkembang diperlukan. Masyarakat mempunyai jangkaan yang lebih besar untuk pilihan yang lebih baik dan banyak. Perkhidmatan sektor awam seperti pendidikan dan kesihatan mungkin akan, dengan lebih kerap lagi, disediakan oleh sektor swasta pada tahap kualiti yang lebih tinggi dan pada harga yang kompetitif. Institusi awam mungkin dihendaki untuk bersaing dengan para pembekal perkhidmatan awam dari sektor swasta untuk pelanggan yang dahulunya bersifat terbolot (*captive*). Ini akan meningkatkan kecekapan secara menyeluruh. Kerajaan mesti melaksanakan peranannya dalam memudahcara pilihan-pilihan tersebut.

4.2.4 Langkah Dasar: Mempertingkatkan Agensi-Agensi Sektor Awam Bagi Mengerakkan Pertumbuhan

Pembangunan sumber-sumber baru adalah berdasarkan kekuatan tradisional Malaysia di dalam industri seperti minyak sawit, pendidikan, pelancongan, makanan halal, perbankan Islam, dan lain-lain. Menarik pelaburan ke dalam sumber-sumber baru ini memerlukan pendekatan yang lebih tertumpu, pendekatan berdasarkan inter-agensi.

Langkah-langkah spesifik untuk menyokong para pelabur termasuk:

- i. Mewujudkan jaguh institusi yang baru contohnya di dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dan lain-lain untuk menerajui pasukan yang terdiri daripada pelbagai agensi / jawatankuasa yang berbentuk setempat bagi menggalakkan pelaburan dalam industri-industri baru tumbuh. Mengukuhkan pihak berkuasa pembangunan dan koridor yang terlibat di dalam kelompok dan sektor sebagai mekanisma penyelarasan pada peringkat tempatan dan serantau.
- ii. Memastikan MIDA yang distruktur semula dapat membangunkan keupayaan untuk menawarkan sokongan berbentuk dari awal hingga operasi (*point-to-point*) untuk para pelabur dalam industri-industri pertumbuhan baru dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Ini akan memerlukan bimbingan rapat "*hand-holding*" dari peringkat pra-penubuhan sehingga ke peringkat akhir operasi perniagaan.
- iii. Mengukuhkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang distruktur semula bagi meneraju peningkatan daya saing dan produktiviti dalam sektor swasta.

4.2.5 Langkah Dasar: Lanjutkan Pembaharuan Pentadbiran Badan Kehakiman

Ketiadaan pemodenan pentadbiran kehakiman yang berkesan akan menghindar ekonomi membangun secara mampan. Pada masa ekonomi sedang berkembang dan undang-undang tambahan digubal, pertikaian perniagaan (*business disputes*) akan meningkat. Pertikaian undang-undang akan menjadi lebih kompleks apabila ekonomi bertambah maju dan sofistikated. Keupayaan kehakiman Malaysia untuk mentadbirkan keadilan dengan cekap dan berkesan adalah kritikal untuk persekitaran yang menggalakkan serta meningkatkan keyakinan pelabur.

Rekod pentadbiran kehakiman tidak beberapa baik, berdasarkan kelewatan dalam perbicaraan kes mahkamah, kelewatan di dalam keputusan mahkamah, kos yang tinggi, dan sistem pengurusan mahkamah yang lapuk. Walaupun terdapat usaha untuk mengatasi masalah ini, masih terdapat kelemahan dari segi kurang penekanan yang ketara dalam usaha pemodenan semasa. Pembaharuan pentadbiran badan kehakiman harus dipercepatkan di semua peringkat.

Cadangan dasar untuk merangsang pembaharuan pentadbiran kehakiman meliputi:

- i. Mewujudkan sebuah pusat sumber pentadbiran kehakiman yang khusus.
- ii. Mewujudkan mahkamah-mahkamah khusus yang baru.
- iii. Meningkatkan prestasi dan keupayaan pemantauan.
- iv. Memperluaskan penggunaan teknologi dalam perbicaraan mahkamah dan aktiviti-aktiviti sokongan.
- v. Menaik taraf pengurusan sumber manusia.

4.3 MENINGKATKAN KUALITI SUMBER MANUSIA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Peningkatan kualiti sumber manusia perkhidmatan awam di peringkat pusat, negeri, dan kerajaan tempatan adalah penting bagi memastikan pembaharuan birokratik untuk membuahkan hasil. Perkhidmatan awam memainkan peranan kritikal dalam menyediakan dasar-dasar, menyampaikan perkhidmatan, dan menggubal undang-undang dan peraturan-peraturan yang memberi kesan kepada rakyat. Keberkesanan institusi-institusi sektor awam ditentukan secara khususnya oleh keupayaan, motivasi, dan integriti perkhidmatan awam serta kualiti kepimpinannya.

Di dalam era cabaran global dan domestik yang cepat berkembang, kerajaan mesti secara berterusan menilai kembali peranannya dan mengambil tindakan penyesuaian ke atas keupayaan perkhidmatan awam mereka. Kerajaan berdepan dengan isu pembangunan model yang responsif dan berhubungkait yang menekankan keterbukaan yang lebih luas serta perkongsian di antara masyarakat awam dan sektor swasta. Satu cabaran utama ialah untuk memberi penekanan semula kepada nilai-nilai tradisional perkhidmatan awam seperti berkecuali, integriti, dan dedikasi sambil mempromosikan inovasi di dalam pengurusan dan peningkatan kecekapan prestasi.

4.3.1 Langkah Dasar: Membuat Pembaharuan Di Dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Agar Mengenalpasti Dasar Strategik Sumber Manusia Dan Proses Pengurusan Di Dalam Sektor Awam

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di bawah Perlembagaan Persekutuan dipertanggungjawabkan dengan urusan pelantikan, pengesahan, kenaikan pangkat dan tata tertib kakitangan perkhidmatan awam. Walaubagaimanapun, keputusan-keputusan dasar yang lepas telah mengurangkan peranannya di dalam pengurusan sumber manusia strategik dan telah menghadkan fungsinya kepada hal-hal pentadbiran urusan pelantikan dan pengesahan kenaikan pangkat.

Akibatnya, SPA telah gagal untuk menjalankan tugas pentingnya di dalam membina satu perkhidmatan awam berprestasi tinggi yang cekap, berkesan dan ditanamkan dengan etos profesional. Perkhidmatan awam kini kurang menghargai dan memahami secukupnya bidang perniagaan, arah-aliran ekonomi, dan amalan terbaik peringkat antarabangsa di dalam pasaran yang semakin global.

Peranan SPA mesti dinilai semula bagi mengembalikan peranan dominan yang dimainkan dalam membentuk dasar-dasar sumber manusia strategik untuk memenuhi keperluan sebuah ekonomi yang dinamik. SPA perlu mewujudkan satu persekitaran dasar yang menghasilkan para pemimpin dan para pakar yang bersedia untuk memacu inovasi, memberikan nasihat secara jujur, dan mengubah sikap di dalam organisasi untuk memenuhi keperluan sebuah ekonomi di dalam peralihan dan rakyat yang semakin sofistikated. Untuk tujuan ini, ahli Suruhanjaya perlu terdiri daripada golongan profesional yang ternama dan dihormati, bervisi dari sektor awam dan sektor swasta, termasuk pakar-pakar sumber manusia yang terbaik.

SPA perlu memainkan peranannya secara proaktif untuk menarik bakat yang terbaik, mempromosikan nilai teras seperti komitmen, integriti, dan profesionalisme, dan membangunkan perkhidmatan awam berorientasikan merit. SPA yang baru mesti menanamkan etos prestasi yang lebih baik dan mengekalkan motivasi dan integriti di kalangan kakitangan sektor awam. Ia perlu menggalakkan mobiliti pekerjaan lebih baik di antara sektor awam dan sektor swasta di semua peringkat kerja, terutamanya pengurusan pertengahan dan pengurusan atasan, dengan membolehkan fleksibiliti

pelantikan dan kerjaya pembangunan, tanpa mengira peringkat kemasukan. Ini akan melibatkan pelaksanaan kelonggaran di dalam urusan pengambilan dan semakan semula pakej ganjaran, serta anjakan dari konsep pekerjaan sepanjang hayat. Matlamatnya adalah untuk menarik dan mengekalkan kompetensi di dalam perkhidmatan awam dan pada masa yang sama memelihara prestasi dan motivasi tinggi untuk jangka masa yang panjang. Cabaran dalaman dan luaran yang kompleks yang dihadapi oleh sektor awam menghendaki satu tindakan pantas agar suatu hubungan simbiotik terjalin antara sektor awam dan sektor swasta.

SPA yang telah dinilai semula bidang tugas dan kuasanya perlu menumpukan perhatiannya kepada isu-isu sumber manusia sektor awam dengan mentakrifkan, antara lain, dasar-dasar dan program-program untuk mencapai hasil berikut:

- i. Merombak semula dasar-dasar sumber manusia perkhidmatan awam untuk membenarkan pengambilan terbuka dan mobiliti sektor awam-sektor swasta pada peringkat pertengahan dan ke atas. Penstrukturan semula akan meluaskan lagi sumber kepimpinan dan bakat (*talent pool*) di dalam perkhidmatan awam.
- ii. Mengukuhkan keupayaan sumber manusia peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dengan menggunakan templat peringkat Persekutuan.
- iii. Meningkatkan fleksibiliti di dalam sistem kakitangan awam melalui kajian semula sistem pensen perkhidmatan awam, perpindahan ke skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), jawatan kontrak, dan mekanisme untuk penamatan perkhidmatan).
- iv. Meluaskan sumber bakat kepimpinan dalam perkhidmatan awam melalui sebuah sistem pengambilan terbuka untuk bakat terbaik dari sektor awam dan sektor swasta.
- v. Menjalankan penilaian dan kajian bebas ke atas amalan pengurusan sumber manusia dalam sektor awam bagi memastikan keberkesanan pelbagai program yang telah dilaksanakan.
- vi. Sektor awam perlu memperuntukkan sumbernya untuk menggalakkan pembangunan bidang penyelidikan yang khusus (i.e. ISIS, MIER, dan lain-lain) dan institusi-institusi latihan (INTAN, ILKAP, IDFR, dan lain-lain) dengan kerjasama dengan satu atau lebih institusi-institusi terkemuka dunia di dalam dasar awam dan pengurusan ekonomi. MPEN menyokong penubuhan Sekolah Kerajaan (*School of Government*). Adalah menjadi satu keperluan bagi institusi ini beroperasi atas asas akademik dan intelektual yang kukuh bagi membangunkan eksekutif kelas pertama dan program-program latihan pengurusan ekonomi.

4.4 MENGUKUKKAN PENGUBALAN DASAR NASIONAL DI DALAM TADBIR URUS EKONOMI

Kini terdapat sejumlah jawatankuasa yang mempertimbangkan dasar-dasar utama dan memantau pelaksanaan projek-projek kerajaan. Jawatankuasa-jawatankuasa ini ialah Majlis Ekonomi, Majlis Perancangan Negara, Majlis Tindakan Negara dan pelbagai lagi Jawatankuasa Kabinet. Fungsi dan interaksi di antara jawatankuasa-jawatankuasa ini melalui peredaran masa telah menjadi terlalu rumit dan menimbulkan persoalan tentang keberkaitan dan kecekapan dalam penilaian cadangan-cadangan dasar sebelum dikemukakan ke peringkat Kabinet.

4.4.1 Langkah Dasar: Mengaktifkan Semula Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (NDPC) Sebagai Badan Utama untuk Penggubalan, Penyelarasan dan Perundingan Dasar

Adalah amat perlu untuk melihat semula fungsi dan keberkesanan rangka kerja kajian semula ini dengan segera, bagi memastikan agar “*check and balance*” yang secukupnya wujud dan untuk mewujudkan pengintegrasian di dalam aktiviti perancangan dan pelaksanaan yang tulen di peringkat tertinggi kerajaan. Untuk tujuan ini, dicadangkan agar NDPC dihidupkan kembali untuk menyelaras dan mengkaji semula dasar dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi di peringkat pusat, negeri, dan kerajaan tempatan. Ini ialah sejajar dengan pendekatan “kerajaan yang menyeluruh” (*whole of government*).

NDPC melibatkan Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah pelbagai kementerian dan agensi. Oleh yang demikian, ia mempunyai keupayaan dari segi kepimpinan untuk memastikan penyelarasan dasar-dasar sebelum dikemukakan ke Kabinet untuk pembuatan keputusan muktamad. Matlamat asalnya ialah untuk memastikan kertas-kertas dasar utama dari kementerian / agensi dibentangkan di NDPC untuk perbincangan dan penilaian sebelum di peringkat Kabinet. Walau bagaimanapun, NDPC lebih digunakan sebagai satu mekanisme untuk proses perancangan pembangunan negara. Ia telah kehilangan fungsinya sebagai forum penyelarasan dan perundingan dasar antara agensi yang berkesan. Peranan penjawat kanan awam sebagai penasihat dasar telah pudar dan struktur insentif untuk mempertimbangkan sesuatu tindakan yang sukar juga telah berkurangan. Perbincangan mengenai kebaikan dan kelemahan dasar amatlah kurang. Analisis ke atas senario alternatif dasar atau pilihan dan faktor-faktor risiko-risiko juga terbatas. Akibatnya, insiden pembatalan dasar yang kerap dan hanya menyumbang kepada hakisan keyakinan dalam pengurusan kerajaan.

Untuk menjadi berkesan, “NDPC baru” perlu diaktifkan semula untuk menfokus kepada penggubalan dan pelaksanaan dasar, bukan secara eksklusif kepada proses perancangan pembangunan. Untuk memastikan keberkaitan yang lebih baik dalam pembentukan dan fasa pelaksanaan dasar-dasar nasional impak tinggi, jumlah jawatankuasa-jawatankuasa perlu dikaji semula dan dirasionalisasikan. Peranan baru dan fungsi-fungsi NDPC termasuk:

- Menyemak cadangan dasar dari pelbagai kementerian dan agensi-agensi untuk memastikan ia sejajar dengan strategi nasional menyeluruh, pertimbangan impak global dan akibatnya, analisis yang menyeluruh, dan perundingan menyeluruh merentasi pelbagai agensi kerajaan. Semasa pelaksanaan memastikan penyelarasan dasar-dasar antara peringkat berlainan kerajaan contohnya peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan
- Penelitian yang lebih intensif ke atas inisiatif dan dasar sektoral daripada pelbagai kementerian / agensi keputusan-keputusan dasar adalah berasas dan berdasarkan fakta penting dan pada masa yang sama mengambil kira kesan yang mungkin berlaku serta implikasi politik
- Memantau pelaksanaan dasar-dasar dan keputusan-keputusan kerajaan dan menyediakan maklumat berkaitan untuk rakyat yang sesuai
- Merekabentuk pelarasan dan intervensi tambahan yang diperlukan serta langkah-langkah untuk memastikan pelaksanaan dasar akan terus kekal ke arah mencapai keputusan-keputusan yang diinginkan.

4.5 DISIPLIN DAN PEMBAHARUAN FISKAL

Meningkatkan kecekapan sistem cukai bersama dengan keazaman tinggi untuk mengawal perbelanjaan akan membawa kepada kedudukan kewangan yang lebih baik pada masa akan datang. Langkah pengurusan cukai serta perbelanjaan yang komprehensif yang kelak akan meningkatkan kutipan cukai dan pada masa yang sama mengawal perbelanjaan sangat diperlukan. Pembaharuan fiskal harus ditumpukan kepada pewujudan sistem cukai yang cekap, mudah dan telus. Mengawal perbelanjaan harus fokus kepada perbelanjaan mengurus. Di samping itu, mengguna pakai sistem perakaunan akrual akan memudahkan pengurusan aset dan liabiliti yang juga membantu ke arah pengurusan fiskal yang komprehensif dan berhemat.

4.5.1 Langkah Dasar: Menerima Pakai Sistem Perakaunan Akrual untuk Pengurusan Fiskal Berhemat

Dengan hanya menggunakan sistem perakaunan berasaskan tunai, terdapat risiko yang timbul daripada kurang penelitian kepada pengurusan aset dan liabiliti. Di samping itu, liabiliti luar jangka telah berterusan meningkat dan dianggar berjumlah RM30 bilion. Walaupun kemungkinan liabiliti ini akan menjadi nyata adalah kecil, ianya perlu diurus dengan lebih baik dan telus.

Penganalisaan agregat fiskal perlu dibuat dari pelbagai sudut untuk memberi gambaran sebenar operasi kerajaan. Sistem perakaunan berdasarkan tunai hanya memberi gambaran mengenai aliran tunai dalam kedudukan kewangan kerajaan. Maklumat tambahan yang boleh didapati daripada sistem perakaunan akrual memberikan gambaran yang lebih meluas mengenai kemampuan kewangan awam. Perakaunan membenarkan penajaan penyata kewangan tambahan termasuk lembaran imbalan yang memaparkan aset dan liabiliti kerajaan. Apabila penyata perbelanjaan memaparkan kedudukan kewangan berikutan daripada kegiatan yang dijalankan oleh kerajaan dalam sesuatu tempoh, jumlah berbelanja mungkin memberikan gambaran yang tidak jelas kerana perbelanjaan yang berlebihan mungkin dibiayai oleh penjualan aset yang akan menjejaskan kemampuan fiskal dalam jangka panjang. Maklumat yang lebih terperinci daripada sistem perakaunan akrual memberi gambaran yang lebih lengkap mengenai transaksi kewangan kerajaan. Amalan baik antarabangsa memerlukan maklumat kewangan kerajaan diperluaskan meliputi penyata perakaunan akrual.

4.5.2 Langkah Dasar: Melaksana Sistem Cukai yang Cekap Berasas Luas

Sistem cukai yang optimum bercirikan kesaksamaan dan adil, cekap dan berkecuali, mudah, tetap, fleksible dan boleh menjana hasil secukupnya. Bukti menunjukkan sistem cukai Malaysia adalah jauh daripada unggul. Hanya 16% daripada syarikat yang berdaftar membayar cukai pada tahun 2007, mencerminkan pengecualian cukai yang keterlaluan. Keadaan yang sama juga dialami oleh cukai pendapatan di mana hanya 18% daripada pekerja membayar cukai kerana pendapatan bercukai sebahagian besar pekerja adalah di bawah had dikenakan cukai. Hasil cukai yang diperolehi pekerja yang membayar cukai adalah rendah kerana tahap upah tidak berubah sejak lima tahun kebelakangan. Hasil dari sumber bukan minyak berkurangan, mencerminkan asas yang sempit serta pengecualian cukai yang berlebihan.

Paling ketara, cukai dari sumber minyak berjumlah 37% daripada jumlah hasil pada tahun 2008. Sumber hasil ini tidak kekal kerana rizab minyak makin berkurangan, mendedahkan kewangan awam kepada risiko yang kian meningkat. Di samping itu, kebergantungan besar kepada hasil minyak mendedahkan perbelanjaan kerajaan Malaysia kepada turun naik harga

minyak, di rumitkan lagi oleh sistem subsidi harga petroleum yang tidak fleksibel. Keadaan ini menyumbang kepada amalan belanjawan yang kurang berhemat di mana perbelanjaan berdasarkan bukan kepada keperluan tetapi kepada jumlah hasil minyak. Ia juga bermakna limpahan hasil daripada minyak tidak di diketepikan untuk disimpan supaya boleh digunakan untuk perkara tidak diduga masa depan.

Beberapa pembaharuan cukai yang dicadangkan termasuk:

- i. Melaksanakan GST yang telah lama dipertimbangkan.
- ii. Mengurangkan beberapa insentif cukai syarikat dan menurunkan kadar cukai selaras dengan negara-negara jiran.
- iii. Menyusun semula cukai pendapatan individu supaya kurang regresif, menurunkan kadar cukai, dan menggabung kredit cukai pendapatan individu kepada beberapa kategori yang lebih kecil.
- iv. Meningkatkan pengurusan cukai dan kadar kepatuhan cukai.
- v. Mengasingkan semua hasil dari sumber minyak sebagai hasil khas dimasukkan ke dalam akaun/tabung khas. Pengeluaran daripada akaun/tabung ini hanya berdasarkan peraturan yang ditetapkan dan pada kadar yang mampan. Di samping itu, bermula dari RMK-11, sumber dari tabung ini tidak boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus. Mekanisma seperti ini akan menyumbang kepada disiplin fiskal.

4.5.3 Langkah Dasar: Meningkatkan Kawalan Perbelanjaan

Perbelanjaan Kerajaan Malaysia pada tahap 26% daripada KDNK tidaklah terlalu tinggi mengikut piawaian antarabangsa, berkedudukan 15 terke bawah daripada 54 negara yang disampel oleh *International Institute for Management Development (IMD)*. Walau bagaimanapun, perbelanjaan tersebut adalah lebih tinggi di antara negara-negara serantau (Korea -26%, Taiwan – 20.7%, Indonesia – 18.3%, dan Thailand – 17.7%). Keberkesanan perbelanjaan kita juga merosot. Jika dalam tempoh RMK-7, untuk menjana RM1 KDNK kerajaan berbelanja RM15.6 sen untuk perbelanjaan mengurus dan RM6.3 sen untuk perbelanjaan pembangunan, manakala dalam tempoh RMK-8, untuk menjana RM1 KDNK yang sama, Kerajaan berbelanja RM18.4 sen untuk perbelanjaan mengurus dan RM8.2 sen untuk perbelanjaan pembangunan. Perangkaan ini meningkat lagi masing-masing pada RM20.3 sen dan RM6.8 sen dalam tempoh dua tahun pertama RMK-9. Keadaan ini adalah membimbangkan kerana ia mencerminkan perbelanjaan semasa yang semakin menjadi perbelanjaan tetap.

Walaupun perbelanjaan mengurus boleh dipotong dalam jangka masa pendek, terdapat peluang yang lebih besar untuk mengurangkan dan mengagih semula perbelanjaan mengurus dalam jangka masa panjang. Dari segi strukturnya, perbelanjaan mengurus merangkumi emolumen (31.6%), bekalan dan perkhidmatan (22.1%), bayaran khidmat hutang (14.5%), pencen (8.1%), subsidi (7.7%), pemberian dan bayaran pindahan (3.9%). Komponen utama terbesar perbelanjaan mengurus ialah emolumen. Sektor awam Malaysia sangat besar. Satu lagi pemerhatian utama ialah sektor awam terlalu berat di bawah dengan 70% pekerja awam terdiri dari kumpulan sokongan iaitu kumpulan yang berkemahiran paling rendah. Jumlah ini meningkat kepada 79% bila di ambil kira hanya agensi pusat.

Cadangan langkah pembaharuan perbelanjaan termasuk:

- i. Memperkenalkan pengurusan nilai dalam perancangan perbelanjaan untuk memastikan kerajaan mendapat nilai dari wang yang dibelanjakan. UPE telah mengeluarkan garis panduan mengenai pengurusan nilai. Garis panduan ini perlu diperkuatkan lagi supaya agensi mengikutinya secara mandatori.
- ii. Mewujudkan dasar dan peraturan perolehan yang telus untuk menggalakkan persaingan harga yang lebih baik dan membantu mengawal perbelanjaan. Amalan semasa mengenai perolehan perlu dikaji semula. Lebih banyak tender perlu dibuat melalui proses tender terbuka. Penggunaan *e-bidding* secara meluas selaras dengan perkembangan elektronik dan internet juga akan membawa kepada sistem perolehan yang berkesan dan telus.
- iii. Menyesuaikan saiz sektor awam untuk mengurangkan perbelanjaan untuk emolument.
- iv. Memperbaharui sistem pencen sektor awam, untuk mengurangkan liabiliti luar jangka kerajaan. Khasnya kemasukan baru dalam perkhidmatan awam seharusnya dikehendaki menyertai skim pencen berbayar. Skim pencen tersebut perlu juga menangani isu berkaitan kemasukan ke dalam dan keluar daripada sektor awam secara fleksibel seperti yang dicadangkan dalam pembaharuan sektor awam.
- v. Mengkaji semula subsidi dan bayaran pindahan. Perkara ini sedang dilaksana tetapi perlu dipercepatkan.

4.5.4 Langkah Dasar: Menambah Baik Institusi dan Proses Dasar Fiskal

Dasar fiskal merupakan satu komponen utama dalam pengurusan ekonomi-makro negara. Sebagai sebuah negara pengeluar minyak, penggubalan dasar fiskal dan kedudukan kewangannya sangat mencabar. Dasar fiskal yang berdisiplin dan berhemat memerlukan alasan yang kukuh yang boleh diterima oleh semua yang berkepentingan. Setiap keputusan utama pada akhirnya akan mempunyai implikasi fiskal. Proses ini boleh dilaksana dengan berkesan jika institusi fiskal yang berkenaan memainkan peranan mereka secara berkesan. Bagi tujuan ini MPEN mencadangkan supaya institusi fiskal dikaji semula dengan tujuan untuk memperkukuhkan peranan dan fungsi mereka.

Penggunaan baki keseluruhan sebagai petunjuk kepada dasar fiskal negara tidak mencukupi. Ia memberi isyarat yang salah kepada penggubal dasar kerana saiz dan ketidaktentuan hasil minyak negara. Defisit keseluruhan Malaysia mungkin rendah, memberi gambaran yang kerajaan sedang mengukuhkan kedudukan kewangannya sedangkan sebenarnya mungkin terdapat risiko rangsangan fiskal dan pada masa yang sama terdapat kemungkinan pengurangan perbelanjaan yang drastik bila harga minyak merudum. MPEN mencadangkan supaya kerajaan mengguna pakai baki bukan minyak, bersama-sama dengan agregat bukan minyak lain, di samping agregat biasa dalam penggubalan dasar fiskal.

Satu lagi cadangan penting ialah kerajaan menjalani '*ROSC on fiscal Transparency*'. Ini adalah satu penilaian sejauh mana penggubalan dasar fiskal kerajaan dilihat dari segi ketelusan dan keberkesanannya berdasarkan piawaian amalan terbaik antarabangsa. Dalam jangka panjang, perkara-perkara yang perlu dilaksanakan termasuk menyediakan rangka kerja belanjawan jangka sederhana dan jangka panjang dan memperbaiki penyebaran maklumat mengenai kewangan awam.

BAB

5

**MEMPERHEBATKAN
PEMBANGUNAN
MODAL INSAN**

5 MEMPERHEBATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

5.1 TENAGA KERJA MAHIR DI DALAM PASARAN BURUH YANG RANCAK

Kualiti tenaga kerja di Malaysia semakin merosot. Kemasukan tenaga kerja baru ke dalam pasaran buruh tidak menepati kemahiran yang diperlukan oleh industri. Pelabur mengeluh bahawa pekerja baru kekurangan kapasiti menganalisis dan menyelesaikan masalah. Kelemahan penguasaan bahasa dan rangkaian sosial menghalang penggunaan teknologi terkini dan proses berpasukan moden untuk aktiviti-aktiviti tambah-nilai tinggi. Tanpa jumlah tenaga kerja berkemahiran yang besar, kita menghadapi risiko menjunam ke arah sebuah negara yang sederhana. Mengatasi kelemahan-kelemahan ini adalah cabaran jangka masa sederhana yang sudah dikenalpasti dan sedang dilaksanakan di bawah PTK dan RMK-10.

Teras utama ialah pembaharuan radikal sistem pendidikan yang sediada, dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke pengajian tinggi, dan memerlukan peningkatan di setiap peringkat. Kelemahan ini sudah dikenalpasti namun langkah-langkah yang telah diambil gagal untuk memberi hasil yang diidamkan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak semestinya tahu semua penyelesaian terbaik. Kita memerlukan program pembaharuan menyeluruh berbanding dengan tindakan-tindakan yang bertampalan dan tidak bersambung. Sistem pendidikan mesti bergerak melampaui “tahap bina negara” ke tahap menyediakan kemahiran untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Kerjasama rapat di antara semua pihak berkenaan contohnya kerajaan, industri, ahli akademik, ibubapa, dan NGO, mengambil dari pengalaman lepas dan antarabangsa adalah penting untuk mencapai hasil yang diinginkan.

Jadual 5.1 – Ringkasan Langkah Dasar bagi Memperhebatkan Pembangunan Modal Insan

Transformasi Tempat Kerja

- Menubuhkan kumpulan pakar untuk memodenkan dan menjajarkan perundangan dan peraturan buruh, dan selari dengan amalan terbaik antarabangsa, dengan dua objektif iaitu untuk mengurangkan kos perniagaan untuk pengurusan buruh dan meningkatkan keberkesanan perlindungan pekerja
- Menambahkan perlindungan pekerja melalui insurans pengangguran
- Menubuhkan Majlis Perundingan Upah Kebangsaan (NWCC)
- Memudah pelaksanaan Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS)
- Menimbang polisi upah minimum

Transformasi Tenaga Kerja

- Mengadakan ramalan pasaran buruh dan program soal selidik
- Menambah kemahiran dan meningkatkan tenaga kerja
 - Menetapkan strategi keseluruhan untuk meningkatkan tenaga kerja
 - Menyeragamkan pensijilan pekerja separa mahir
- Memanfaatkan bakat wanita untuk meningkatkan produktiviti

Walaupun MBE meletakkan keutamaan yang tinggi untuk meningkatkan tenaga kerja, ia juga meletakkan keutamaan yang sama kepada pembentukan tenaga kerja yang berinspirasi. Tempat kerja di Malaysia memerlukan transformasi yang mendalam untuk menyegarkan tingkah laku majikan dan pekerja untuk menerima teknologi baru dan proses yang inovatif. Ada kebenaran di dalam kata-kata "Kita adalah hasil persekitaran kita" (*We are a product of our environment*). Pelbagai polisi mesti diletakkan untuk mengalakkan semua pihak berkenaan untuk membina suasana tempat kerja yang sesuai. Banyak polisi untuk mengukuhkan pasaran buruh di Malaysia telah dicadangkan di dalam MBE, di bawah IPS2. Elemen-elemen di dalam RMK-10 dan PTK menangani isu-isu berkaitan pendidikan, bakat dan pekerja asing yang berkemahiran rendah. Laporan ini memberi fokus kepada beberapa tindakan utama yang penting untuk mengerakkan transformasi tenaga kerja dan tempat kerja secara mampan (**Jadual 5.1**).

5.2 TRANSFORMASI TEMPAT KERJA

Di tempat kerja, majikan didorong untuk memperolehi dan memiliki sebahagian pasaran untuk terus kekal. Ini dibandingkan dengan risiko kegagalan berikutan ketinggalan zaman, kehilangan reputasi dan kebangkrutan. Dinamik ini melibatkan pelbagai faktor termasuklah keseimbangan di antara strategi jangka pendek dan jangka panjang, kedudukan berterusan di dalam rantaian penawaran, dan tanggungjawab sosial korporat. Butiran terakhir ini semakin difahami sebagai merangkumi obligasi kepada pekerja, menuruti piawaian alam sekitar dan keselamatan, dan sumbangan kepada komuniti.

Atas perkara yang sama, pekerja didorong oleh pekerjaan yang memberi ganjaran yang baik dan keputusan berbanding dengan risiko pengangguran, termasuk tidak berprestasi atau kelakuan yang tidak bersesuaian. Mengambil kira perspektif kedua-dua majikan dan pekerja, struktur ganjaran mestilah dibentuk untuk mengiktiraf prestasi baik dan pencapaian kualiti piawaian yang tinggi. Pemikiran yang berlandaskan hak dan keselamatan pemegang pekerjaan (*security-of-tenure*) yang tidak fleksibel, menyebabkan rasa puas hati dan menghadkan upah, mestilah dielakkan. Di Malaysia, mekanisma penetapan upah tidak berfungsi baik, terbukti dengan upah rendah yang diperolehi oleh kebanyakan kategori pekerja.

Untuk tempat kerja berfungsi secara efektif, beberapa elemen penting mesti ada. Antara yang terpenting ialah undang-undang buruh yang bersesuaian, dan sistem serta amalan pengurusan sumber manusia yang moden. Yang lain termasuklah komitmen majikan dan pekerja untuk menambah nilai kepada produk dan perkhidmatan yang dihasilkan. Ia juga melibatkan komunikasi yang efektif dan telus di antara pekerja dan majikan, dan di antara mereka dengan kerajaan, kumpulan industri, kesatuan pekerja dan masyarakat sivil. Komitmen majikan ditunjukkan dengan pertimbangan pihak pengurusan mengenai kepentingan pekerja semasa menjalankan perniagaan. Komitmen pekerja ditunjukkan dengan meletakkan nilai di atas pekerjaan mereka, termasuklah mempercayai dan mendalami objektif organisasi.

5.2.1 Langkah Dasar: Membaharui Undang-Undang Buruh

Pindaan terbaru kepada perundangan buruh, termasuk yang dicadangkan di dalam RMK-10, adalah secaraberbahagi-bahagi MBE telah mencadangkan pembaharuan perundangan buruh yang strategik dan menyeluruh dengan tujuan mengurangkan kos perniagaan berkenaan pengurusan isu-isu berkaitan tenaga kerja sambil memastikan pekerja dilindungi dengan efektif (**Jadual 5.2**). Secara khususnya, kerangka undang-undang yang telah ditambahbaik yang baru ini mesti menangani perkara-perkara berikut:

- Kelonggaran penuh di dalam pengambilan dan pemecatan pekerja – perubahan mesti menghapuskan rintangan yang telah menghalang pelaburan, menyebabkan rasa puas hati di tempat kerja, dan mengelakkan peningkatan perlindungan pekerja.
- Proses penyelesaian konflik yang lebih pantas, konsisten dan cekap.
- Proses pengantaraan dan penimbang tara yang lebih efektif di mana rujukan ke Mahkamah Perusahaan adalah langkah penyelesaian terakhir dan bukannya terpilih.

Jadual 5.2 – Pemodenan dan Pengabungan Undang-Undang Buruh yang Menyeluruh

Situasi Sekarang	Cadangan Pendekatan
Pelbagai undang-undang, ada yang bermula pada 1940-an dan 1950-an dan sudah lapuk, bertindih dan bertentangan. Ini tidak sesuai untuk ekonomi yang moden, kemajuan yang akan dicapai, dan menyekat daya-saing global kita.	Mengabung dan mempermudah undang-undang buruh sediaada menjadi struktur yang sesuai kepada struktur pasaran buruh yang berkembang dan amalan-amalan di dalam suasana yang berasaskan pengetahuan dan perkhidmatan.
Peruntukan pemecatan pekerja yang terlalu ketat menyumbang kepada kos perniagaan yang lebih tinggi.	Prosedur pemecatan yang lebih fleksibel, diadaptasikan kepada, dan konsisten dengan, persekitaran tempat kerja yang pantas berubah. Memberi layanan yang adil kepada pekerja, tetapi tidak melindungi kerja-kerja yang sudah ketinggalan zaman.
Perlindungan pekerja yang berasaskan pada yang pembayaran pemecatan yang tidak dibiayai.	Insurans pengangguran yang dibiayai oleh majikan dan pekerja, termasuk peruntukan untuk latihan semula, pencarian-penempatan kerja dan perpindahan.
Proses penyelesaian pertikaian buruh yang sukar dan berpanjangan. Rangka-kerja pengantaraan dan penimbang tara yang kurang jelas.	Membentuk proses pengantaraan dan penimbang tara yang ada batasan masa (<i>time-bound</i>), telus dan mengikat, sebaik-baiknya bebas daripada agensi kerajaan.
Laluan yang terlalu mudah ke Mahkamah Perusahaan untuk menyelesaikan pertikaian. Mahkamah Perusahaan kurang maklum mengenai perubahan suasana pasaran buruh.	Laluan ke Mahkamah Perusahaan harus menjadi pilihan terakhir, dengan itu menyumbang kepada penyelesaian pertikaian yang lebih pantas dan pasti. Pihak-pihak berkaitan mesti peka dengan corak pekerjaan perniagaan yang berubah-ubah dengan pantas.
Liputan dan perlindungan pekerja yang kurang pasti dan lapuk, terutamanya mereka yang berada di dalam struktur/corak pasaran buruh yang berubah, contohnya kerja sambilan, bekerja di rumah, pekerja wanita, tempat kerja, dsb. Beberapa perubahan/peraturan diperkenalkan secara berbahagi-bahagi.	Pendekatan yang lebih menyeluruh dalam memperkenalkan perubahan undang-undang buruh berkaitan dengan persekitaran kerja yang berubah-ubah dan tenaga kerja generasi baru. Pematuhan yang lebih tinggi dengan amalan baik dan piawaian antarabangsa.

Pihak kerajaan perlu segera menubuhkan satu kumpulan pakar perundangan dan operasi yang dipertanggungjawabkan untuk memodenkan, menggabungkan, dan atau membatalkan undang-undang buruh Malaysia dan menerima amalan terbaik global. Tugas pakar-pakar berkenaan harus dibantu oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Suruhanjaya Pakar ini hendaklah ditubuhkan pada hujung tahun 2010 dan mengemukakan cadangan-cadangannya untuk dilaksanakan pada hujung tahun 2011.

5.2.2 Langkah Dasar: Mengukuhkan Program Sumber Manusia Strategik

Pengalaman antarabangsa dan syarikat MNC yang beroperasi di Malaysia telah menunjukkan korelasi yang kukuh di antara kualiti pengurusan sumber manusia, hubungan buruh yang stabil, dan prestasi korporat secara keseluruhan. Penggunaan amalan sumber manusia yang progresif dan moden adalah kunci kejayaan untuk firma menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkualiti dan produktif. Insentif harus diberikan kepada firma untuk mengadaptasikan amalan sumber manusia yang spesifik, konsisten dengan piawai antarabangsa. Ciri-ciri spesifik insentif ini (contohnya kredit cukai atau perbelanjaan boleh-hapus (*write-offs*)) dan terutamanya amalan sumber manusia yang layak digunakan hendaklah ditentukan oleh kerajaan, industri, kesatuan pekerja dan masyarakat awam.

Di Malaysia, kira-kira 60% tenaga kerja di sektor swasta adalah di dalam PKS, di mana firma yang lebih kecil akan menghadapi cabaran berat untuk menggunakan amalan sumber manusia yang diperlukan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti. Untuk mengatasi isu ini, MPEN mencadangkan penubuhan Pusat Sumber Manusia Kebangsaan untuk menyediakan sokongan sumber manusia strategik kepada PKS berkenaan.

Pusat-pusat ini akan menyediakan kedua-dua sokongan sumber manusia strategik dan operasi kepada PKS. Perniagaan kecil harus diberikan insentif untuk melanggan perkhidmatan tersebut. Pusat-pusat ini akan memainkan peranan sebagai jabatan sumber manusia yang efektif dengan fokus yang lebih kepada proses-proses strategik dan pengurusan perubahan (*change management*). Mereka harus menggunakan pendekatan menyeluruh berdasarkan Sistem Pembangunan Modal Insan Menyeluruh (*THCDS*) yang merangkumi antara lain:

- Pengambilan & Asimilasi
- Penilaian Prestasi & Pembangunan
- Latihan & Pendidikan
- Pampasan (termasuk Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS))
- Struktur Kemahiran & Pelan Penggantian
- Dasar-dasar Sokongan (termasuk tempat kerja fleksibel & persekitaran kerja)

Pada peringkat awal, pusat-pusat ini boleh ditubuhkan dan diuruskan secara kerjasama dengan organisasi-organisasi berikut:

- MNC/ GLC/ Persatuan PKS/ Kesatuan Pekerja/ Lain-lain kumpulan pekerja
- MPC/ HRDF/ KSM

Satu pasukan kepimpinan sumber manusia yang mantap perlu diwujudkan untuk menerajui dan menguruskan penubuhan pusat-pusat berkenaan dari permulaan hinggalah ke penawaran

perkhidmatan sepenuhnya. Petugas untuk menguruskan pusat-pusat ini boleh datang dari organisasi tersebut di atas secara pertukaran sementara, dan juga dari penyedia khidmat sumber manusia sediaada. Perbadanan Bakat (*Talent Corporation*) yang dicadangkan di bawah RMK-10 boleh menyelia pengurusan pusat-pusat ini.

Untuk merangsang IKS menggunakan perkhidmatan pusat-pusat tersebut, insentif cukai selama 3-5 tahun boleh dipertimbangkan. Pada masa sama, perlu juga ada anti-ransangan ke atas IKS yang tidak menggunakan amalan sumber manusia berkenaan di dalam bentuk levi pekerja.

Sistem penarafan sebagai Majikan Bertanggungjawab (*Responsible Employer*) boleh ditubuhkan oleh industri sebagai ransangan kepada majikan untuk menggunakan *THCDS*. Insentif cukai tambahan boleh diberikan melalui pengambilan semula daripada sumbangan HRDF dan SOCSO.

5.2.3 Langkah Dasar: Menubuhkan Majlis Konsultasi Upah Kebangsaan (NWCC)

Satu kekurangan besar dalam menganalisa prestasi pasaran buruh ialah ketiadaan maklumat sesuai berkaitan semua aspek pasaran buruh. Maklumat kritikal dan semasa mengenai trend di dalam perkembangan upah dan produktiviti samada tiada ataupun kurang dianalisa. Maklumat sediaada yang merata-rata menunjukkan upah tidak berkembang di dalam hampir semua segmen ekonomi, kemungkinan melainkan sektor kewangan dan lain-lain profesyen berkemahiran tinggi. Pertumbuhan produktiviti secara keseluruhan menunjukkan trend menurun dan di sektor perkhidmatan mungkin telah menjadi negatif. Faedah daripada peningkatan produktiviti kelihatan lebih banyak menjurus kepada pemegang modal dan pekerja hanya menerima bahagian yang kecil sahaja.

Majlis Konsultasi Upah Kebangsaan (NWCC) harus ditubuhkan segera. Kumpulan majikan, kesatuan pekerja, kumpulan pekerja tiada berpersatuan, kerajaan, ahli akademik, dan NGO yang berminat harus diwakili di dalam majlis ini. NWCC akan mempunyai kuasa dan kapasiti untuk memanggil agensi-agensi antarabangsa dan serantau, agensi kerajaan dua-hala, dan lain-lain kumpulan untuk membantu di dalam projek spesifik berkenaan mekanisma perkembangan dan penetapan upah. Majlis ini ditugaskan untuk mengumpul data komprehensif berkenaan upah pakej pampasan dan produktiviti buruh dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia. Ia akan menganalisa data bersama MPC dalam aspek produktiviti pasaran buruh. Analisis ini akan membantu majikan dan pekerja apabila merundingkan perjanjian upah. NWCC akan, melalui penerbitan berkala, menyebarkan maklumat dan analisis ini.

Majikan dan pekerja akan dikehendaki merujuk kepada maklumat yang dibekalkan oleh NWCC apabila merundingkan perjanjian upah dan pampasan Pertalian kepada Indeks Harga Pengguna (CPI) tidak harus menjadi satu-satunya indikator untuk menilai samada perjanjian upah memuaskan.

5.2.4 Langkah Dasar: Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS)

MBE mendukung bahawa upah harus ditentukan oleh daya tenaga pasaran. Mekanisma upah minimum perlu dipertimbangkan di mana ada kegagalan yang jelas di dalam segmen-segmen pasaran ataupun sistem penetapan upah yang tidak berfungsi. Penjelasan terkini mengenai tiada pertumbuhan upah selalu bertumpu kepada pertalian rapat dengan Indeks Harga Pengguna (CPI) (*'precedence'* ditetapkan oleh kes mahkamah pada 1982), yang sepatutnya berdasarkan produktiviti ataupun prestasi syarikat.

Amalan-amalan global bergerak ke arah mengaitkan upah dengan produktiviti dan prestasi syarikat/pekerja. Malaysia perlu melakukan perkara yang sama untuk terlibat di dalam rantaian penawaran global, mengekalkan dan menarik tenaga kerja yang berproduktif tinggi. Adalah jelas bahawa peningkatan upah tidak boleh melebihi peningkatan produktiviti pekerja. Selari dengan NWCC yang efektif, kerajaan wajar menggalakkan dan memberi insentif untuk penggunaan Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS). Sistem ini harus diterajui oleh MPC bersama majikan dan pertubuhan pekerja untuk mendefinisikan butiran operasi.

Pelbagai cabaran akan wujud berdasarkan pelbagai kepentingan pihak-pihak berkaitan. Satu halangan besar ialah data yang berkualiti, dipercayai dan terperinci mengenai upah dan produktiviti. Tugas NWCC akan banyak menyumbang untuk mengatasi halangan ini. Proses pengantaraan, penimbang tara dan kehakiman yang diubah-suai untuk menyelesaikan konflik upah mesti memberi keutamaan setimpal kepada PLWS apabila menangani pertikaian.

5.2.5 Langkah Dasar: Menimbang Polisi Upah Minimum

Seperti dinyatakan di atas, MPEN menyokong pelaksanaan PLWS. Walau bagaimanapun, MPEN memahami bahawa disfungsi di dalam mekanisma penetapan upah sekarang menekan upah ke paras rendah yang tidak boleh diterimapakai. Selaras dengan objektif keterangkuman MBE, pelaksanaan polisi upah minimum harus dipertimbangkan.

Satu kajian yang diadakan oleh KSM menunjukkan hampir 34% pekerja di Malaysia berpendapatan kurang daripada RM700 sebulan. Ini relatif kepada garis kemiskinan isirumah terkini yang ditetapkan pada RM720 sebulan. Data terakhir daripada RMK-8 melaporkan bahawa upah meningkat secara purata 6.8% setahun untuk tempoh 1995-2000, manakala produktiviti pekerja meningkat secara purata 10.4% setahun dalam tempoh yang sama. Kajian Bank Dunia menunjukkan trend upah di Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 2.6% sahaja sepanjang 10 tahun lalu.

Walaupun bagaimanapun, rekabentuk polisi upah minimum mestilah adil, tidak harus merosakkan pasaran buruh, dan mestilah tidak menjejaskan pengwujudan pekerjaan, terutamanya untuk pekerja muda, wanita dan mereka dengan keperluan istimewa contohnya komuniti OKU. Paras upah minimum harus ditetapkan melalui proses yang rasional dan objektif, tanpa pertimbangan politik. NWCC perlu meneliti isu-isu upah minimum dan pengalaman negara-negara yang menghadapi situasi yang serupa untuk mengenalpasti dan mencadangkan pelbagai pilihan, contohnya pilihan di antara satu upah minimum kebangsaan, atau pelbagai paras berdasarkan kriteria yang dipersetujui.

5.2.6 Langkah Dasar: Menambah Perlindungan Pekerja dengan Memperkenalkan Insurans Pengangguran

MBE mencadangkan agar undang-undang buruh yang lapuk diperbaharui. Walaupun bagaimanapun, MPEN juga sedia maklum bahawa reformasi buruh mesti diiringi dengan mekanisma perlindungan yang lebih baik. Sistem perlindungan sosial di Malaysia masih berkembang, sepertimana banyak negara Asia. Jurang dan ketidakcekapan masih ada di dalam mekanisma perlindungan, terutamanya perlindungan pekerja. Transformasi ekonomi di bawah MBE dijangka menyebabkan pengangguran sementara, di mana perlindungan pekerja yang lebih baik diperlukan untuk membantu mengurangkan beban transisi pekerja.

Jaringan perlindungan pekerja yang berfungsi dan efektif membentuk bahagian yang penting di dalam MBE dan menyumbang ke arah objektif pendapatan tinggi dan keterangkuman. Objektif utama jaringan perlindungan ialah untuk mengurangkan kos penyesuaian kepada penerima-penerima tanpa menghalang keperluan pembaharuan, iaitu membenarkan langkah-langkah tegas diambil dari mula tanpa difasakan, yang boleh mengurangkan impaknya. Tekanan ke atas jaringan perlindungan pasaran buruh boleh dikurangkan dengan pasaran buruh yang efektif dan cekap. Ini membenarkan pekerja untuk mencari pekerjaan baru yang menepati kemahiran mereka, yang mana akan merendahkan kos kepada firma dan impak negatif ke atas pekerja. Pengurusan jaringan perlindungan mesti menangani isu-isu berkenaan keupayaan, takat dan tempoh faedah-faedah berkenaan, dan obligasi-obligasi penerimanya. Isu-isu pembiayaan juga perlulah dipertimbangkan. Ketika pengwujudan jaringan perlindungan yang ditingkatkan, mungkin perlu disediakan perlindungan-perlindungan sementara.

Sistem perlindungan sediaada menfokus kepada faedah-faedah pemecatan untuk pekerja yang dibuang kerja kerana situasi ekonomi. Pelbagai masalah dihadapi oleh sistem ini. Perniagaan telah ditutup tanpa memenuhi obligasi-obligasi pemecatan kerja. Atau di dalam kes kebangkrutan, tuntutan faedah pemecatan (selain daripada upah belum dibayar) berada di tempat hujung untuk menerima hasil penjualan asset firma yang gagal.

Jaringan perlindungan pekerja yang berpatutan akan meliputi skim insurans pengganguran yang disokong oleh program peningkatan kemahiran dan latihan semula, dan perkhidmatan pekerjaan yang ditingkatkan. Insurans pengganguran akan meringankan pengantungan kepada faedah-faedah pemecatan untuk mengisi kehilangan pendapatan disebabkan oleh ketiadaan pekerjaan. Insurans pengganguran membenarkan risiko daripada pasaran kerja dikumpulkan dan memberi pembayaran apabila perlu, sama seperti model insurans. Ianya haruslah mudah untuk mengurangkan kos pentadbiran. Pembayaran faedah harus dihadkan tempohnya untuk menjaga integriti kewangan tabung tersebut. Pembayaran patut mengganti hanya sebahagian daripada pendapatan untuk memaksa penerimanya untuk mencari kerja lain secara aktif. Ini akan mengurangkan risiko pengganguran berpanjangan. Pekerja-pekerja yang dibuang mesti juga melibatkan diri di dalam program peningkatan kemahiran dan latihan semula untuk terus menerima faedah insurans pengganguran. Kemudahan latihan mesti ditubuhkan untuk tujuan ini.

Akhirnya, jaringan perlindungan pekerja harus menyediakan elaun perpindahan, merangkumi kos-kos perpindahan dan pengangkutan, bantuan pencarian tempat tinggal, dan keperluan utama keluarga, contohnya sekolah. Pekerja yang dibuang kerja mesti bersedia berpindah ke lokasi pekerjaan yang sesuai untuk menerima faedah berterusan insurans pengganguran.

Amalan terbaik untuk membiayai insurans pengganguran adalah menerusi levi ke atas majikan dan pekerja. Ini akan menambah kos menjalankan perniagaan, tetapi diterima sebagai kos perniagaan yang biasa di seluruh dunia. Untuk majikan ianya boleh dilihat sebagai sebahagian daripada obligasi tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Mekanismas untuk perkhidmatan pencarian dan penempatan kerja efektif mesti diperbaiki dan ditujukan kepada pekerja yang dibuang kerja. Ini memerlukan penggabungan agensi bantuan pencarian perkerjaan awam sediaada kepada satu rangkaian nasional yang berlandaskan teknologi internet. Perlindungan boleh dikembangkan untuk meliputi rangkaian pencarian pekerjaan swasta. Program perintis boleh diwujudkan untuk rangkaian pencarian kerja untuk pekerja berkemahiran tinggi dan profesional. Faedah sampingan rangkaian pencarian berlandaskan

internet ialah pengumpulan data untuk menilai permintaan yang berubah-ubah. Data ini boleh digunakan untuk merancang program-program pendidikan, vokasional, latihan/ latihan semula. Sistemnya juga boleh digunakan untuk menembusi rangkaian bakat global untuk memenuhi sebarang jurang.

5.3 MEMPERHEBATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN TRANSFORMASI TENAGA KERJA

Kedua-dua kualiti dan struktur tenaga kerja memerlukan transformasi. Keperluan untuk penghasilan tenaga kerja berkualiti sememangnya diiktiraf di dalam banyak inisiatif kerajaan yang sedang dilaksanakan. PTK dan RMK-10 mengandungi cadangan-cadangan yang ditujukan untuk mentransformasikan pendidikan secara efektif bagi memenuhi keperluan tenaga manusia akan datang di bawah ekonomi berpendapatan tinggi. PTK menyebut mengenai pembaikan hasil pelajar (lihat PTK, Bab 8, halaman 149-166) melalui langkah-langkah seperti meningkatkan kemasukan pra-sekolah, menjana guru cemerlang, dan menggunakan sekolah prestasi tinggi untuk mengangkat kecekapan sekolah secara keseluruhannya. RMK-10 (Bab 5, halaman 196-228) mengandungi langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan pelajar melalui penggunaan kurikulum moden yang menitikberatkan kreativiti dan inovasi. Motivasi dan kelayakan guru akan ditingkatkan melalui latihan Sistem Terbuka. Perhatian yang lebih akan diberikan kepada kerjasama awam-swasta untuk membangunkan pra-sekolah dan Sekolah Amanah (*Trust Schools*). Melalui projek-projek spesifik, inisiatif pendidikan NKEA akan mendorong pelaburan dan kerjasama swasta di dalam perkhidmatan pendidikan sebagai satu sektor baru yang berpotensi untuk berkembang.

Tambahan lagi, RMK-10 (Bab 5, halaman 236-241) menyebut beberapa langkah dasar untuk menarik dan menyimpan bakat, yang akan diterajui oleh Perbadanan Bakat (TC). Komponen utama mandat TC haruslah menjurus ke arah penyatuan pelbagai mekanisme untuk menarik dan menyimpan bakat berkemahiran tinggi, dan menyelesaikan isu-isu berkenaan maklumat permintaan bakat. Program gerak kerja TC perlu diformulasikan segera dan rintangan untuk menarik dan menyimpan bakat perlu segera dihapuskan. Secara khusus, tata-syarat imigresen yang membebankan untuk profesional perlu dihapuskan dan tata syarat tempat tinggal dan permit kerja untuk ahli keluarga harus diberi lebih kelonggaran. TC juga harus bekerjasama dengan pihak berkenaan ke arah meliberalisasikan perkhidmatan profesional untuk membina persekitaran yang akan memastikan tahap upah yang berpadanan dan setanding.

Untuk menguruskan pekerja asing yang tiada kemahiran, pihak Kerajaan akan menggunakan beberapa langkah (RMK-10, Bab 5, halaman 231: Cadangan daripada Makmal untuk Pekerja Asing) untuk keluar daripada industri pekerja berkos rendah. Memenuhi amalan terbaik Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)/ Pejabat Migrasi Antarabangsa (IMO) untuk perlakuan buruh hijrah (*migrant labour*) adalah penting untuk menghapuskan reputasi Malaysia mencabul peraturan terhadap pemerdagangan manusia. Industri harus mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai keperluan pekerja asing dan lebih penting, keutamaan yang lebih untuk ketelusan pengurusan bekalan pekerja asing. Jumlah agensi kontrak pekerja asing mesti dirasionalisasikan. Agensi-agensi dan majikan yang mencabul hak-hak pekerja mesti dihukum segera dan sekerasnya. Di dalam kes buruh hijrah yang tiada dokumen, fokus penguatkuasaan harus sama berat kepada majikan dan juga pekerja. Mengambil kira perbezaan sektor, langkah-langkah untuk menguruskan pekerja asing harus merangkumi sistem levi yang mudah dan pengetatan berperingkat di atas jumlah pekerja asing tiada kemahiran yang dibenarkan.

Untuk Malaysia meningkat kepada aktiviti-aktiviti industri bernilai-tambah tinggi, kapasiti pengurusan teknikal peringkat tengah perlu ditingkatkan secara besaran. Kapasiti pengurusan teknikal peringkat tengah yang lebih tinggi akan membantu langkah-langkah perkembangan inovasi seperti dibincangkan di Bab 3. Graduan-graduan universiti yang menjurus ke arah pengurusan teknikal peringkat tengah mesti berpengetahuan di dalam semua ke-9 tahap kesediaan teknikal dari rekabentuk produk, hingga pengujian ke pemasaran. Program-program latihan perlulah spesifik kepada sektor tertentu. Input daripada industri, dan latihan yang diberikan bukan oleh ahli akademik tetapi oleh pakar-pakar dan pengamal dari industri, adalah amat penting. Latihan teknikal khusus untuk industri elektrik dan elektronik oleh '*Penang Skills Development Centre*' yang dibiayai oleh pihak swasta boleh ditiru dan dibina di seluruh Malaysia.

MPEN menyokong dasar-dasar kerajaan di dalam RMK-10 yang bertujuan untuk meningkatkan kadar penglibatan tenaga buruh bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Pembaharuan perundangan harus mengurangkan rintangan penglibatan wanita di dalam tenaga kerja, pada masa sama menyediakan perlindungan yang sepatutnya. Dasar yang kondusif perlu dibina secara kerjasama dengan pekerja untuk menangani, antara lain, keperluan penjagaan kanak-kanak.

Umumnya, MPEN bersetuju bahawa inisiatif-inisiatif semasa kerajaan untuk memperbaiki pendidikan menuju ke arah yang betul dan harus dilaksanakan secara konsisten. Walaubagaimanapun, tambahan kepada fokus PTK untuk sekolah-sekolah berprestasi tinggi, dasar teras harus juga menangani sekolah-sekolah yang berprestasi rendah, terutamanya di kawasan miskin ataupun pedalaman. Sumber dan usaha yang lebih mesti ditumpukan untuk memastikan faedah-faedah perkhidmatan pendidikan (termasuk perkhidmatan perubatan dan sosial) sampai kepada segmen-segmen yang miskin dan lokasi-lokasi terpencil. Kemudahan sekolah di kawasan pedalaman harus ditingkatkan setaraf dengan sekolah-sekolah bandar. Insentif yang bagus patut disediakan untuk guru-guru cemerlang ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman dan miskin.

Laporan ini memfokus kepada dasar buruh spesifik seperti berikut. Pertama ialah untuk mendalami pemahaman kerajaan faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan kemahiran semasa dan akan datang. MPEN mengulangi keperluan maklumbalas sebagai asas untuk penyesuaian dasar, memastikan implementasi dasar berkesan dan efektif, penghasilan struktur tenaga kerja berkualiti yang menepati kehendak industri. Maklumat dan maklumbalas tersebut akan membantu rekabentuk cadangan-cadangan dasar seterusnya fokus kepada peningkatan kemahiran dan penambahbaikan tenaga kerja untuk memenuhi permintaan.

5.3.1 Langkah Dasar: Menjalankan Ramalan Pasaran Buruh dan Program Soal Selidik

Di Malaysia ketika ini, tiada sumber maklumat menyeluruh dan yang diterima-pakai mengenai struktur pasaran buruh, peluang dan potensi. Jurang maklumat ini mesti diperbetulkan.

Satu kajian menyeluruh mengenai pasaran buruh untuk setiap sektor ekonomi dan segmen di dalam setiap sektor perlu dijalankan. Ini akan membentuk asas ramalan lengkap permintaan tenaga kerja untuk setiap sub-sektor industri, merangkumi kategori pekerja dan kepelbagaian kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Ramalan ini akan memenuhi keperluan semasa dan akan datang ketika negara meningkat ke rantai nilai yang lebih tinggi. Cadangan kajian ini akan menimbang perkembangan pasaran buruh global dan serantau untuk mengambil kira dinamik pasaran yang luas, di mana Malaysia akan bersaing.

Inisiatif ramalan pasaran buruh ini harus diterajui oleh KSM. Untuk memastikan kemampuannya, Pusat Kecemerlangan Kajian Pasaran Buruh harus ditubuhkan di pusat kajian terkemuka atau universiti. Hasil kajian daripada pusat ini akan disalurkan ke sistem pendidikan dan skim latihan pekerja untuk menghasilkan tenaga kerja berkualiti dan berkemahiran tepat.

Dalam hubungan ini, Jabatan Statistik perlu juga memainkan peranan penting. Selain daripada komitmen penuh dalam kajian pasaran buruh, ia adalah perlu untuk mengkaji semula kesemua dasar yang berkaitan kunci data ekonomi dan statistik sosial yang lain dengan masyarakat umum, khususnya penyelidik. Terdapat terlalu banyak contoh-contoh yang menilai data-data penting telah ditolak, termasuklah permintaan yang sah daripada institusi multinasional seperti Bank Dunia. Jabatan Statistik sepatutnya meenerimapakai amalan-amalan terbaik dalam berkongsi data dan statistik, termasuklah pelaksanaan bayaran sebagai alat pemulihan kos.

5.3.2 Langkah Dasar: Fokus kepada meninggikan kemahiran dan meningkatkan tenaga kerja

MPEN membuat perbezaan yang jelas di antara keperluan latihan pekerja separa mahir dan pekerja professional yang lebih tinggi. Ketika ini, Malaysia mempunyai tenaga kerja yang mana 80% mempunyai kelulusan-kemasukan SPM sahaja dan 60% bekerja di dalam PKS. Tambahan pula, setiap tahun 100,000 lulusan SPM memasuki pasaran kerja tanpa sebarang kemahiran, yang mana mendedahkan kepada cabaran tertentu untuk menyasarkan dasar khusus bagi program pengambilan pekerja golongan muda melalui latihan kemahiran dan seterusnya menggalakan penyertaan mereka dalam proses pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi. Keutamaan terhadap latihan dan peningkatan kemahiran tenaga kerja perlu difokuskan kepada golongan lulusan SPM dan lapisan buruh tidak mahir dan separa mahir pula kemungkinan besar tidak wujud hasil transformasi ekonomi.

Beberapa inisiatif dasar diperlukan untuk menyediakan tenaga kerja meningkat ke status pendapatan tinggi:

- Mengko-ordinasi agensi kerajaan, industri dan entiti pendidikan untuk mencapai objektif strategi keseluruhan yang dipersetujui (KSM).
- Mengabungkan semua program latihan tajaan kerajaan dan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) di bawah satu bumbung.
- Menyatukan program latihan sektor swasta dengan sektor awam.
- Membina pertalian di antara keperluan industri dan hasil keluaran dari entiti-entiti latihan/ vokasional/ pengajian.
- Menjelaskan, memudahkan, mengabungkan dan/ atau ko-ordinasi antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT) dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- Meluaskan piawaian kelayakan MQA kepada semua sektor industri.
- Menjajarkan dan/atau menyatukan pensijilan oleh syarikat MNC dan individu dengan MQA.
- Menjajarkan piawaian MQA dengan amalan serantau dan antarabangsa.
- Mentakrif dan mendokumentasi semua kemahiran – teknikal, perdagangan, dan sebagainya harus dilaksanakan bersama industri dan konsisten dengan amalan antarabangsa.

- Menyeragamkan pensijilan secara formal untuk pelbagai jenis kemahiran teknikal, kepakaran dan perdagangan bagi kegunaan seluruh industri.
- Pensijilan dan pelesenan kemahiran untuk menggambarkan kelayakan dan pengalaman, dan meningkatkan upah.
- Keperluan akreditasi dibentuk secara formal, dan menggalakkan firma dan isi rumah untuk menggunakan perkhidmatan daripada pekerja yang disijilkan sahaja, contohnya memberi jaminan piawaian yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja yang disijilkan, atau mengaitkan penggunaan pekerja mahir yang disijilkan dengan insurans dan tata-syarat keselamatan.
- Membina mekanisma untuk industri menggunakan skala upah berasaskan kemahiran bersijil serta pengalaman.
- Menghentikan trend menukar kolej-kolej vokasional, teknikal dan komuniti kepada universiti.
- Melibatkan industri di dalam pembangunan kurikulum dan memastikan pengajaran berkembang berasaskan teknologi dan proses terkini. Pendekatan kluster perlu diambil untuk mengambil faedah skala-ekonomi serta kehampiran kepada industri; contohnya Inisiatif Pembangunan Modal Insan USM-NCIA-Deloitte.
- Membina program untuk mengiktiraf dan menyokong perniagaan yang mempunyai program latihan amali, perantisan, latihan semasa kerja, dan khidmat penempatan kerja.
- Membina hubungan yang lebih rapat di antara kakitangan akademik dan industri, dan menjadikan tenaga pakar industri sebagai sumber rujukan di institusi pendidikan – kakitangan akademik mesti mempunyai pengalaman industri ataupun dikehendaki mengambil sabatikal untuk bekerja di industri.
- Menggabung serta mengko-ordinasi dengan lebih baik tabung-tabung latihan yang disediakan melalui agensi kerajaan. Pembiayaan kerajaan perlu diintegrasikan lebih baik dengan sumbangan dari industri, melalui skim perkongsian kos dan kerjasama.
- Merubah peranan HRDF menjadi lebih mendukung.

5.3.3 Langkah dasar: Memanfaatkan Bakat Wanita untuk Meningkatkan Produktiviti

Bagi mencapai taraf berpendapatan tinggi memerlukan perhatian yang lebih kepada mempelbagaikan bakat wanita untuk meningkatkan produktiviti. Ia juga memerlukan perubahan sesuai dalam model perniagaan, pengurusan sumber manusia, pemasaran strategi dan sebagainya. Bakat tertentu wanita dan sifat dalam menguruskan perubahan boleh dimanfaatkan untuk mencapai tujuan ini. Keterangkuman adalah mengenai perubahan sikap untuk memanfaatkan bakat dari pelbagai sumber. Kemampanan ekonomi perlu melibatkan penjagaan terhadap persekitaran dan pengurusan kewangan yang efektif. Relatif kepada lelaki, wanita dalam kehidupan seharian mereka lebih cenderung kepada amalan pemeliharaan persekitaran yang baik serta amalan pengurusan kewangan yang baik dengan memastikan seberapa yang boleh agar setiap ringgit memenuhi keperluan penting keluarga.

Kadar penyertaan wanita Malaysia dalam pasaran buruh adalah rendah berbanding negara lain, meskipun mereka mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi. Dalam sektor awam, penjawatan wanita menunjukkan banyak pembaikan dimana kemunculan mereka dalam pengurusan atasan telah meningkat kepada 30.5% pada tahun 2010 berbanding 7% pada tahun 1990; manakala

di Parlimen, perwakilan wanita di Dewan Rakyat telah berganda kepada 10% di sekitar tempoh yang sama. Penambahbaikan lanjut yang berobjektif boleh dijalankan, contohnya dalam sector pendidikan, dimana 71% guru adalah dikalangan wanita, tetapi hanya 44.8% pengetua adalah wanita. Tambahan pula, situasi alam sektor awam juga tidak menggalakkan, dengan jangkakan penglibatan mereka dalam jawatan berprofil tinggi, wanita masih menjawat hanya bahagian kecil dalam peranan sebagai pembuat keputusan korporat dan pertumbuhan angka penyertaan adalah sangat lembap. Hanya 6.1% pengarah korporat di Malaysia dan tujuh CEO bagi 100 syarikat besar yang tersenarai di Bursa adalah wanita (2008).

Melepaskan bakat wanita akan menyumbangkan kepada sebahagian besar hasil MBE. Kadar penyertaan wanita dalam ekonomi mesti ditingkatkan melalui dasar-dasar yang menyokong. RMK-10 telah memperkenalkan langkah-langkah untuk menyelaraskan isu wanita dan telah menetapkan sasaran untuk dicapai menjelang 2015 (RMK-10, halaman: 178-181). MPEN menyokong plan kerajaan untuk memperkasakan wanita bagi meningkatkan sumbangan mereka terhadap ekonomi Negara. Sementara perlunya sektor awam menjadi lebih pro-aktif, sektor swasta juga memerlukan inisiatif hala tuju yang kuat dalam mempromosikan penyertaan wanita melalui langkah-langkah berikut:

- Melaksanakan dasar tempat kerja seperti digambarkan di atas untuk membenarkan fleksibiliti yang lebih besar dalam tempoh waktu bekerja dan peruntukan sokongan penjagaan kanak-kanak.
- Memperkenalkan dasar-dasar yang diperlukan Kementerian dan agensi untuk memastikan isu jantina ini adalah sebahagian daripada pembentukan dasar. Semua program mesti memasukkan elemen jantina.
- Kedua-dua sektor awam dan swasta menggalakkan pengenalan kepada Penilaian Impak Gender (GIA). Pelaksanaan permintaan berasas luas dalam menyelaraskan isu jantina ke dalam rekabentuk dasar awam dan pelaksanaannya boleh dipermudahkan jika GIA dikendalikan dalam semua Kementerian dan agensi. Ia boleh menyumbangkan struktur dan peralatan untuk menilai pematuhan kepada arahan penyelarasan jantina dalam dasar-dasar program.
- Usaha perlu difokuskan kepada penggalakan firma-firma sektor swasta untuk menempatkan lebih ramai eksekutif wanita dalam bahagian pembuatan keputusan. Kapasiti khas wanita untuk mengenali bakat dan membina budaya untuk mempertahankan kerja sama dalam kumpulan, menyumbang penting kepada produktiviti yang lebih tinggi. Prinsip menerajui adalah mengenai perwakilan wanita dalam pembuatan keputusan yang perlu menjadi satu perniagaan berasaskan merit dan prestasi dan bukannya lebih kepada latihan yang pelbagai.

BAB

6

**MERAPATKAN JURANG
KETAKSAMAAN**

6 MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

6.1 MENCAPAI KETERANGKUMAN MELALUI TINDAKAN AFIRMATIF YANG MESRA PASARAN DAN TELUS

MBE menyedari bahawa peluang yang terhad bagi mendapatkan manfaat sepenuhnya dari kemajuan ekonomi akan melahirkan rasa tidak puas hati antara bahagian-bahagian penduduk, samada di bandar atau luar bandar, di semua wilayah dan terutamanya di Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu, MBE menekankan pendekatan pro-miskin, pertumbuhan menyeluruh yang dapat menangani ketaksamaan pendapatan dan ketidaksamaan sosial sambil mengeluarkan penduduk yang kurang berkemampuan dari kemiskinan. Kita perlu sedar dan mengiktiraf keunikan susunan sosial Malaysia yang berbilang bangsa sebagai satu kekuatan. Kepelbagaian etnik ini akan sentiasa bersama kita. Kita perlu memelihara dan memanfaatkan kekuatan ini untuk mencapai tahap pendapatan tinggi bagi semua.

Mengurangkan ketidaksamaan peluang merupakan satu daripada ciri-ciri pembatas MBE (IPS 5). Adalah menjadi sangat mustahak bagi menangani ketidaksamaan yang berterusan di dalam dan di antara kumpulan-kumpulan etnik, wilayah serta dibandar dan luar bandar. MPEN mengakui bahawa cabaran utama adalah untuk mencapai keseimbangan antara kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan penduduk asal Sabah dan Sarawak, serta kepentingan-kepentingan sah masyarakat yang lain yang sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan.

6.2 TINDAKAN AFIRMATIF DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Kesamaan di bawah undang-undang adalah termaktub di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan penduduk asal Sabah dan Sarawak, serta kepentingan sah masyarakat yang lain telah dihuraikan dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Tanggungjawab Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap hal ini juga dihuraikan dalam Perkara 153. Di samping pemahamannya dari segi undang-undang, pergolotan di antara kedudukan istimewa dan kepentingan sah ini tidak harus mengakibatkan keruntuhan masyarakat madani yang akan menjejaskan bagi semua. Seperti yang dibincangkan di atas, cabaran utama pertumbuhan menyeluruh adalah untuk merangka pendekatan yang seimbang yang akan menangani ketidaksamaan tersebut.

Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan telah menjadi sumber ataupun asas bagi tindakan afirmatif. Satu bentuk tindakan afirmatif telahpun diadakan sejak pertengahan 1940-an sebelum Merdeka.

Menyedari perlindungan dan syarat-syarat yang termaktub di bawah Perkara 153, MPEN mencadangkan satu dasar tindakan afirmatif yang sejajar dan tertakluk kepada Perkara 153. Khususnya, MBE tidak menganjurkan penghapusan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan penduduk asal Sabah dan Sarawak serta kepentingan-kepentingan sah masyarakat yang lain. Namun, MPEN bertekad untuk mengubah cara kepentingan semua rakyat Malaysia akan digalakkan dengan pertumbuhan pro-miskin yang menyeluruh melalui tindakan afirmatif yang mesra pasaran dan telus.

Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas mengamanahkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanggungjawab melindungi kepentingan-kepentingan sah masyarakat lain. Peruntukan-peruntukan dalam Perkara 153 yang berkenaan masyarakat lain dengan khusus melindungi mereka daripada perlucutan jawatan awam, biasiswa, keistimewaan pendidikan atau

latihan, kemudahan khas, atau mana-mana hak, keistimewaan, permit atau lesen (termasuk pembaharuan permit atau lesen) yang telah pun mereka layak untuk menerima. Perkara 153(9) juga menyatakan bahawa Parlimen tiada kuasa untuk menghadkan apa-apa perniagaan atau dagangan hanya kepada orang-orang Melayu ataupun penduduk asal. Terdapat bahagian-bahagian lain dalam Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dipertimbangkan bersama-sama dengan Perkara 153, termasuklah Perkara 89(2) mengenai tanah rizab Melayu, 89(4) mengenai tanah orang bukan-Melayu dan 12(1) mengenai penindasan dalam institusi-institusi pendidikan. Tindakan afirmatif dibawah MBE tidak mencabuli mana-mana bahagian dalam Perkara 153.

6.3 TINDAKAN AFIRMATIF YANG MESRA PASARAN

Tindakan afirmatif telahpun dijalankan dengan jayanya dengan pengurangan yang amat membanggakan dalam kategori kemiskinan mutlak dan kemajuan yang ketara telah dicapai dalam mengurangkan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Walau bagaimanapun, kemajuan ini telah juga melibatkan beberapa kesan negatif yang penting. Pelaksanaan tindakan afirmatif telah menggalakan dan menanamkan budaya pengagihan dan rasa berhak serta tabiat merentir. Pemberian sumber-sumber modal kepada firma-firma bumiputera yang kurang berkelayakan telah menggalakkan penubuhan barisan hadapan yang palsu. Penggunaan kuota berdasarkan kaum yang berlebihan telah mengakibatkan pengagihan kepada penerima yang kurang berkelayakan yang melahirkan ketidakcekapan. Penentuan harga terpilih serta kuota telah membawa kepada pencarian sewa yang mengherotkan pasaran atau memutarbelitkan tujuannya. Penerima saham modal menjual memperuntukan mereka dan memperolehi manfaat durian runtuh tanpa usaha. Usahawan yang patut menerima bantuan telah diketepikan dan mempunyai peluang yang terhad untuk mendapatkan pembiayaan. Perentir tidak mencipta kekayaan baru atau manambah kepada pertumbuhan ekonomi. Perentir menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak produktif dan boleh menambahkan lagi kos perniagaan. Ini mempunyai kaitan rapat dengan pertumbuhan gejala sogokan dan rasuah dalam ekonomi.

Akibat ketidaksamaan yang berterusan ini, golongan yang tidak berkemampuan dari segi ekonomi patut diberi peluang untuk mengatasi keadaan mereka melalui penerusan dasar tindakan afirmatif. Walau bagaimanapun, tindakan afirmatif perlu diubah dan diberi pembaharuan dengan menghapuskan elemen-elemen yang negatif serta kelemahan-kelemahan dari amalan-amalan yang dahulu. Pendekatan yang baru adalah "tindakan afirmatif yang mesra pasaran" yang akan memastikan, pada bila-bila masa yang mungkin, perlaksanaannya tidak akan menjejaskan perjalanan pasaran. Herotan dalam pasaran boleh mengakibatkan salah peruntukan sumber and pengurangan kecekapan. Boleh dikatakan bahawa sebuah pasaran persaingan sempurna adalah bebas daripada herotan tetapi kewujudan persaingan sempurna adalah jarang. Walau bagaimanapun, tindakan afirmatif yang mesra pasaran perlu mengurangkan seberapa yang boleh, herotan pasaran untuk membenarkan pasaran berfungsi seakan yang boleh sebagai persaingan yang sempurna.

Tindakan afirmatif yang mesra pasaran perlu memastikan ia tidak mencabuli atau menidakan perjalanan pasaran. Ia juga tidak patut mengakibatkan, menyumbang atau mengekalkan herotan dalam ekonomi. Pertumbuhan boleh dimaksimumkan jika sumber-sumber digunakan dengan cekap dan harga dibenarkan untuk memberi isyarat sebenar di mana dan bagaimana sumber-sumber tersebut patut digunakan untuk memaksimumkan keuntungan. Kemasukan dalam dan keluar daripada pasaran tidak harus dikekang. Tanah, tenaga kerja, modal dan keusahawanan hendaklah dibenarkan keluar dan masuk ke dalam ekonomi dengan sekatan yang minimum.

Walau bagaimanapun, pasaran boleh gagal samada dengan apa-apa bentuk tindakan afirmatif ataupun tidak. Monopoli dan pakatan-pakatan sulit boleh menjejaskan perjalanan pasaran. Pengambilan risiko yang berlebihan boleh mengakibatkan krisis. Pasaran akan gagal apabila dimanipulasikan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan yang mahu memaksimumkan kepentingan sendiri secara tidak sah. Dalam keadaan tersebut, campur tangan kerajaan untuk mengawalselia dan membetulkan kelemahan-kelemahan ini diperlukan. Tetapi, campur tangan kerajaan boleh juga menambah burukkan lagi kegagalan pasaran tersebut. Perlindungan yang berlebihan selain atas sebab tindakan afirmatif boleh menyumbang kepada herotan pasaran. Tindakan afirmatif yang mesra pasaran didalam MBE mendukung penggunaan prosedur dan kriteria yang telus untuk menggalakkan pembinaan keupayaan dan kemampuan dan penghapusan pendekatan-pendekatan yang menyumbang kepada amalan merentir. MBE juga ingin menggalakkan pemberian ganjaran berdasarkan prestasi dan menggalakkan lebih banyak persaingan dengan menghapuskan perlindungan yang berlebihan dan menggalakkan liberalisasi mengikut sektor. Meningkatkan persaingan dan produktiviti amat bergantung kepada ganjaran yang diberi berasaskan merit dan usaha, dan bukan kepada kriteria lain yang tidak wajar.

6.4 MENANGANI KUMPULAN 40% ISI RUMAH TERENDAH

Objektif keterangkuman MBE tertumpu kepada pengurangan ketaksamaan dan pengangkatan 40% isi rumah terendah. Program-program untuk membantu kumpulan 40% isi rumah terendah tidak akan mengambil kira latar belakang etnik penerimanya dan tanpa kehadiran apa-apa elemen herotan seperti kuota atau keutamaan atau kelayakan kepada sumber-sumber kewangan, pekerjaan, kontrak dan lesen. Program-program ini akan dilaksanakan berdasarkan keperluan dan merit pemohon dan akan tertumpu kepada pembinaan keupayaan dan kemampuan.

Rujukan kumpulan 40% isi rumah terendah pada tahun 2009 telah diberi penonjolan lagi dalam RMK-10 dimana ciri-ciri utamanya adalah:

- *Pendapatan ambang.* Kumpulan 40% isi rumah terendah adalah berpendapatan kurang dari RM2,300 sebulan dengan pendapatan purata pada RM1,400. Pendapatan telah bertambah melalui masa. Pada tahun 1990 60.6% daripada isi rumah berpendapatan di bawah RM999, menjelang 2009, peratusan ini telah berkurangan kepada 7.4% daripada isi rumah. Sebanyak 73% daripada 40% isi rumah terendah merupakan isi rumah bumiputera.
- *Saiz berangka.* Pada tahun 2009 kategori 40% isi rumah terendah terdiri daripada 2.4 juta isi rumah dengan purata saiz 3.8 orang setiap isi rumah. Ini menandakan terdapat lebih kurang 9 juta orang di dalam kategori pendapatan isi rumah rendah ini. Daripada jumlah ini, 7.6% dikelaskan sebagai miskin dan 1.8% sebagai miskin tegar.
- *Kedudukan geografi.* 51.4% daripada 40% terendah ini tinggal di kawasan bandar; 48.6 di kawasan luar Bandar. 65% di Johor, Kedah, Perak, Sabah, Sarawak dan Selangor. Perak mempunyai peratusan tertinggi; 72.5% isi rumah di Perak mempunyai pendapatan di bawah RM2,300 sebulan.
- *Tahap pendidikan.* 52.3% daripada 40% terendah ini tidak mempunyai sijil persekolahan sementara 25.4% mempunyai pencapaian SPM dan 17.9% mencapai tahap PMR.

Peluang mendapat kemudahan pendidikan, kesihatan dan perumahan adalah kritikal bagi menaikkan pendapatan dan taraf hidup kategori kumpulan 40% terendah ini, akibat lebih daripada separuh daripada kategori ini tidak mempunyai pendidikan yang formal. Penekanan serius perlu diletakkan dalam memberi peluang pendidikan serta latihan bagi meningkatkan keupayaan mereka. Dengan tumpuan terhadap dasar pertumbuhan pro-miskin ke atas kumpulan 40% isi

rumah terendah, sebahagian besar MBE akan dimanfaatkan oleh masyarakat bumiputera yang merupakan 73% daripada kumpulan 40% isi rumah terendah ini.

MPEN mendukung langkah-langkah utama di bawah yang tertumpu kepada kumpulan 40% isi rumah terendah (**Rajah 6.1**). MPEN percaya bahawa program-program khas yang disasarkan kepada kumpulan-kumpulan tertentu di luar lingkungan kumpulan 40% isi rumah terendah, terutamanya PKS di dalam MPPB, patut diteruskan tetapi hendaklah dikurangkan secara berperingkat kepada satu tahap yang bersesuaian. Keutamaan yang diberi di bawah program-program tersebut perlu dijadikan mesra pasaran, telus dan berasaskan keperluan dan merit.

Jadual 6.1 – Ringkasan Langkah Dasar bagi Merapatkan Jurang Ketaksamaan

Mengurangkan Jurang Ketaksamaan Pendapatan dan Perbezaan Wilayah

- Mewujudkan satu dasar induk bagi program-program bantuan sosial. Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat hendaklah dijadikan sebagai agensi penyelarasan bagi membangunkan dan memantau dasar ini
- Semua kementerian dan agensi terlibat perlu menggunakan satu pangkalan data seragam yang menyeluruh yang pada mulanya akan berasaskan e-Kasih
- Mewujudkan program-program bantuan sosial tambahan berkenaan pengangkutan dan perumahan yang merupakan sebahagian besar daripada perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah
 - Meningkatkan pergerakan di kalangan kumpulan 40% terendah bagi peluang pekerjaan yang lebih baik dengan memperuntukkan subsidi pengangkutan awam melalui penjimatan daripada pengurangan subsidi kerajaan yang lain
 - Menubuhkan Lembaga Perumahan peringkat negeri untuk merancang, membangun dan mengurus skim perumahan bagi kumpulan 40% terendah
 - Memindahkan tumpuan sekarang skim tersebut daripada pemilikan kepada pajakan dengan peluang untuk membeli semasa tamatnya tempoh pajakan tersebut
 - Menawarkan pinjaman melalui KWSP untuk keperluan perumahan bagi kategori kumpulan 40% pertengahan, yang boleh dibayar balik melalui potongan daripada caruman bulanan oleh pekerja, iaitu bersifat berkecuali keatas aliran tunai
- Membolehkan kumpulan 40% terendah untuk keluar dari kemelut kemiskinan melalui pendidikan
 - Menawarkan insentif kepada guru-guru untuk meningkatkan prestasi dan kesediaan untuk mengajar di kawasan luar bandar termasuk juga di beberapa kawasan pedalaman
 - Memperuntukkan jaring keselamatan bagi ibu bapa memastikan anak-anak mereka menamatkan persekolahan sepenuhnya

Program-program Sasaran bagi MPPB

- Mewujudkan program-program yang khusus dengan strategi keluar bagi PKS bumiputera sahaja
- Tumpuan terhadap program-program pembinaan kemampuan

6.5 MENGURANGKAN JURANG KETAKSAMAAN PENDAPATAN DAN PERBEZAAN WILAYAH

MPEN mengambil perhatian ke atas banyak dasar pendekatan bagi menangani keperluan kumpulan 40% terendah yang juga konsisten dengan pendekatan dalam MBE yang telahpun disebutkan di dalam RMK-10 (lihat Bab 4, halaman 140-164). Ini termasuklah menambahbaik taraf hidup isi rumah di kawasan luar bandar dan meningkatkan penyertaan ekonomi oleh golongan miskin di kawasan bandar. Dalam tempoh RMK-10, kesejahteraan isi rumah bandar dalam kumpulan 40% kebawah akan dibahas melalui program pembinaan kapasiti untuk membaiki dari segi pendapatan mereka serta kualiti hidup keseluruhan.

Program untuk meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar akan difokuskan terhadap peningkatan kemahiran mereka, menghubungkan mereka kepada majikan berhampiran kelompok dan bandar melalui perhubungan yang lebih baik serta memberi sokongan untuk mereka bekerja sendiri, menjalankan perniagaan mikro dan industri bersekala kecil. Program-program yang tidak sampai kepada penduduk miskin tegar pendalaman harus kembali kepada tujuan mempereratkan kebajikan sosial. Seiring dengan NKEA pertanian, usaha akan diambil untuk mentransfomasikan aktiviti luar bandar berasaskan tani berlabuh pada keperluan pasaran, ekonomi bidang dan integrasi rantai nilai. Bermodalkan pada kekuatan sumber alam semulajadi di kawasan luar bandar akan melibatkan peningkatan produktiviti dan kemampunan melalui penggunaan pakai teknologi pertanian moden dan penerimaan pakai pendekatan berasaskan permintaan, sebagai contoh, perluasan pertanian kontrak.

Keperluan kanak-kanak dalam isi rumah yang berpendapatan rendah akan diberi keutamaan. Jaring keselamatan sosial yang ditambahbaik akan mengurangkan beban ke atas kumpulan yang mudah terjejas. Akan diadakan juga tumpuan khas bagi masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bantuan khas telahpun diberi kepada penduduk kampung-kampung baru dan pekerja-pekerja ladang.

6.5.1 Langkah Dasar: Mewujudkan Dasar Induk untuk Program-program Bantuan Sosial

Terdapat banyak sekali program-program bantuan sosial yang tersebar di kalangan banyak kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang menyebabkan pertindihan yang tidak diperlukan dan mengakibatkan kegagalan untuk mencapai kumpulan-kumpulan tertentu yang memerlukan bantuan. MPEN mencadangkan agar Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KPWKM) hendaklah dijadikan sebagai badan penyelarasan utama untuk semua kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan. KPWKM hendaklah ditugaskan merangka hala tuju induk bantuan sosial, dasar-dasar dan program-program peringkat tinggi yang akan diterjemahkan kepada program-program dan projek-projek yang khusus oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan.

6.5.2 Langkah Dasar: Menggunakan Pangkalan Data Seragam yang Menyeluruh yang pada mulanya diasaskan oleh e-Kasih

Buat masa ini tiada kaedah yang mampu mengenal pasti jumlah manfaat yang diterima oleh setiap penerima. Ini mengakibatkan kegagalan untuk menilai kemampuan berjenis-jenis program-program bantuan sosial yang sediada. Adalah dicadangkan agar semua kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang menjalankan program-program bantuan sosial menggunakan satu pangkalan data seragam yang menyeluruh, yang pada mulanya akan diasaskan kepada program

e-Kasih yang sedia ada. Dibawah pimpinan KPWKM, semua kementerian dan agensi yang berkenaan akan memastikan semua rakyat Malaysia yang berada di bawah garis kemiskinan didaftarkan dibawah pangkalan data tersebut dan maklumat menyeluruh bagi setiap isi rumah dicatat dengan tepat dan dikemaskini dari masa ke semasa. Selain daripada pendapatan isi rumah, maklumat tersebut patut merangkumi umur, jantina, keadaan fizikal dan kesihatan, tahap pendidikan atau latihan dan pekerjaan semasa setiap ahli isi rumah serta taraf perumahan dan lokasi termasuk jarak dari kemudahan-kemudahan awam. Pangkalan data tersebut yang menyeluruh akan membenarkan penstrukturan dan rangkaian program-program yang lebih baik termasuk juga pemantauan dan penilaian yang lebih tepat. Prestasi dan kelemahan program-program ini hendaklah dilaporkan kepada KPWKM bagi tindakan pembetulan yang lebih strategik dan bersepadu.

Selaras dengan prinsip ketelusan dan tindakan afirmatif yang mesra pasaran, pelaksanaan dasar-dasar dan program-program bantuan sosial perlu telus untuk memastikan peluang saksama bagi semua rakyat Malaysia. Setiap pegawai yang terlibat dalam program-program bantuan sosial tersebut hendaklah mengamalkan konsep 1Malaysia bagi memastikan program-program dilaksanakan dengan betul tanpa mengambil kira etnisiti.

6.5.3 Langkah Dasar: Menangani Keperluan dalam Pengangkutan dan Perumahan

Satu daripada keperluan utama bagi kumpulan 40% terendah adalah peruntukan perumahan yang mampu diperolehi. Dasar Perumahan Negara (DPN) yang sedia ada mewajibkan pemaju-pemaju perumahan memperuntukkan 30% daripada jumlah unit dalam projek-projek perumahan yang menepati saiz yang telah ditentukan. Ini merupakan satu cabaran apabila pembangunan tersebut melibatkan tanah bernilai tinggi dan perumahan jenis kos sederhana dan mewah. MBE mencadangkan penubuhan Lembaga Pembangunan Perumahan peringkat negeri untuk bekerjasama dengan pemaju-pemaju dan kumpulan-kumpulan berkepentingan yang lain mengenai dasar-dasar strategik untuk menangani keperluan perumahan kumpulan 40% isi rumah terendah.

Untuk mengatasi masalah mereka yang berada dalam kumpulan 40% terendah yang tidak mampu membayar ansuran bulanan yang sudahpun amat rendah bagi bayaran unit rumah berkos rendah, Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menyediakan pilihan yang lebih mengikut kemampuan mereka dengan menawarkan penyewaan ke atas unit berkos rendah berserta pilihan untuk membeli unit tersebut pada hujung tempoh sewaan. Pilihan ini memerlukan kajian lanjut dari segi pertimbangan terhadap beban hutang yang bertambah oleh isi rumah berpendapatan rendah dan kemungkinan kesan kewangan yang besar terhadap perbelanjaan kerajaan. Bagi isi rumah pertengahan kumpulan 40%, MPEN mencadangkan bahawa KWSP diberikan kuasa untuk menawarkan pinjaman bagi membeli rumah kos sederhana yang boleh dibayar melalui potongan daripada caruman bulanan KWSP.

Satu lagi bahagian besar dalam perbelanjaan isi rumah merupakan kos pengangkutan. MBE mencadangkan agar penjimatan dari langkah kerajaan mengurangkan subsidi-subsidi lain, dapat di salurkan ke arah meringankan beban kos pengangkutan ke atas kumpulan 40% isi rumah terendah yang merupakan pengguna pengangkutan awam yang utama. Pendekatan ini memerlukan kajian yang lebih terperinci, walau bagaimanapun, satu cara yang mudah serta berkos rendah adalah melalui pemberian subsidi untuk pengangkutan awam berdasarkan keadaan bahawa sebahagian besar pengguna pengangkutan awam di dalam kawasan bandar adalah mereka yang berada di dalam kumpulan 40% isi rumah terendah. Satu sistem pengangkutan awam di kawasan bandar yang cekap dan mampu diperolehi akan juga menggalakkan lebih ramai penduduk bandar supaya memilih untuk tidak memandu kenderaan persendirian, yang akan mengurangkan kesesakan jalan serta pencemaran di bandar.

Dengan NKEA yang telah dikenal pasti serta cadangan pembangunan secara kelompok, peluang pekerjaan yang lebih baik akan diadakan dengan lebih banyak lagi di sekitar kawasan kelompok berkenaan (misalnya di kawasan Lembah Klang, ibukota-ibukota negeri serta bandar-bandar utama). Kumpulan 40% isi rumah terendah yang terletak di kawasan luar bandar perlu diberi peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan berpendapatan tinggi yang terdapat di kelompok-kelompok pembangunan tersebut. Suatu sistem pengangkutan awam yang cekap dan diberi subsidi akan memudahkan penduduk dari kawasan luar bandar untuk pergi ke kelompok-kelompok pembangunan bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik. Bagi golongan miskin di luar bandar yang tidak bergantung kepada pengangkutan awam, sebahagian dari kos petrol bagi kenderaan persendirian mereka boleh dibiayai dengan pemberian geran tunai melalui e-Kasih.

6.5.4 Langkah Dasar: Keluar Daripada Perangkap Kemiskinan melalui Pendidikan

Selain daripada mengadakan peruntukan untuk mengurangkan kos pengangkutan bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik, pendidikan, kemahiran dan latihan adalah sangat penting bagi memastikan kelayakan untuk mendapatkan pekerjaan tersebut. Bilangan institusi-institusi vokasional, teknikal dan latihan komuniti akan digandakan di bawah RMK-10. Pada masa yang sama, pertimbangan khas hendaklah diberi kepada pelajar-pelajar daripada kumpulan 40% isi rumah terendah untuk mendapatkan tempat di pusat-pusat matrikulasi dan universiti-universiti awam.

Faktor utama dalam memastikan peluang pekerjaan yang lebih baik bagi kumpulan 40% isi rumah terendah adalah pendidikan. Seberapa ramai rakyat Malaysia hendaklah menghabiskan sepenuhnya pendidikan sekolah mereka sehingga tahap SPM. RMK-10 telahpun menangani masalah kos kehadiran ke sekolah dan memperuntukan kemudahan sekolah yang lebih baik seluruh negeri yang mana disokong penuh oleh MPEN. Walau bagaimanapun, ia perlu diketahui bahawa ianya mungkin tidak begitu wajar dari segi ekonomi untuk membina sekolah berkualiti tinggi di kawasan pedalaman di Semenanjung dan terutamanya di Sabah dan Sarawak. Dalam keadaan sedemikian, MPEN menyokong inisiatif RMK-10 untuk membina lebih banyak asrama bagi menempatkan kanak-kanak dari kawasan pedalaman dan memberikan mereka peluang untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti di peringkat rendah mahupun menengah.

Isi rumah yang merasakan sukar dari segi kewangan untuk menghantar anak mereka memasuki sekolah yang mempunyai kemudahan asrama perlu diberikan sokongan dari segi kewangan dan sosial yang mencukupi untuk memastikan kanak-kanak ini terus menghadiri sekolah. Isi rumah ini boleh dikenalpasti dan dipantau melalui e-Kasih.

6.6 PROGRAM SASAR BAGI MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA (BCIC)

Sementara tindakan afirmatif yang mesra pasaran di bawah MBE akan tertumpu kepada 40% isi rumah terendah, MPEN percaya bahawa, buat tempoh terdekat ini, program-program khas yang disasarkan kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang berada di luar lingkungan 40% isi rumah terendah (iaitu mereka yang berada di dalam kumpulan 40% isi rumah pertengahan) hendaklah diteruskan. MBE tidak pernah berhajat untuk menamatkan serta-merta program-program khas yang sedia ada bagi kumpulan-kumpulan sasaran berkenaan. Sebaliknya, program-program tersebut akan di kurangkan secara berperingkat pada satu tahap yang sesuai bagi membantu hanya mereka yang layak dan memerlukannya.

RMK-10 telah membuat peruntukan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi (lihat RMK-10 di muka surat 165-173) yang konsisten dengan cadangan-cadangan di dalam MBE. Dasar inisiatif di bawah RMK-10 bertujuan menguatkan dan mengasuh keusahawanan dan mewujudkan perniagaan bumiputera yang berdaya saing melalui peningkatan keupayaan dan kemampuan.

6.6.1 Langkah Dasar: Mengadakan Program-Program Spesifik kepada Bumiputera PKS

MPEN menyokong pendekatan baru untuk program-program khas tersebut dijadikan mesra pasaran dan telus serta sokongan harus diberikan atas dasar keperluan dan merit. Berdasarkan beberapa prinsip asas, program-program ini akan membenarkan penerima manfaat untuk lebih berdikari dan bersaing dalam persekitaran yang terbuka, tanpa kebergantungan yang berpanjangan ke atas program-program khas sebegini. Firma bumiputera yang berjaya perlu diserlahkan sebagai juara, yang mana mereka bekerjasama besar dengan komuniti perniagaan, termasuk GLC, akan meningkatkan prestasi keseluruhan BCIC.

Strategi untuk melahirkan bumiputera PKS yang berdaya saing perlu jelas dari peringkat permulaan. Untuk tujuan ini, MBE mencadangkan agar peruntukan perolehan oleh pihak Kerajaan dan GLC bagi BCIC hendaklah diteruskan tetapi ia akan disasarkan kepada PKS Bumiputera sahaja. Ia perlu disedari bahawa PKS bumiputera perlu menjadi usahawan yang berdaya saing tinggi sebagaimana peruntukan tersebut akan dikurangkan secara berperingkat apabila perolehan perbelanjaan kerajaan menurun selaras dengan keadaan fiskal kerajaan. Kriteria kelayakan, pemprosesan, prosedur, dan mekanisme pemantauan harus dijadikan sangat telus, mesra pasaran dan berasaskan keperluan dan merit.

6.6.2 Langkah Dasar: Tumpuan kepada Program-program Pembinaan Kemampuan

Program-program pembinaan kapasiti dan kebolehan bagi tujuan kebolehpercayaan hendaklah terus diperuntukan kepada PKS bumiputera dan juga bukan bumiputera berdasarkan prinsip-prinsip mesra pasaran yang sama. Mengambil pertimbangan terhadap perubahan dalam landskap ekonomi global dan keperluan PKS bumiputera untuk menjadi lebih daya saing, objektif program-program ini perlu difokuskan kepada pembinaan bakat, mengenalpasti teknologi-teknologi baru dan meningkatkan kolaborasi dengan firma bumiputera dan bukan bumiputera serta bersama GLC dan MNC. Keberkesanan institusi sokongan bumiputera (seperti MARA, PUNB, PNB dan lain-lain) perlu diperbaiki melalui rasionalisasi dan penyelarasan untuk mengurangkan duplikasi dan mencapai akauntabiliti yang besar. MPEN secara kuatnya mencadangkan bahawa pembaikan dari segi kecekapan dan keberkesanan institusi sokongan sebegini akan membolehkan mereka meluaskan remit secara progresif. Institusi sokongan ini perlu mengenalpasti tentang peluang-peluang yang mungkin bagi PKS bumiputera memainkan peranan penting dalam pembangunan 12 NKEA. Pembinaan kapasiti dan kebolehan PKS ini harus diarahkan terhadap untuk memenuhi potensi mereka dalam 12 NKEA ini.

6.7 PERHUBUNGAN ANTARA PENDAPATAN TINGGI DAN KETIDAKSAMAAN DALAM PEMILIKAN ASET

Ketidaksamaan dalam pemilikan aset adalah satu ciri utama mana-mana ekonomi samada ia berpendapatan tinggi atau sebaliknya. Ketidakharmonian boleh timbul dalam keadaan dimana ketidaksamaan dalam pemilikan aset dimajukkan dengan ketidakseimbangan berdasarkan

etnisiti. Jika tidak ditangani dengan betul, jurang perbezaan tersebut mungkin dieksploitasikan oleh kumpulan-kumpulan yang tidak berprinsip untuk membarakan tanggapan ketidakadilan yang ternyata tidak wujud.

Di banyak negara, pemilikan aset kewangan dan yang lain seperti tanah dan modal saham lazimnya amat tertumpu, iaitu sebilangan kecil penduduk akan memiliki sebahagian besar aset yang tidak seimbang. Walaubagaimanapun, struktur pemilikan ini tidak lazimnya mengakibatkan rasa tidak puashati, ketidakharmonian dan yang paling teruk sekali, persengketaan yang terbuka dalam sesebuah negara. Sambil menggalakkan usaha-usaha bagi menelakkan jurang perbezaan tersebut daripada terlalu melebar, semangat 1Malaysia menumpukan perhatian kepada usaha-usaha asas yang luas untuk meningkatkan kemampuan bersama kita dan bergerak bersama ke arah ekonomi pendapatan tinggi.

Rata-ratanya, terdapat lebih ramai orang yang bergantung kepada upah dan upah sebagai pendapatan mereka berbanding dengan mereka yang lebih bernasib baik yang hidup dengan pendapatan daripada pengumpulan aset. IPS di bawah MBE memberi tumpuan kepada mewujudkan peluang ekonomi melalui peluang pekerjaan dalam sektor-sektor ekonomi yang produktif yang akan menyumbang kepada pendapatan isi rumah dan akan merapatkan jurang antara golongan yang kaya dan miskin. Tindakan afirmatif di bawah MBE adalah konsisten dengan pendekatan ini.

Sumbangan modal saham pemilikan bumiputera kepada pertumbuhan pendapatan setelah lebih daripada 35 tahun masih belum lagi di tahap signifikan dan tidak berjumlah besar. Pada masa hadapan, sama ada dengan sasaran 30% ataupun tidak ataupun satu sasaran yang lebih tinggi berkenaan modal saham pemilikan bumiputera, hampir keseluruhan pertumbuhan pendapatan bagi isi rumah bumiputera akan datang daripada penerimaan upah dan gaji. Dengan demikian, adalah lebih baik bagi bumiputera mahupun komuniti lain jika Malaysia tidak dibebani oleh perdebatan yang tidak pernah berakhir mengenai isu pengagihan kekayaan. Lagipun, sebelum kekayaan boleh diagihkan, ianya perlu dijanakan secara mampan terlebih dahulu.

6.8 MENGUATKAN INSTITUSI PERTUMBUHAN KETERANGKUMAN

MPEN mengambil maklum mengenai RMK-10 yang mengekalkan 30% pemilikan ekuiti korporat bumiputera sebagai sasaran pada peringkat makro. Sebahagian dari tugas bagi mencapai sasaran pemilikan ini akan diberikan kepada badan tujuan khas seperti Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS), PNB, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Urusan Tabung Haji, PUNB and Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera. Pendekatan baru ini memupuk perbincangan mengenai peningkatan pemilikan harta yang melewati ekuiti korporat yang termasuk aset-aset yang lain terutamanya aset nyata dan hartanah (termasuk juga harta intelektual), serta sumber kewangan terkumpul dan pelaburan oleh institusi. Kerajaan telah dengan tepat sekali memberikan keutamaan kepada peningkatan penyertaan bumiputera di dalam pekerjaan dan profesion yang berpendapatan tinggi (RMK-10, muka surat 145-148) yang bila didepani akan menjadi elemen yang sangat penting dalam meningkatkan bahagian harta mereka.

MPEN mengalu-alukan penubuhan suatu majlis peringkat tinggi yang diumumkan Perdana Menteri dalam konteks RMK-10 (ucapan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, perenggan 55, muka surat 29) untuk menyelaras dan memantau kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan agenda pembangunan bumiputera.

BAB

7

**PERTIMBANGAN-
PERTIMBANGAN
UNTUK PELAKSANAAN**

7 PERTIMBANGAN-PERTIMBANGAN UNTUK PELAKSANAAN

7.1 KEPERLUAN PERUBAHAN PERANCANGAN (GAME CHANGE) DALAM JENTERA PELAKSANAAN

Kejayaan objektif MBE bergantung kepada ketekalan, keberkesanan dan manfaat yang boleh didapati melalui pelaksanaan langkah-langkah dasar asas berpandukan kepada 8 IPS. Sepertimana yang telah dibincangkan dalam MBE Bahagian 1, keyakinan ekonomi dijanakan melalui sifat keterbukaan, telus, mekanisme maklumbalas yang memastikan dasar dan projek yang dijanjikan dalam MBE dapat disampaikan menurut amalan dan piawaian global terbaik sejajar dengan objektif berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan. Penyampaian yang besar ini memerlukan perubahan perancangan (game change) dalam jentera pelaksanaan berbanding sistem pada masa sekarang.

Langkah-langkah dasar asas hanya akan berjaya dan berterusan dengan wujudnya agensi pelaksana yang berdedikasi yang disokong oleh mekanisme maklumbalas yang berkuasa untuk mengkaji dan menilai keberkesanan dasar-dasar tersebut. Mekanisme maklumbalas ini membolehkan pengubahsuaian intensiti dasar, penentuan keperluan langkah tambahan atau pengurusan situasi di luar jangka. Penyebaran maklumat daripada mekanisme pemantauan dan pelaporan yang telus juga sama kritikal dengan mempunyai unit pelaksanaan yang berkebolehan. Rakyat mestilah dimaklumkan mengenai kemajuan pencapaian objektif MBE dan matlamat NKEA bagi mengekalkan sokongan berterusan ke atas langkah pembaharuan yang berani. Kerajaan hendaklah tegar di dalam meneruskan landasan pelaksanaan dasar yang rumit dan berani dengan menguruskan tentangan secara terbuka daripada pihak berkepentingan dan gangguan sementara dalam ekonomi.

MPEN memberikan keutamaan kepada rangka kerja pelaksana yang ringkas seperti dijelaskan dalam perenggan sebelumnya bagi mencapai objektif MBE.

Kebanyakan langkah dasar MBE yang mendasari IPS akan direkabentuk dan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan terutama di peringkat Persekutuan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu kerajaan Negeri dan Tempatan juga akan turut terlibat. Sementara Kerajaan perlu meneruskan dengan keazaman, tindakan berani bagi menyokong PTE, ianya tidak dapat memikul transformasi ini dengan sendirinya. Kerajaan perlu melibatkan dan memanfaatkan segala cadangan dan pandangan berbeza daripada pihak sektor swasta dan rakyat termasuk :

- Industri
- Dewan dan Persatuan Perniagaan
- Usahawan
- Profesional
- Kesatuan
- Akademi
- Badan Pemikir
- Persatuan Pekerja
- Masyarakat Sivill
- NGO
- Entiti Politik

Kerajaan juga perlu memanfaatkan pengetahuan dan pemikiran agensi-agensi antarabangsa dan serantau, entiti dua hala dan kumpulan perniagaan antarabangsa.

7.2 DUA KOMPONEN : AGENSI PUSAT DAN LEMBAGA PENILAIAN BEBAS

Bagi mengekalkan momentum dan pemantauan impak langkah-langkah dasar MBE, dua (2) institusi berasingan perlu menjadi sebahagian dalam rangka kerja pelaksanaan.

Satu ialah agensi pusat yang diberikan mandat untuk menyelaras pembentukan rekabentuk langkah-langkah dasar, khususnya jika langkah-langkah bersifat jalinan merentasi beberapa agensi pelaksanaan. Badan pusat ini akan:

- i. Memantau dasar diatur dan disampaikan sepertimana yang dihasrat.
- ii. Melaporkan semula ke atas impak dan keberkesanannya.
- iii. Memastikan setiap program dan projek yang pelbagai menurut atau konsisten dengan amalan baik dan piawai global serta di antara satu sama lain.
- iv. Memperolehi maklumbalas bagi menyumbang kepada pengubahsuaian dasar dan langkah-langkah tambahan yang diperlukan.

Tugas agensi pusat ini akan dicerminkan dalam pengeluaran dan penyebaran laporan berkala (suku tahun dan tahunan) mengenai kemajuan pencapaian objektif PTK, NKEA, RMK-10 dan MBE. Adalah dijangkakan agensi pusat ini akan memperolehi maklumbalas serta berinteraksi dengan pihak berkepentingan yang sama seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini.

Institusi utama yang kedua ialah lembaga penilaian dan penafsiran yang bebas, di mana tugas utama adalah untuk menjalankan semakan mendalam bagi setiap dua (2) tahun sekali mengenai impak dan relevan terhadap langkah-langkah dasar yang digariskan dalam IPS ke arah mencapai objektif MBE.


Lembaga penilaian ini akan mempunyai terma rujukan spesifik. Lembaga ini akan dianggotai golongan profesional yang berpengalaman dan terkenal termasuklah bekas ahli-ahli dan penasihat MPEN. Lembaga ini ditubuhkan dalam tempoh tertentu (katakan tiga (3) bulan) bagi menjalankan penilaian dan menyediakan laporan. Keperluan maklumat dan data untuk penilaian akan ditakrifkan dalam terma rujukan lembaga bebas ini. Maklumat berkenaan tersebut akan dikumpul dan diteliti oleh agensi pusat untuk disampaikan kepada lembaga apabila penilaian dimulakan.

MPEN berbangga apabila memperhatikan dalam RMK-10, sebagai sebahagian inisiatif dasar untuk Transformasi Kerajaan bagi mentransformasi Malaysia, terdapat peruntukkan spesifik yang disasarkan kepada pengukuhan mekanisme untuk merekabentuk, pemantauan, pelaporan dan penyelarasan terhadap dasar-dasar yang diutarakan oleh PTK, PTE (NKEA/MBE) dan RMK-10 (Bab 1, halaman 31; Bab7, halaman 342-343). Satu pengarisan rapi fungsi-fungsi entiti ini, disokong oleh penilaian berkala oleh IEB seperti yang dinyatakan di atas mencukup bagi menyakinkan dasar transformasi akan dilaksanakan secara konsisten bagi mencapai matlamat MBE.

Dalam perkara ini, MPEN mengesyorkan cadangan berikut bagi menjadikan dan dasar pemantauan dan proses penilaian lebih berkesan (**Rajah 7.1**)

- Sepertimana yang dinyatakan dalam RMK-10, PEMANDU diberikan mandat sebagai agensi pusat untuk menyelaras, mereka dan merangka langkah-langkah dasar, memantau pelaksanaan dan menilai keberkesanan bagi tujuan cadangan langkah pemulihan jika perlu.
- Kerajaan perlu membuat peruntukan untuk menubuhkan lembaga penafsiran dan penilaian yang bebas (IEB). Tugas utama adalah untuk menjalankan kajian semakan strategik mendalam mengenai impak dan kerelevanan langkah-langkah dasar yang berasaskan IPS setiap dua (2) tahun.

Rajah 7.1 – Rangka Kerja Pelaksanaan



7.3 PERANAN PEMANDU SEBAGAI AGENSI PUSAT PELAKSANA

PEMANDU, sebagai agensi pusat akan menghadapi beberapa cabaran pelaksanaan termasuk:

- **Kekompleksan** – Perubahan pelaksanaan biasanya tidak mengikut proses yang logik atau teratur, namun ianya adalah satu aktiviti yang berpecah dan berbagai dimensi dalam skop dan turutan. Hasil daripada impak dan perubahan aktiviti-aktiviti ini tidak tentu dan boleh berubah dalam tempoh masa pelaksanaan.
- **Skop Organisasi** – Tanggungjawab dan bidang kuasa untuk pelbagai komponen program pelaksanaan diagihkan merentasi pelbagai entiti dalam pelbagai segmen ekonomi. Tidak akan terdapat satu organisasi yang bertanggungjawab untuk kesemua elemen pelaksanaan. Oleh itu, kejayaan sesuatu program bergantung kepada kerjasama dan sokongan bukan hanya bergantung ke atas cara perintah dan kawalan pengurusan yang tradisional.

- Amalan Terbaik dan Piawaian Global – Perlu mewujudkan satu unit institusi dalam PEMANDU yang berdedikasi untuk menyemak projek, program dan dasar selaras dengan amalan terbaik global. Ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan piawaian Lembaga Teras Stabiliti Kewangan G20 sebagai tanda aras dan semakan berterusan ke atas pelaksanaan dalam negeri. Dengan mengambil maklum bahwa tidak semua piawaian dapat dilaksanakan kerana pertimbangan domestik, unit ini perlu juga menarik perhatian pengubal dasar terhadap kekurangan dan mengapa perlu adanya had masa untuk menerimapakai piawaian global menjelang tahun 2020. Ini akan membantu kerja IEB sepertimana yang dibincangkan dalam bab ini.
- Impak – Impak program transformasi akan dirasai oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam bentuk berlainan. Akan wujud pihak yang menang dan pihak yang rugi. Walaupun pada akhirnya, semua akan mendapat manfaat daripada perubahan ini, tetapi dalam tempoh masa yang singkat juga terdapat segmen-segmen ekonomi yang akan rugi dan mereka akan menentang perubahan ini. Golongan yang berpandangan bahawa mereka akan rugi terdiri daripada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam status quo dan akan mengerakkan kuasa politik yang kuat untuk menentang sebarang perubahan.

Prinsip-prinsip utama yang berikut dapat menangani cabaran tersebut:

- Misi Bersepadu – Bagi menjayakan pelaksanaan memerlukan “kesatuan tujuan”. Semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses tersebut mesti mempunyai persepsi tersendiri dan menerimapakai matlamat dasar-dasar asas. Setiap organisasi dan individu mempunyai peranan spesifik dalam pelaksanaannya. Peranan tersebut hendaklah memenuhi secara objektif dan efektif. Fungsi PEMANDU hendaklah berdasarkan kerjasama misi berpusat dan model perkongsian maklumat bagi mengatasi cabaran besar ini. Unsur yang utama akan melibatkan program komunikasi berterusan bertujuan untuk mengurangkan halangan kepada perubahan dan mengerakkan sumber sokongan daripada golongan segmen ekonomi yang lain.
- Hasil dan Fokus Impak – Biasanya program kerajaan yang berskala besar termasuk model merealisasi feadah, bertujuan untuk mengukur kemajuan dan melapor status pelaksanaan aktiviti. Walau bagaimanapun, pada lazimnya, model-model ini menumpukan kepada keluaran projek atau program, bukan kepada hasil atau impak projek. Selaras dengan penekanan RMK-10, ke atas pendekatan berdasarkan hasil untuk perancangan, pengagihan sumber, pemantauan dan penilaian, PEMANDU perlu menumpukan kepada pencapaian hasil yang dihasratkan.
- Ketelusan dan Akauntabiliti – PTE bertujuan meningkatkan taraf hidup semua rakyat Malaysia. PTE telah diumumkan sebagai satu program transformasi secara menyeluruh serta terangkum yang memerlukan komitmen dan pengorbanan daripada sebahagian segmen rakyat. Oleh itu, adalah kritikal untuk melaksanakan dasar dalaman secara telus. Tanggungjawab, bidang kuasa dan akauntabiliti perlu ditugaskan dan disiarkan secara umum. Agensi dan individu yang ditugaskan untuk pelaksanaan adalah bertanggungjawab secara langsung kepada kepimpinan eksekutif Kerajaan, tetapi akhirnya kepada rakyat Malaysia. Oleh itu, proses pelaporan awam yang telus dan bebas perlu diwujudkan.
- Pemantauan dan Semakan Semula – Apabila bidang kuasa, tanggungjawab dan akauntabiliti bagi program pelaksanaan telah ditetapkan dan diumumkan, satu proses sistematik yang tegas dan teratur perlu diadakan untuk memantau kemajuan aktiviti serta penghasilan dan

impaknya. Hasil perlu disemak semula untuk menentukan keselarasan dengan matlamat yang dihasratkan. Fungsi pemantauan dan penyemakan perlu dijalankan secara dalaman dan juga oleh satu entiti bebas bagi menentukan ketepatan dan objektiviti.

Sepertimana dibincang di atas, terdapat beberapa aspek fungsi PEMANDU (**Rajah 7.2**) seperti:

- i. Menguruskan keseluruhan hala tuju strategik.
- ii. Memantau, menilai dan melapor pelaksanaan dasar.
- iii. Berinteraksi dengan agensi-agens pelaksana ke atas pengubalan dan mereka bentuk dasar.
- iv. Berinteraksi dan mengumpul maklumat untuk IEB.

Rajah 7.2 – Mengoperasikan Fungsi PEMANDU



7.3.1 Menguruskan Hala Tuju Strategik

PEMANDU hendaklah memastikan kepimpinan nasional kekal aktif dan komited kepada program transformasi ini yang akan menjadi tunjang kepada kejayaan pelaksanaan. Kepimpinan perlu komited dalam mengikuti pelaksanaan setiap langkah-langkah dasar. Tumpuan dan tenaga yang berterusan diperlukan daripada YAB Perdana Menteri yang dilihat sebagai arkitek utama dan penyokong terbesar transformasi ini. Semasa di peringkat merangka butiran program dan fasa pelaksanaan, usaha bersungguh-sungguh diperlukan untuk pembinaan muafakat dan mengatasi halangan. PEMANDU mesti mengembelengkan kepimpinan di setiap peringkat terutama semasa tempoh pelaksanaan apabila terdapat keperluan untuk penyesuaian dasar di mana kepimpinan nasional perlu membuat pertimbangan, persetujuan dan memberi sokongan yang berterusan.

7.3.2 Pemantauan dan Laporan

PEMANDU harus mewujudkan satu rangka penyelarasan peringkat tertinggi untuk semua inisiatif dasar bagi memantau tahap pelaksanaan, mengatasi apa jua halangan pelaksanaan, memantau keberhasilan, dan mencadangkan sebarang penyesuaian yang perlu. Perlu ada keupayaan untuk mengambil tanggung jawab melakukan fungsi pengurusan berprestasi tinggi bagi membantu memastikan pelaksanaan setiap komponen program adalah lancar dan dalam bajet. PEMANDU harus bertindak ke atas isu yang merentangi projek dan kebergantungan antara program serta berkomunikasi dengan agensi pelaksana yang merentangi pasukan projek. Semasa memantau dan menyelaras aktiviti merentangi institusi yang berkaitan dan pihak yang berkepentingan, satu fungsi utama ialah tanggung jawab mengumpul dan merekod dalam sistem yang sesuai, data primer dan maklumat lain yang berkaitan mengenai kemajuan program atau halangan yang akan dimuatkan dalam laporan kemajuan program dan untuk tujuan penilaian dalaman.

7.3.3 Penggubalan dan Pembentukan Dasar

PEMANDU perlu mempunyai satu mekanisma yang cekap untuk berinteraksi dengan agensi pelaksana dalam menggubal dan membentuk setiap inisiatif dasar, terutamanya jika dasar tersebut merentasi agensi pelaksana untuk mengenal pasti pertindihan atau keperluan integrasi. Oleh itu PEMANDU perlu mempunyai kuasa eksekutif untuk mengagih tanggungjawab pelaksanaan di kalangan agensi pelaksana, dan mengagih sumber manusia, kewangan dan bahan-bahan kepada inisiatif pelaksanaan. Bila keputusan dasar dibuat oleh kepimpinan Negara, PEMANDU bersama dengan agensi pelaksana akan menterjemahkannya kepada komponen program dan mengagihkan untuk pelaksanaan. Perhatian perlu diberi kepada keperluan regulatori, organisasi, sumber kewangan dan jangka masa. **Jadual 7.1** meringkaskan proses ini.

Jadual 7.1 – Keperluan Proses Pelaksanaan

Kategori	Proses
Regulatori	Perubahan kepada undang-undang, peraturan, arahan dll segera digubal oleh pihak berkuasa yang berkaitan mengikut peraturan dan jangka masa yang sedia ada
Organisasi	Rangka organisasi dan aktiviti yang khusus ditetapkan untuk setiap langkah dasar (pelan pelaksanaan), yang akan memerlukan penggubalan yang lebih terperinci oleh agensi pelaksana. Institusi baru, jika perlu akan ditubuhkan, atau perubahan ke atas struktur institusi sedia ada dibuat, dan tanggungjawab serta kebertanggungjawaban ditentukan.
Sumber Kewangan	Kesan ke atas aliran hasil dan perbelanjaan dinilai, bajet diperuntukkan kepada institusi dan program
Program	Memastikan program dan projek yang telah ditetapkan dibawah inisiatif dasar dilaksana mengikut jadual dan sumber yang diperuntukkan.

7.3.4 Hubungan Dengan Lembaga Penilaian Bebas (IEB)

PEMANDU akan menyelaras dan berinteraksi dengan IEB. Tanggungjawab PEMANDU akan meliputi pengumpulan maklumat yang diperlukan oleh penilaian strategik yang bebas dan proses penilaian impak.

7.4 FUNGSI LEMBAGA PENILAIAN BEBAS (IEB)

Jentera Kerajaan, melalui PEMANDU, akan menjadi penggerak utama pelaksanaan program dan akan menjalankan pemantauan dan penilaian kemajuan programnya sendiri, terutama menumpu kepada penyampaian dan impak langkah dasar.

Pada masa yang sama, IEB akan menjalankan kajian strategik yang bebas ke atas impak, kejayaan dan ketepatan dasar IPS di bawah program transformasi. Kajian ini akan menilai kadar pelaksanaan, dan pencapaian matlamat MBE. Beberapa penyelidikan dan analisis khusus mungkin perlu untuk membantu kajian tersebut, dan ini akan ditentukan oleh penilai bebas. Kajian ini juga akan meliputi cadangan untuk mengubahsuai dasar atau menambah dasar baru berikutan perkembangan yang tidak dijangka hasil dari penyelidikan tersebut. Pada natijahnya, kajian strategik bebas ini ialah mekanisma maklum balas yang berkesan seperti yang dibentangkan dalam Laporan MBE pada Mac 2010.

Bagi memastikan kebebasan dan keunggulan yang berterusan, IEB seharusnya bertanggungjawab kepada pihak berkepentingan yang luas – rakyat Malaysia. Sebenarnya, IEB ini ialah mata dan telinga rakyat ke atas program transformasi bagi memastikan ianya sentiasa selaras dengan matlamat strategiknya. Oleh itu ianya perlu beroperasi secara telus dan menerbitkan penemuan dan cadangannya melalui saluran bebas. Aspek utama IEB diterangkan dalam **Kotak 7.1**.

Kotak 7.1 – Terma Rujukan untuk Lembaga Penilaian Bebas (IEB)

Deskripsi, Tujuan dan Skop

1. Menyediakan maklumat, analisis dan nasihat bebas kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia mengenai langkah strategik untuk mencapai matlamat MBE iaitu pendapatan tinggi, keterangkum dan kemampanan.
2. Mengkaji dan menilai dasar, inisiatif dan langkah transformasi oleh Kerajaan Malaysia dalam suasana ekonomi semasa setiap dua tahun; dan dalam proses tersebut mencadangkan dasar baru atau mengubahsuai dasar jika perlu – menerbitkan pandangan, penemuan dan cadangan dalam Laporan Keberhasilan dan Impak PTE.
3. Merujuk dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan bila perlu.

Penubuhan IEB

1. Ditubuhkan oleh dan melapor kepada Perdana Menteri untuk satu tempoh sehingga tahun 2020 dengan peruntukan untuk disambung selepas tahun 2020.
2. Peruntukan IEB perlu menerangkan dengan jelas kuasa, peranan dan tanggungjawabnya.
3. Sebagai badan bebas IEB perlu disediakan bajet tersendiri.

4. IEB harus memulakan penilaian pertamanya tidak lewat daripada September 2011. Pengerusi dan ahli IEB lain seharusnya dilantik pada awal September 2011 untuk membangunkan satu program kerja, termasuk mengatur penyediaan untuk penilaian kedua pada tahun 2013
5. Program kerja IEB akan disediakan dengan kerjasama UPE, yang juga akan membantu IEB bila perlu.

Kelayakan Ahli IEB

1. Tidak melebihi enam ahli yang seharusnya:
 - Pakar ekonomi yang berpengalaman dalam akademia, pakar rujuk atau organisasi antarabangsa;
 - Mempunyai pengalaman luas dalam kerajaan, seeloknya bekas pegawai kanan. atau
 - Mempunyai pengalaman sebagai pemimpin tertinggi dalam perniagaan.
2. Kefahaman mendalam mengenai MBE seperti digariskan dalam PTE, NKEA, RMK-10, RMK-11 dan PTK yang berkaitan.
3. Mempunyai kefahaman mendalam suasana sosio-politik dan ekonomi Malaysia.
4. Ahli Lembaga awal akan dilantik oleh Perdana Menteri dengan tempoh yang berlainan. Ahli seterusnya akan dicadangkan oleh IEB. Ahli IEB tidak boleh berkhidmat lebih dari tiga kitaran penilaian.
5. IEB akan mengandungi ahli ex-officio daripada seorang pegawai kanan dari UPE dan PEMANDU.

Pencapaian Utama

1. Menerbit, setiap dua tahun, Laporan Keberhasilan dan Impak PTE. Laporan ini akan menilai suasana ekonomi berhubung dengan matlamat MBE, menilai kemajuan sejak penilaian terakhir, mengkaji semula inisiatif semasa atau cadangan tambahan berpandukan IPS, mencadangkan perubahan dasar atau dasar tambahan, menilai risiko dan merangka skop untuk membantu penilaian berikutnya.

Maklumat Penting Untuk Disediakan oleh PEMANDU Kepada IEB:

1. Maklumat inisiatif dasar yang tidak berkaitan dengan IPS MBE dan langkah lain yang dirangka dan dilaksana oleh PEMANDU dan agensi pelaksana.
2. Maklumat perlu disediakan pada tarikh mengikut jadual yang ditetapkan dalam program kerja IBS.
3. Pada peringkat minimumnya, maklumat mengenai setiap inisiatif dasar seharusnya meliputi:
 - a. Tinjauan ke atas rasional setiap inisiatif dasar dan risiko jika tidak melaksanakannya.
 - b. Penerangan lengkap langkah dasar serta ubahsuai yang telah dibuat.
 - c. Pemangkin dan halangan kepada langkah dasar.
 - d. Impak dan hasil yang dikehendaki daripada langkah dasar dan kesejajarannya dengan matlamat MBE. Penilaian pihak berkepentingan – maklum balas dan jenis rintangan yang dihadapi.
4. Maklumat lain yang diperlukan oleh IEB

BAB

8

**DARIPADA
VISI KEPADA
KEBERHASILAN**

8 DARIPADA VISI KEPADA KEBERHASILAN

Tindakan dan langkah dasar yang dicadang dan diterangkan dalam laporan ini merupakan rangka komponen utama Program Transformasi Ekonomi Malaysia (PTE). MBE, yang digariskan oleh rangka kasar hala tuju dasar dalam laporan pertama MPEN serta langkah Inisiatif Pembaharuan Strategik yang diterangkan dalam laporan ini, menyediakan rangka dasar berfokus, dan bersama dengan NKRA yang baru disiapkan, adalah merupakan tunjang kepada PTE. PTE, PTK yang sedang dilaksanakan, serta program dan projek yang selari dalam RMK-10 melengkapkan sepenuhnya rangka program transformasi negara di bawah 1Malaysia yang akan melonjak Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Pelaksanaan yang berkesan dan mengikut jadual ke atas langkah dasar IPS yang diterangkan dalam laporan ini akan memastikan pencapaian matlamat bagi setiap tujuan strategik: memacu pelaburan, memastikan tenaga kerja berkualiti, mentransformasi kerajaan, dan merapatkan jurang dalam ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, rangka dan rancangan yang terbaik, berdasarkan harapan paling murni, adalah tidak bermakna melainkan jika tindakan diambil dan keberhasilannya dicapai. Sementara NKEA bertumpu kepada sektor dan industri yang akan memacu pertumbuhan ekonomi, inisiatif ini akan berhadapan dengan halangan dan rintangan yang sama seperti yang dihadapi sebelum ini melainkan jika asasnya dalam bentuk IPS MBE dilaksanakan serentak. Juga IPS berhubung kait antara satu sama lain dan perlu dilaksanakan secara holistik dan menyeluruh.

Dengan lengkapnya rangka transformasi, tumpuan, tenaga dan usaha negara perlu dialih dengan segera kepada cabaran pelaksanaan. Masa adalah kritikal. Sejak merdeka, Malaysia telah berjaya membina jenama dikenali di peringkat global sebagai destinasi pelaburan dan hab perniagaan. Melindungi dan memupuk jenama tersebut adalah lebih senang berbanding membangun semula jika kehakisan sekarang berterusan dan kita diatasi oleh pesaing kita.

Memandangkan tahap dan skop transformasi, komitmen negara sepenuhnya sangat diperlukan di peringkat kepimpinan, organisasi dan individu. Perdana Menteri telah menzahirkan komitmennya dengan menerima dan memperkenalkan MBE dan menyediakan sumber yang banyak untuk pembangunan IPS dan NKEA. Komitmen kerajaan yang berterusan dapat dilihat melalui penyediaan dan pembentangan langkah awal "Tolakan Besar", iaitu sekumpulan langkah dasar penting yang diterangkan dalam laporan ini untuk dilaksanakan segera. Terpenting antara langkah tersebut ialah jaringan keselamatan sosial dan langkah perlindungan lain dirangka untuk menyerap impak perubahan ke atas golongan yang sangat terjejas.

Bila program diperkenalkan, adalah menjadi tanggung jawab agensi pelaksana kerajaan, syarikat dan perniagaan dalam negara, dan setiap individu untuk memainkan peranan mereka. PEAMNDU telah diberi peranan penting sebagai penyelaras induk, mengurus, dan agensi pemantau untuk program transformasi negara. Ia akan bekerjasama dengan banyak agensi kerajaan yang bertanggung jawab untuk melaksana langkah dasar yang khusus. Untuk PEMANDU dan agensi lain, peranan mereka adalah jelas. Mereka perlu melaksanakan tugas mereka secara fokus, teratur dan berkesan. Perkara ini sebenarnya adalah peranan asal mereka. Sektor swasta, walaupun pada hakikatnya, didorong oleh motif mendapat untung dan kepentingan diri, transformasi yang dirangka memerlukan perhatian kepada kebaikan untuk semua dan kepentingan komuniti yang lebih luas. Perniagaan dalam beberapa bidang harus bersedia untuk membuat sedikit pengorbanan. Pada peringkat individu, setiap rakyat Negara tercinta ini, tanpa

mengira bangsa, kaum, ugama atau jantina, perlu melihat menjangkau apa yang membezakan mereka, sebaliknya menumpu kepada kepentingan bersama, dan bersama berusaha ke arah mencapai kejayaan transformasi dan kemakmuran bersama.

LAMPIRAN

A

**DASAR BAGI
SEKTOR E&E**

LAMPIRAN A: DASAR BAGI SEKTOR E&E

Sektor E&E merupakan kunci utama ekonomi Malaysia, menyumbangkan sebanyak RM288 billion dalam eksport pada 2007, yang mana 61% terdiri daripada eksport pembuatan dan 47% eksport kasar negara. Ini merupakan penyumbang terbesar sektor pembuatan (lebih 33% daripada output) dan mengaji lebih daripada 500,000 pekerja atau 5% daripada tenaga kerja dalam negara. Kebanyakan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan pada sepanjang 10 tahun lepas telah beralih ke sektor E&E.

Satu fakta ciri yang membezakan sektor E&E ialah sektor ini yang didorong sepenuhnya oleh sektor swasta, adalah bersifat global dan berasaskan teknologi tinggi. Ketika kerajaan setakat ini memfokuskan terhadap syarikat individu dan keperluan mereka, adalah sangat perlu untuk melihat kepada syarikat-syarikat ini sebagai satu ekosistem platform teknologi dan memahami bagaimana aktiviti-aktiviti ekonomi ini boleh diperluaskan, disepadukan dan berhubungkait dengan ekonomi tempatan.

Industri ini didominasi oleh syarikat-syarikat MNC asing. Peranan syarikat tempatan adalah sangat terbatas terhadap vendor, pembekal atau pensusmeran luar. Meskipun sektor ini telah berada di Malaysia lebih daripada 35 tahun, tiada satu pun syarikat Malaysia yang disanjung di peringkat antarabangsa dalam bidang ini. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, sejak kos buruh mahir meningkat atau cukai insentif diluputkan, syarikat MNC telah mencari kawasan lain saingan kita. Walaupun mereka terus tumbuh dan teguh di Malaysia, terdapat kemungkinan besar bahawa jika persekitaran operasi tidak kondusif, maka kebanyakan aktiviti nilai tambah tinggi akan dipindahkan ke lokasi lain.

Sebaliknya, pembangunan persekitaran yang betul (contohnya teknologi dan pengkelompokan produk) akan mempromosikan pertumbuhan kuantitatif dan kualitatif syarikat-syarikat ini, dan meneguhkan integrasi ke dalam ekonomi tempatan. Sektor E&E tersebar mengikut kawasan geografi meliputi empat (4) kluster iaitu, Koridor Pulau Pinang/Kulim, Lembah Kelang, daerah Johor dan kilang fabrikasi di Kuching.

Tidak terdapat mana-mana agensi kerajaan yang membangunkan sektor E&E dengan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana untuk memanfaatkan kemunculan industri berasaskan pengetahuan yang penting di Malaysia dan untuk membina satu ekosistem inovasi dan pertumbuhan pendapatan baru. Kekurangan bakat sentiasa dan terus diperkatakan sebagai faktor halangan utama kepada pertumbuhan sektor E&E dan perlu ditangani segera jika Malaysia ingin kekal relevan dalam rangkaian penawaran global E&E masa depan. Tanpa kakitangan berkelulusan dan mahir yang sesuai dalam bidang kejuruteraan dan berkaitan, syarikat-syarikat tidak mampu untuk merubah daripada pembuatan berskala tinggi kepada berskala rendah dengan gabungan tinggi dengan produk bernilai tinggi.

Cadangan- cadangan

Wujudkan agensi satu tingkap atau satu agensi yang bertanggungjawab untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan sektor E&E. Agensi ini mesti diperkasakan dan dipertanggungjawabkan untuk semua insentif, geran dan pelaksanaan dasar dalam sektor E&E. MIDA telah dikenalpasti sebagai agensi berpotensi.

Ini akan dilengkapi dengan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan (CEE) baru yang berhasrat untuk menyediakan satu kawasan subur untuk mengongsi kepakaran di antara sektor swasta dan para akademik supaya dapat membangunkan modal insan sesuai yang amat diperlukan dalam sektor E&E dengan segera. Kerjasama antara USM dan Institut Teknologi India (IIT) telah ditubuhkan sebagai alat untuk inisiatif ini.

Wujudnya dasar perolehan kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat integrasi teknologi produk untuk menggunakan Malaysia sebagai “tempat-ujian” untuk barangan dan perkhidmatan berbeza dan meransang reka bentuk dan pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang meningkatkan nilai tambah dan eksport Malaysia. Dalam konteks ini, satu penekanan terhadap alat-alat penjimatan tenaga, teknologi hijau, amalan pembuatan mampan akan membuka segmen pasaran dan peluang-peluang baru serantau.

Menggalakkan penubuhan institusi berbentuk ‘Asset-Light’⁶ untuk meningkatkan pembangunan pendekatan ‘Asset Light’ sektor E&E. Inisiatif-inisiatif ini dapat membantu mengurangkan halangan-halangan daripada bergerak ke dalam aktiviti nilai tambah tinggi. Menubuhkan institusi berbentuk ‘Asset-Light’ memerlukan kemudahan pengeluaran E&E dibina dan disewa kepada firma, membenarkan mereka menyalurkan sumber-sumber terhadap mereka kepada modal bekerja. Inisiatif ini perlu didorong oleh sektor swasta dengan penggalakan kerajaan melalui pelbagai insentif.

¹ Kurang pergantungan ke atas harta fizikal yang akan menghadapi susutnilai selepas sesuatu jangka masa

LAMPIRAN

B


**DASAR UNTUK
SEKTOR MINYAK
KELAPA SAWIT**

LAMPIRAN B: DASAR UNTUK SEKTOR MINYAK KELAPA SAWIT

Lanskap industri minyak kelapa sawit telah mengalami perubahan drastik sejak permulaannya dalam kurun kesembilan belas dan kedua puluh. Aplikasi minyak kelapa sawit hari ini telah berkembang daripada sekadar pelincir, sabun dan minyak masak kepada produk oleokemikal, bahan api bio dan produk lemak khusus. Dengan aplikasi baru ini juga telah bercambah banyak industri berkaitan yang pesat membangun di dalam segmen hiliran.

Bermula hanya 2% daripada hasil keseluruhan sektor pertanian Malaysia, kini industri ini menyumbang 3.3% kepada KDNK negara. Manfaat sosio-ekonomi industri ini termasuklah peluang pekerjaan bagi lebih daripada 600,000 pekerja dan sebagai alat utama untuk membasmi kemiskinan di luar bandar.

Rajah B1: Sejarah Industri Minyak Sawit Malaysia




Malaysia mempunyai kelebihan daya saing berbanding dengan banyak negara lain dari segi industri minyak kelapa sawit. Industri minyak kelapa sawit yang diperdagangkan semenjak 1960an membolehkan Malaysia memperolehi kelebihan “first-mover” dari segi kepakaran dan kemajuan teknologi berbanding dengan negara lain yang lewat berkecimpung dalam industri ini (**Rajah B1**). Kini, industri minyak kelapa sawit berada di persimpangan. Walaupun Malaysia merupakan salah satu daripada pengeluar minyak kelapa sawit terbesar dunia, kita berhadapan dengan risiko kehilangan kelebihan daya saing kepada pengeluar lain di Asia, Afrika dan Amerika Selatan. Penanaman kelapa sawit di Malaysia kelihatan sudah berakhir kerana tanah yang sesuai untuk bercucuk-tanam semakin berkurangan. Kekurangan tenaga kerja dan kos pengeluaran yang meningkat lebih cepat berbanding dengan negara pengeluar lain juga antara faktor meruncingnya risiko ini.

Sekiranya Malaysia ingin mendapat semula kelebihan daya saingnya dalam industri minyak kelapa sawit, ia perlu:

- Meningkatkan penyelidikan & pembangunan (P&P) sebagai pemacu bagi bukan hanya teknologi dan inovasi malah pembangunan modal insan mahir dalam segmen hulu dan hiliran.
- Meningkatkan sumbangan pekebun kecil yang memiliki hampir 40% kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit.
- Menganjak ke produk bernilai tambahan tinggi dalam segmen hiliran.

Peladang kelapa sawit di Malaysia membayar ses sebanyak RM15 bagi setiap tan kepada agensi P&P, Lembaga MInyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk membiayai program penyelidikan dan sebagai sumbangan bagi tabung penyelarasan harga kelapa sawit. Sebahagian besar tabung ini masih belum terusik dan mungkin lebih baik dimanfaatkan bagi tujuan lain demi kebaikan industri (**Rajah B2**). Tumpuan pada usaha untuk memenuhi keperluan P&P industri amat diperlukan terutamanya dalam aspek mekanisasi dan peningkatan produktiviti.


Rajah B2: Dana Tidak Diguna di MPOB



Sumber: Laporan tahunan MPOB

Syarikat di segmen hiliran mendapatinya sukar untuk beralih ke produk bernilai tambahan tinggi seperti derivatif oleokemikal atau produk sawit berjenama/dipesan secara khusus (**Rajah B3**).


Rajah B3: Industri Hiliran Kebanyakannya Menghasilkan Produk Bernilai Tambahan Rendah



Sumber: Frost & Sullivan, Mei 2010

Produktiviti pekebun kecil jauh lebih rendah daripada paras komersil disebabkan oleh kurangnya kemahiran dalam pengurusan, pengetahuan teknologi dan kekangan kewangan. Kebanyakan isu R&D di kalangan pekebun kecil telah dikenalpasti di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menyarankan agar cadangan penyelesaian diperluaskan (**Rajah B4**). P&P bagi mekanisasi dan penyelidikan benih biotek (sebagai contoh genome) boleh membantu meningkatkan produktiviti dalam jangka masa pendek dan panjang.

Rajah B4: Langkah-langkah Polisi dalam RMK-10 dan Langkah-langkah Tambahan dalam MBE



Source: 10MP

Perkongsian niaga dengan syarikat-syarikat asing boleh membantu menarik pelaburan langsung ke pusat inovasi, loji penapisan pemprosesan dan makmal pembangunan produk di Malaysia, yang kemudiannya akan menarik minat kedua-dua bakat mahir asing dan tempatan. Dana tidak diguna di bawah MPOB sepatutnya disalurkan kepada institusi P&P swasta untuk membiayai projek-projek tambah nilai spesifik. Malah, Malaysia sepatutnya dipromosikan sebagai hab global bagi minyak boleh makan. Menarik syarikat-syarikat produk pengguna asing seperti Unilever atau Nestle agar mempunyai operasi di Malaysia merupakan satu langkah pertama ke arah itu. Industri hiliran perlu mencari secara aktif kerjasama niaga yang erat dengan jenama pengguna bagi pembangunan produk atau P&P. Penglibatan Kerajaan juga perlu melalui insentif yang sesuai dan pelbagai inisiatif galakan agar syarikat-syarikat tempatan melabur dalam loji penapisan, inovasi dan pusat P&P.

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

MAJLIS PENASIHAT EKONOMI NEGARA (MPEN)

Tan Sri Amirsham A. Aziz	Pengerusi
Tan Sri Datuk Seri Panglima Andrew Sheng	Ahli
Prof. Tan Sri Dzul kifli Abdul Razak	Ahli
Prof. Dr Danny Quah	Ahli
Datuk Dr Hamzah Kassim	Ahli
Dr Homi J. Kharas	Ahli
Datuk Dr Mahani Zainal Abidin	Ahli
Datuk Nicholas S. Zefferys	Ahli
Dr Yukon Huang	Ahli
Datuk Dr Zainal Aznam Mohd Yusof	Ahli
Prof. Dato' Norma Mansor	Setiausaha

PENASIHAT MPEN / SEKRETARIAT

Dato' Latifah Merican Cheong	Suruhanjaya Sekuriti
Dato' Noriyah Ahmad	Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Dr Nungsari Ahmad Radhi	Khazanah Nasional Berhad
Prof. Tan Eu Chye	Universiti Malaya
Lee Chee Sung	
Tong Yee Siong	
Mary Artylan Fernandez	
Mohamad Johan Mohd Shahar	
Roshan Jaffar	
Datuk Ghazali Mohd Yusof	
Wan Azrain Wan Adnan	
Ahmad Zuhairi Muzakir	
Siti Mariam Abdul	
Dr N. Danaraj	
James Anak Mathew Lidi	
Yassif Nagim Mustapha	
G. Jeevakumar	
Liew San Yee	
Nur Farhana Md. Marzuki	
Syaheeda Hasbullah	
Norafidah Nordin	

KUMPULAN KERJA A – TRANSFORMASI SEKTOR SWASTA

Datuk Latifah Merican Cheong	Suruhanjaya Sekuriti
Dr Farid Mohamed Sani	Khazanah Nasional Berhad
Dr Kwek Kian Teng	Universiti Malaya (UM)
Dr Rozali Mohamed Ali	Institut Strategik and Pengajian Antarabangsa
Dr Shariman Alwani	Sime Darby Berhad

Dr Fadhlullah Suhaimi Abd Malek	Telekom Malaysia Bhd
Dr Nungsari Ahmad Radhi	Khazanah Nasional Berhad
Afzal Abdul Rahim	Time.com
Anisa Muzaffar	United Nations Development Programme (UNDP)
Azman Mahmud	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
Chooi Yew Vern	Sime Darby Berhad
Choong Cheng Wei	
Gopalan Govinda	Khazanah Nasional Berhad
Gurmit Singh	CETDEM
Hamdan Abdul Majeed	Khazanah Nasional Berhad
Iskandar Alam Zainal	Sime Darby Berhad
Joseph D'Cruz	UNDP
Lee Chai Kim	Suruhanjaya Sekuriti
Niny Khor	Bank Pembangunan Asian
Raj Balendra	Universiti Strathclyde
Sharon Hariharan	Khazanah Nasional Berhad
Shermaine Ng Kye Shuen	
Susheila McCoy	Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia
Yim Jian Leon	
Zahirah Fairuz Zahari	Suruhanjaya Sekuriti

KUMPULAN KERJA B – TENAGA KERJA DAN BERASASKAN PENGETAHUAN

Tan Sri Prof Sharifah Hapsah	Universiti Kebangsaan Malaysia
Dato' Abdul Hadi Othman	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Dato' Dr Mohd. Irwan Serigar Abdullah	Kementerian Kewangan
Dato' Hj. Imran Idris	Kementerian Pengajian Tinggi
Dato' Iskandar Mizal Mahmood	Biotechcorp
Dato' Nik Zainah	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Dato' Prof. Joseph Adaikalam	Kolej Universiti Binary
Dato' R. Segarajah	Kementerian Sumber Manusia (KSM)
Dato' Dr Sarifah Zarah Syed Ahmad	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Datuk Ariffin Aton	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Datin Sunita Rajakumar	Artisan Encipta
Prof. Emiretus Dato' Dr Zakri Abdul Hamid	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Prof. Dr Suresh Narayanan	Universiti Sains Malaysia
Abdul Prof. Dr Rahmah Mohamed	Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof Mahendhiran S. Nair	Universiti Monash
Prof. Asma Ismail	Universiti Sains Malaysia
Prof. Kanayathu C.Koshy	Universiti Sains Malaysia
Dr Mohd Gazali Abas	Unit Perancang Ekonomi
Dr Mohd Nordin Asudalli	SME Corporation Malaysia
Dr Ng Sing Kwei	Innovation Xchange Malaysia

Dr Zainal Abidin Mohd. Yusof	SIRIM Berhad
Tuan Hj. Abdul Rahim	Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tuan Hj. Ahmad Tajuddin Carrim	Felda Berhad
Aziz Abdul Kadir	MIMOS Berhad
Abdul Rahim Yusoff	Perbadanan Produktiviti Malaysia
Abdullah Abdul Hamid	SIRIM Berhad
Ahmad Helmi Abdul Halim	MIMOS Berhad
Ahmad Ikram Abdullah	ExxonMobil Malaysia
Ahmad Zeffrey	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Alagasan Gadigaselam	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Ali Badaruddin Abd. Kadir	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Amir Ahmad Hassan	SME Corporation Malaysia
Amir Omar	Kementerian Sumber Manusia
Amirnuddin Mazlan	Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)
Asri Abdul Rahman	Kementerian Sumber Manusia
Azizah Arifin	Kementerian Sumber Manusia
Azman Hussein	Khazanah Nasional Berhad
Baharudin Bedol	Kementerian Sumber Manusia
C.J. Ang	PIKOM
D. Harmen	MECA
David Khor	MIMOS Berhad
Davies Danavaindran	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
Fatimah Merican	ExxonMobil Malaysia
Fozian Ismail	SME Corporation Malaysia
Fred Low	Perbadanan Produktiviti Malaysia
Fui.K Soong	Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia
Goh Seng Wing	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)
Hasannudin Saidin	Innovation Xchange Malaysia
Hasnah Ismail	Proton Holding Berhad
Hathija Bebe Abdul Majeed	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Hema Thiruchelvam	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia
Hj. Shamsuddin Bardan	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
Hjh Rashidah Hassan	Kementerian Pelajaran Malaysia
Hjh. Azizah Hj. Talib	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
Izhar Hifnei Ismail	Universiti Sains Malaysia
J. Palaniappan	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia
Kamaldin Nordin	Motorola University
Kua Abun	Kementerian Sumber Manusia
Lee Yoke Wan	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
Lim Kah Cheng	Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)
Lokman Baharuddin	ExxonMobil Malaysia
Marziah Mokhtar	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Mayzatul Azidah	Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)
Michelle Lee	ExxonMobil Malaysia

Misrun Timin	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Mohamad Bin Audong	Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA)
Mohamad bin Yaacob	Kementerian Sumber Manusia
Mohamad Kamal Nawawi	Khazanah Nasional Berhad
Mohamad Sulaiman	Kementerian Sumber Manusia
Mohd Azlan Shah Che Ahmad	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Mohd Razali Hussain	Perbadanan Produktiviti Malaysia
Mohd Zakri Baharudin	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
Mohd. Saad Hashim	
Mohd. Zanal Dirin	Kementerian Pelajaran Malaysia
Mohlis Jaafar	Kementerian Pengajian Tinggi
Muhammad Ghazali Abd Aziz	Tabung Pembangunan Sumber Manusia
Mustafar Maarof	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
Nadiah T.	Microsoft
Napiah Haris	Kementerian Sumber Manusia
Naza Idris Saadon	Kementerian Pelajaran
Nik Mustafa Nik Mohd	Unilever
Nor Liza Muhammad Yusof	Tabung Pembangunan Sumber Manusia
Norhalim Yunus	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)
Ooi Seong Hoe	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Ou Shian Waei	IBM Malaysia Sdn Bhd
Pang Chau Leong	Kementerian Sumber Manusia
Rashidan Shah Abdul Rahim	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)
Razif Abdul Aziz	Biotechcorp
S.H. Wong	Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia
Shahnaz Al-Sadat	Khazanah Nasional Berhad
Shahuren Ismail	Perbadanan Produktiviti Malaysia
Shaifubahrim Saleh	Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia
Sofinar Abdul Halim	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia
Suhaimi Hamzah	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Sukiman Mohamed	ExxonMobil Malaysia
Sulaiman Ismail	Kementerian Sumber Manusia
T Balasubramaniam	Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI)
Vivekandan	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
Wan Zaharah Wan Mohamad	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Yap Teck Seng	Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia
Zailan Ahmad	UMW Corporation

KUMPULAN KERJA C – TRANSFORMASI SEKTOR AWAM DAN FISKAL

Tan Sri Othman Rijal	Kementerian Kewangan
Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Datuk Farida Mohd. Ali	Jabatan Perkhidmatan Awam
Datuk Halipah Esa	Unit Perancang Ekonomi

Datuk Jalilah Baba	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
Datuk John Xavier	Jabatan Perkhidmatan Awam
Datuk R. Karunakaran	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
Datuk V. Danabalan	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Dato' Kamariah bt Hussain	Panel Kajian Semula Cukai, Kementerian Kewangan
Dato' Siti Halimah bt Ismail	Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan
Dato' Fauziah bt Yaacob	Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan
YM Raja Noor Zaedah Raja Ahmad	Jabatan Perkhidmatan Awam
Dato' Nik Zainiah Nik Abd Rahman	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Dr Sundaran Ananamalai	Kementerian Kewangan
Dr Zulkefli Bin Ibrahim	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Dr Albert Zuefack	Khazanah Nasional Berhad
Dr George Patrick@ Marimuthu Thomas	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Tuan Hj Abdul Rahim Md Noor	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Tuan Hj. Mohd Razali Hussain	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Abdul Latif Abu Seman	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Allauddin bin Annuar	Seksyen Makro, Unit Perancang Ekonomi
Azlin Lee Abdulah	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Azman Mahmud	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
Bahria Mohd Tamil	PEMUDAH
Gunaseelen Kunjan	Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan
Jason Leong	Paddy Schubert Sdn Bhd
Leonard Wilfred Yussin	Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastan, Kementerian Kewangan
Lim Gaik Hwa	Panel Kajian Semula Cukai, Kementerian Kewangan
Mardziah Musir	Panel Kajian Semula Cukai, Kementerian Kewangan
Md Saad Hashim	Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan
Md Taufiq bin Md Ralip	Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan
Mohd Fauzi bin Mustafa	Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan
Mohd Khairul Annuar Osman	Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan
Muhammad Harzi Shah bin Paruddin	Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan
Muhammad Shahidullah Shayaa	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)
Nik Azman Nik Abdul Majid	Seksyen Makro, Unit Perancang Ekonomi
Nik Noraini	Jabatan Perkhidmatan Awam
Noraini Ahmad	Seksyen Makro, Unit Perancang Ekonomi
Rosanizi Ahmad	Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan
Sakaya Johns Rani	Pricewaterhouse Coopers
Steward J. Forbes	Malaysian International Chamber of Commerce
Thurga	Kementerian Kewangan
Veerinder Jeet Singh	Tax consultant
Yong Bun Fou	Bahagian Analisa Cukai, Kementerian Kewangan

KUMPULAN KERJA D – TINDAKAN AFIRMATIF

Datuk Seri Idris Jusoh	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
Datuk Mat Noor Nawi	Unit Perancang Ekonomi
Datuk David Chua	Persatuan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCCIM)
Datuk Dr Denison Jayasuria	Institut Pengajian Etnik, UKM
Datuk Mohamed Dahan Abd Latiff	Tabung Amanah Muhibah
Prof. Jayun Anak Jawan	Universiti Putra Malaysia
Dr Pang Teck Wai	POIC Sabah Sdn Bhd
Rita Sim Sai Hoon	Institute of Strategic Analysis & Policy Research

PENULIS-PENULIS

Datuk Rafiah Binti Salim	Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)
Prof. Dr Jamal Othman	Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof. Dr Nik Rosnah Binti Wan Abdullah	Universiti Malaya
Prof. Dr Radiah Binti Abdul Kader	Universiti Malaya
Prof. Sieh Lee Mei Ling	Universiti Malaya
Prof. Madya. Mohammed Halib Bin Halim	Universiti Teknologi Petronas
Prof. Dr Shad Saleem Faruqi	Universiti Teknologi Mara
Aishara Bt Abdul Rahim	
Badrul Hisam Bin Abdul Karim	
Amirul Baharom	KAM Investment Ltd
Mujab Bin Sungib	
Liew Kim Yuen	
Mohd Sani Bin Mohd Ismail	
Thakurdas Naraindas	
Prakash Kannan	

PENGHARGAAN KHAS KEPADA

Ketua Hakim Negara
Ketua Setiausaha Negara
Tan Sri Ramli Ngah Talib, Bekas Yang Dipertua Dewan Rakyat
Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (UPE)
Ketua Pengarah, Unit Pelaksanaan dan Pemantauan (ICU)
Jabatan Audit Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Hubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Undang-Undang, SHELL Malaysia
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) Unit, ICU

SENARAI TAKLIMAT UTAMA

SENARAI TAKLIMAT/DIALOG UTAMA

TARIKH	PROGRAM	PENGANJUR
1 April 2010	Seminar mengenai MBE: Satu Penilaian	Persatuan Ekonomi Malaysia
5 April 2010	FORUM ASLI	Institut Strategik Asia Kepimpinan (ASLI)
5 April 2010	Program Kerusi Panas (Azlan Idris): Tajuk perbincangan mengenai Model Ekonomi Baru (MBE)	BERNAMA RADIO24
5 April 2010	Forum membincangkan Isu 'Model Ekonomi Baru & Gagasan 1 Malaysia'	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
9 April 2010	Siri Gender Niew: "Woman & The New Economic Model"	Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)
9 April 2010	Taklimat Model Ekonomi Baru	Tabung Amanah Muhibbah (TAMU)
13 April 2010	"Developing Creativity And Innovation, Rethinking Human Capital Development"	Universiti Terbuka Wawasan
13 April 2010	FORUM SEDAR	Institut SEDAR
15 April 2010	Dialog MBE/Taklimat	Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
19 April 2010	Bengkel NKEA Workshop mengenai E&E Pulau Pinang, Dialog MBE. Opening Remarks and Overview of the New Economic Model (NEM) by Dato' Seri Panglima Andrew Sheng	
20 April 2010	MICPA 51st Anniversary Commemorative Lecture at Sime Darby Convention Centre	Sime Darby Convention Centre
20 April 2010	Seminar Penggerak	Biro Tatanegara Negara
20 April 2010	Timbalan Menteri/BNBBC	Ahli Parlimen Barisan Nasional
20 April 2010	Lembaga Penasihat Antarabangsa	CPDS Universiti Malaya
21 April 2010	Mesyuarat Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Hubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
27 April 2010	Forum mengenai Model Baru Ekonomi dan Peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

29 April 2010	Seminar Kebangsaan 'Pengajian Tinggi dan Model Baru Ekonomi' Memacu Model Baru Ekonomi Melalui Pengajian Tinggi	AKEPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
30 April 2010	Seminar Pelajar	Politeknik Shah Alam
2 May 2010	Bengkel PERKASA: Membentang Kertas Kerja Mengenai Dasar-dasar Afirmatif Membantu Bumiputra di dalam Model Ekonomi Baru	Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA)
5 May 2010	Forum Model Ekonomi Baru (MBE) - Langkah Berinformasi Dasar, Strategi & Pelan Tindakan: Dimana Letaknya Ekonomi Melayu	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Terengganu
5-6 May 2010	Persidangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak	Kerajaan Negeri Sarawak
6 May 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
10 May 2010	Mesyuarat Perdana Pasukan Petugas: "Workforce"	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
10 May 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Inovasi Negara (JTPIN) : Peranan JTPIN Dalam Merealisasikan Model Ekonomi Baru	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (MOSTI)
11 May 2010	Mesyuarat Perdana Pasukan Petugas: "Knowledge Base"	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
11 May 2010	Persatuan Elektronik Amerika Malaysia	Persatuan Elektronik Amerika Malaysia
12 May 2010	Dialog MBE/Taklimat	EMPOWER & SUARAM (NGO)
13 May 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
13 May 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
14 May 2010	Konvensyen Usahawan Melayu : Agenda Ekonomi Melayu Dalam Model Ekonomi Baru	Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
14 May 2010	FORUM of Management Team	Universiti Teknologi MARA (UiTM)

17 May 2010	Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan	Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Hubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
18 May 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Pulau Pinang
18 May 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan PEMUDAH	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
20 May 2010	Seminar mengenai Inovasi dan Kreativiti dalam Pelancongan	Kementerian Pelancongan
21 May 2010	Mesyuarat Majlis Penasihat MATRADE (NAPSEC)	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
21 May 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
21 May 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
24 May 2010	Mesyuarat Sub Pasukan Petugas : "Upgrading the Skills of the Labour Force and Enhancing Vocational and Technical Training"	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
24 & 25 May 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Pahang
25 May 2010	Persidangan Microsoft dengan Steve Ballmer and Tony Fernandes	Microsoft
26 May 2010	Temuramah Mengenai MBE	Berita Radio RTM Radio
26 May 2010	Mesyuarat Sub Pasukan Petugas: "Reducing the Dependence on Foreign Labour"	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
26 & 27 May 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Kelantan
27 May 2010	Mesyuarat Sub Pasukan Petugas : "Developing a Quality Workforce and Reducing Dependency on Foreign Labour"	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
27 May 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Bahagian Undang-Undang, SHELL Malaysia	Majlis Penasihat Ekonomi Negara

29 May 2010	Kongres Ekonomi Bumiputera	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB)
1 June 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Melaka
2 June 2010	Plenary Forum	Akademi Sains Malaysia
2 June 2010	Mesyuarat Sub Pasukan Petugas : “Improving Functioning of Labour Market and Managing Talent Workforce”	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
3 June 2010	Perbincangan Meja Bulat PTD	Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)
3 June 2010	Mesyuarat Sub Pasukan Petugas: “Promoting Stronger Enabling Institutions to Support Innovation to Move Up the Value Chain”	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
4 June 2010	Forum mengenai “Positioning Perak in the NEM”	Institut Darul Ridzuan Perak
7 June 2010	Mesyuarat Ketua-Ketua Setiausaha dan Perkhidmatan	Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Hubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
14 June 2010	Bengkel MPEN- Tindakan Afirmatif di bawah Model Baru Ekonomi	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
15 June 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Y.Bhg. Tan Sri Ramli Ngah Talib, Bekas Y.Dipertua Dewan Rakyat	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
16 June 2010	Forum MBE dan RMK 10	Universiti Kebangsaan Malaysia
19 June 2010	Dialog MBE/Taklimat dengan Parti Bersatu Sabah	Parti Bersatu Sabah (PBS)
21 & 22 June 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Sembilan
23 June 2010	Dialog MBE/Taklimat kepada Pihak Pengurusan	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
23 June 2010	Persidangan ke- 9, Status and Outlook of the Malaysian Steel Industry :“Malaysian Economy and the New Economic Model”	Persekutuan Industri Besi dan Keluli Malaysia (MISIF)
23 June 2010	Penceramah Jemputan untuk Kelab Diner Maktab Pertahanan Angkatan Tentera: “New Economic Model: The Way Ahead”	Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT)
1 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Ketua Setiausaha Negara	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
2 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kementerian Luar Negara

3 July 2010	Pelajar-Pelajar MBA Universiti Hawaii	Universiti Hawaii
5 & 6 July 2010	Bengkel MPEN- Pasaran Tenaga Kerja dan Inovasi	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
6 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Maktab Kerjasama Malaysia-Cawangan Sarawak
7 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
7 July 2010	National Tax Conference	
9 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
9 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik, Kementerian Kewangan	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
12 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
13 July 2010	Seminar 'Model Baru Ekonomi: Tinjauan dari Perspektif Islam Model Ekonomi Baru	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
13 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Unit Perancang Ekonomi (UPE)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
14 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
14 July 2010	Mesyuarat dengan Prof Frances Stewart, Pengarah Centre for Research on Inequality, Human Security and Ethnicity (CRISE), Universiti Oxford	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
16 July 2010	Mesyuarat GLCs(G20)	Khazanah Nasional Bhd. Malaysia
16 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Majlis Bandaraya Petaling (MBPJ)	
19 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Kedah
20 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Perlis
21 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya

21 July 2010	Majlis Forum Ekonomi Baru Malaysia : Terpinggirkah Melayu Dalam Model Ekonomi Baru	Persatuan Guru-Guru Melayu Perak dan Persatuan Jaringan Perpaduan Melayu (PERGUM)
22 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Sabah
26 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
26 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Hubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
27 July 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Unit Inovasi Khas (UNIK)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
27 July 2010	The New Economy What is in for the Rakyat	Malaysian Debt Ventures
27 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
28 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia Kementerian Perladangan dan Komoditi
29 July 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Terengganu
2 August 2010	Simposium Kebangsaan ASLI	Institut Strategik Asia & Kepimpinan (ASLI)
3 August 2010	Persidangan Majikan-Majikan Malaysia	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
11 August 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
11 August 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Jabatan Audit Negara	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
17 August 2010	Sesi Pasukan Petugas C : Mengukuhkan Sektor Awam dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
14 August 2010	Persidangan Ekonomi Cina, "Peranan Komuniti Cina dalam Mencapai MBE dan Sasaran RMK-10"	Kongres Persatuan Cina Malaysia (MCA)
29 September 2010	Dialog MBE/Taklimat	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
30 September 2010	Dialog MBE/Taklimat	Kerajaan Negeri Selangor

MPEN

Majlis Penasihat Ekonomi Negara
Aras 5 & 11, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 PUTRAJAYA MALAYSIA

www.neac.gov.my